BESTARI Berbicara 2026

Perkongsian Profesional Guru Kanan dan Guru Peneraju

MALAY LANGUAGE CENTRE OF SINGAPORE

Ministry of Education SINGAPORE

Academy of Singapore Teachers
lead. care. inspire.

Cetakan Mei 2026

Hak cipta terpelihara © 2026 Pusat Bahasa Melayu Singapura, Akademi Guru Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura. Tidak dibenarkan mengulang cetak atau menerbitkan semula mana-mana bahagian isi kandungan e-buku ini dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada pemilik hak cipta buku ini.

ISBN: 978-981-94-6377-0

Diterbitkan oleh

Pusat Bahasa Melayu Singapura
Akademi Guru Singapura
Kementerian Pendidikan Singapura

Pendapat dan pandangan yang terkandung dalam penyelenggaraan bahan perkongsian dalam e-buku ini merupakan pendapat dan pandangan penulis masing masing dan tidak semestinya mencerminkan pendapat dan pandangan penganjur Bestari Berbicara 2026.

KANDUNGAN

SEKAPUR SIRIH

MENGAKTIFKAN SUARA PELAJAR: PENDEKATAN INKUIRI DALAM PENGAJARAN LISAN
Eddayana Binte Abdullah
Sekolah Rendah Bukit View

MEMBENTUK BILIK DARJAH KOMUNIKATIF: KEPIMPINAN PEDAGOGI DALAM AMALAN DIALOGIK BAGI BAHASA IBUNDA
Aidah Binte Hosni
Sekolah Rendah Fern Green

MEMBINA KEMAHIRAN BERFIKIR SECARA KRITIS DAN KREATIF MELALUI PROGRAM BLISS
Najiyyah bte Mohamed Said
Sekolah Rendah Greenwood

PROGRAM JAMBATAN LISAN BAHASA IBUNDA
Suriana Mohamed Bakri
Sekolah Rendah Kranji

RUTIN BERFIKIR FIKIR-RASA-PRIHATIN DALAM PENULISAN
Noraini Karsani
Sekolah Rendah New Town

AI STORY U: MENGGUNAKAN AI UNTUK MENJANA CERITA DALAM PENGAJARAN PERIBAHASA DAN KARANGAN
Elyani Binte Mohamed
Sekolah Rendah Palm View

GURU DAN AI: SINERGI BAHARU DALAM SLS UNTUK PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
Norhidayana Jabar
Sekolah Rendah Punggol Green

MEMPERKASAKAN INTERAKSI LISAN MELALUI PEDAGOGI INKLUSIF BERASASKAN UDL
Juliana Binte Johari (Sekolah Rendah Qihua)
Elyyah Kamsin (Sekolah Rendah Qihua)

MENGAPLIKASI AI DALAM PDP BAHASA MELAYU

Rahayu Mohamad Noor
Sekolah Rendah Rulang

MEMBUDAYAKAN METAKOGNISI: LITERASI MAKLUM BALAS DAN INOVASI BERTERASKAN AI

Massuniza binte Ismail
Sekolah Menengah Beatty

PANTUN: KEINDAHAN SENI DAN SUARA BUDAYA MELAYU

Zulkifli Khamis (Sekolah Menengah Bendemeer)
Nasyitah Abu Bakar (Sekolah Menengah Bendemeer)

MEMACU AMALAN PERTUTURAN DIALOGIK DALAM PDP

Norhamidah Binte Hassan
Sekolah Geylang Methodist (Menengah)

MENGGALAKKAN PEMBELAJARAN KENDIRI MENERUSI PORTFOLIO INKUIRI DIGITAL

Muhammad Irwan Bin Jamal
Sekolah Menengah Hougang

MEMPERKASAKAN PEMBELAJARAN KENDIRI MELALUI ALAT PEMANTAUAN DAN REFLEKSI

Julaiha Haron
Sekolah Menengah Punggol

NITRA: MEMBANGUN GURU MELALUI NILAI DALAM SASTERA

Dr Nor Hanisah Bte Saphari
Maktab Rendah Catholic

MEMBINA EKOSISTEM INKUIRI GURU MELALUI MAKMAL PEMBANGUNAN PROFESIONAL

Dr Mohamed Pitchay Gani Bin Mohamed Abdul Aziz
Maktab Rendah St Andrew

JAWATANKUASA PENGANJUR

SEKALUNG BUDI



Abdul Harris Sumardi
Pengarah Pusat
Pusat Bahasa Melayu Singapura
Akademi Guru Singapura
Kementerian Pendidikan Singapura

Sekapur Sirih

Program Bestari Berbicara 2026 telah dilaksanakan untuk terus menjadi wahana ilmu yang signifikan bagi para Guru Kanan dan Guru Peneraju Bahasa Melayu bertemu dan membina jaringan hubungan dalam sebuah ruang kolaboratif yang bermakna, dinamik dan sarat dengan perkongsian profesional.

Lebih daripada sekadar platform perkongsian ilmu dan pengalaman, program ini mencerminkan komitmen, iltizam serta kepimpinan Ketua Pedagogi Bahasa Melayu dalam memperkasakan pendidikan Bahasa Melayu secara holistik dan berterusan. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua Ketua Pedagogi yang telah menyumbang tenaga sebagai pembentang serta pencetus idea dalam usaha menyebarluaskan pengetahuan, inovasi dan amalan terbaik kepada komuniti Guru Kanan dan Guru Peneraju Bahasa Melayu.

Sesungguhnya, peranan Ketua Pedagogi tidak terbatas pada usaha membimbing dan menyokong rakan sejawat semata-mata. Ketua Pedagogi juga berperanan sebagai peneraju perubahan dan pemangkin kepada budaya pembelajaran berimpak tinggi. Dalam mendepani landskap pendidikan yang semakin mencabar dan berkembang pesat, kekuatan pendidikan Bahasa Melayu amat bergantung pada kebijaksanaan, keberanian dan kesungguhan Ketua Pedagogi dalam memimpin amalan terbaik, memperkukuh kompetensi guru serta membudayakan pedagogi yang reflektif, inovatif dan relevan dengan keperluan semasa.

E-Penerbitan Bestari Berbicara 2026 diusahakan bagi memperkukuh semangat kebersamaan, profesionalisme dan dedikasi Ketua Pedagogi dalam membina komuniti pendidik yang saling menginspirasi dan mempertajam amalan pedagogi Bahasa Melayu yang progresif, relevan dan berteraskan nilai. Sebanyak 16 perkongsian yang merangkumi pelbagai inisiatif di peringkat sekolah, zon dan kelompok berjaya dihimpunkan. Antara fokus utama yang diketengahkan termasuklah penerapan teknologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran abad ke-21, penerokaan Kecerdasan Buatan (AI), teknologi pendidikan (EdTech), amalan penilaian serta budaya pembangunan profesional. Hal ini memperlihatkan keterbukaan dan kesediaan Ketua Pedagogi untuk terus menyesuaikan kepimpinan serta amalan pedagogi sejajar dengan tuntutan dan keperluan pendidikan masa kini.

Semoga e-Penerbitan ini dapat menjadi sumber rujukan dan memanfaatkan para ketua pedagogi dengan ilmu yang berguna bagi memperkaya wacana profesional, sekali gus memperkukuh amalan pendidikan dan kepimpinan instruksional untuk pembangunan profesional. Semoga segala usaha dan komitmen yang dicurahkan dapat dimanfaatkan ke arah pembentukan generasi pewaris bangsa yang cemerlang, berilmu, berakhlak mulia dan berdaya saing pada masa hadapan.

Air perigi di tepi paya;

Segar dijamu unggas kehausan,

Ketua Pedagogi memimpin upaya;

Menyubur ilmu perkasa insan.

Seperti yang diperkenalkan pada tahun 2024, Ketua Pedagogi membuat perkongsian berpandukan Kerangka Kerja Seorang Ketua Pedagogi yang melibatkan perkara-perkara berikut:



- Membina Hubungan dengan guru-guru
- Menyediakan Sumber dan Kajian
- Meluangkan Masa Memberikan Maklum Balas
- Belajar Bersama-sama dengan Guru dan Pentadbir Sekolah
- Mengumpul dan Menganalisis Dapatan
- Meneraju Inovasi Bersama-sama guru

Apa yang diharapkan, ketua pedagogi kita dapat menajamkan kemahiran mereka dalam proses meneraju pedagogi di sekolah masing-masing, bersikap reflektif dalam melaksanakan tugas dan kerangka kerja seorang ketua pedagogi yang diperkenalkan ini dapat membantu ketua pedagogi kita.

Program Bestari Berbicara MLCS pada tahun 2026 ini memberikan ruang dan peluang untuk ketua pedagogi melibatkan diri dalam wacana profesional bersama-sama Guru Pakar dalam ruang zon masing-masing. Usaha ini diharapkan juga dapat melahirkan pendidik yang sentiasa mencari jalan untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu yang berkesan dan bermakna. Marilah kita bersama-sama menuju ke arah visi guru cemerlang dan pelajar budiman. Semoga perkongsian kali ini dapat ditambah nilai dan melebarkan rangkaian kerjasama pembelajaran dalam kalangan ketua pedagogi kita.

MENGAKTIFKAN SUARA PELAJAR: PENDEKATAN INKUIRI DALAM PENGAJARAN LISAN



Eddayana Binte Abdullah
Guru Kanan
Sekolah Rendah Bukit View

SINOPSIS

Projek ini mengetengahkan inisiatif ketua-ketua pedagogi di sekolah dalam melaksanakan pendekatan Pembelajaran Berasaskan Inkuiri (IBL) untuk menyokong pembangunan Kemahiran Abad Ke-21. Bagi bahasa Melayu, pengajaran Lisan Bahasa Melayu telah dipilih. Inisiatif ini melibatkan pelajar-pelajar membentuk soalan pencetus yang bermakna, rutin perbincangan berstruktur serta penggunaan maklum balas formatif seperti *feed up*, *dialogic feedback* dan *feed forward* untuk meningkatkan kualiti respons pelajar. Pendekatan ini juga bertujuan membina keyakinan bertutur dan menggalakkan pemikiran aras tinggi selaras dengan aspirasi Kemahiran Abad Ke-21. Antara cabaran yang dihadapi ialah perubahan minda guru daripada pendekatan berpusatkan guru kepada fasilitator, kekangan masa dan tahap penguasaan bahasa pelajar yang berbeza. Walau bagaimanapun, pelajar menunjukkan peningkatan dari segi keberanian bersuara, keupayaan menyokong idea dengan alasan serta interaksi yang lebih bermakna. Inisiatif ini turut memperkukuh pembangunan guru melalui kolaborasi professional dan perkongsian strategi PdP yang berkesan.

PENGENALAN

1. INISIATIF PROJEK

Perkongsian ini tercetus daripada beberapa permasalahan yang dikenal pasti dalam kalangan pelajar, khususnya pelajar yang kurang yakin untuk bertutur dan hanya mampu memberikan respons yang terhad dalam aktiviti Lisan Bahasa Melayu. Selain itu, pelajar juga didapati menghadapi kesukaran untuk mengembangkan isi semasa bertutur, menyebabkan jawapan mereka ringkas dan kurang huraian.

Selain itu, pelajar turut digalakkan untuk membina soalan sendiri selepas menonton video yang diberikan. Pendekatan ini memberi ruang kepada pelajar untuk berfikir secara lebih mendalam dan aktif sebelum sesi perbincangan dijalankan, berbanding amalan sebelumnya, di mana perbincangan soalan berlaku secara serta-merta berdasarkan soalan-soalan yang telah disiapkan oleh guru. Ini secara tidak langsung membantu meningkatkan penglibatan pelajar serta kualiti respons yang diberikan.

Di samping itu juga, terdapat keperluan untuk beralih daripada pendekatan berpusatkan guru kepada pembelajaran yang lebih aktif dan berpusatkan pelajar. Inisiatif ini telah digerakkan guru-guru yang berminat untuk mengkaji serta melaksanakan pendekatan Pembelajaran Berasaskan Inkuiri (IBL). Usaha ini turut disokong oleh pihak sekolah untuk memperkukuh Kemahiran Abad Ke-21, khususnya dalam aspek komunikasi, pemikiran kritis dan keyakinan diri pelajar.

2. OBJEKTIF PERKONGSIAN

Perkongsian ini bertujuan untuk:

- memperlihatkan peranan ketua pedagogi dalam menerajui inisiatif yang melibatkan pendekatan Pembelajaran Berasaskan Inkuiri (IBL) bagi meningkatkan keyakinan pelajar dalam mengembangkan isi dengan lebih jelas dan terperinci semasa aktiviti lisan; dan
- menggalakkan penglibatan para guru dalam memperkukuh kemahiran komunikasi dan pemikiran kritis pelajar selaras dengan keperluan abad ke-21.

3. KAJIAN LEPAS

Pelaksanaan inisiatif ini disokong kukuh oleh beberapa kajian terdahulu dan pandangan pakar yang menekankan kepentingan pembelajaran berpusatkan pelajar serta pendekatan berasaskan penerokaan. Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Inkuiri (IBL) yang dipilih memberi penekanan kepada penglibatan aktif pelajar dalam membina pengetahuan melalui proses menyoal, menyiasat dan membuat penemuan sendiri, selari dengan prinsip-prinsip pendidikan yang telah terbukti keberkesanannya.

M. David Merrill (2002), dalam kajiannya tentang *First Principles of Instruction*, menegaskan bahawa pembelajaran menjadi lebih efektif apabila pelajar terlibat secara aktif dalam tugasan yang berkaitan dengan situasi dunia sebenar. Prinsip ini sejajar dengan pendekatan IBL yang menggalakkan pelajar meneroka isu atau topik secara kontekstual, seterusnya membina kefahaman yang lebih mendalam melalui pengalaman pembelajaran yang autentik.

Dalam konteks lisan bagi Bahasa Melayu, pendekatan ini amat relevan kerana pelajar bukan sahaja perlu memahami isi, tetapi juga berupaya menyampaikan pandangan secara jelas, teratur dan bermakna. Melalui IBL, pelajar didorong untuk membina soalan sendiri, membuat pemerhatian, dan mengaitkan isi perbincangan dengan pengalaman harian atau situasi sebenar. Proses ini membantu pelajar mengembangkan idea dengan lebih mendalam, dan terlibat secara aktif dalam perbincangan yang berasaskan situasi autentik seperti menonton video, menganalisis isu, dan seterusnya berbincang. Mereka berpeluang mempraktikkan kemahiran bertutur secara lebih bermakna. Hal ini dapat meningkatkan keyakinan diri pelajar, memperkaya kosa kata, dan menggalakkan penggunaan struktur ayat yang teratur serta huraian yang lebih jelas dalam respons lisan mereka.

John Dewey (1938) menekankan konsep *Learning by Doing,* iaitu pembelajaran berlaku dengan lebih berkesan apabila pelajar terlibat secara aktif melalui pengalaman sebenar, bukan sekadar menerima maklumat secara pasif. Dewey berpandangan bahawa proses pembelajaran perlu bersifat pengalaman yang bermakna, di mana pelajar berinteraksi dengan persekitaran, menyelesaikan masalah dan membina kefahaman sendiri melalui tindakan.

Dalam konteks IBL, prinsip ini jelas diaplikasikan apabila pelajar diberi ruang untuk bertanya, meneroka dan berbincang tentang sesuatu isu atau topik. Proses inkuiri ini secara semula jadi mewujudkan keperluan untuk pelajar berkomunikasi secara lisan bagi berkongsi idea, menjelaskan pemikiran dan bertindak balas terhadap pandangan rakan. Ketika pelajaran lisan, pendekatan ini penting kerana pelajar tidak hanya berlatih bertutur dalam bentuk jawapan hafalan, tetapi menggunakan bahasa secara autentik untuk tujuan sebenar; iaitu menerangkan, menghuraikan dan meyakinkan pendengar. Apabila pelajar terlibat dalam aktiviti seperti perbincangan kumpulan, soal jawab atau pembentangan hasil inkuiri, mereka secara tidak langsung membina keupayaan untuk menyusun idea dengan lebih teratur, menggunakan kosa kata yang sesuai, dan meningkatkan kelancaran serta keyakinan diri semasa bertutur.

Oleh itu, *Learning by Doing* bukan sahaja memperkukuh kefahaman pelajar terhadap kandungan pembelajaran, malah menjadi pemangkin penting dalam memperkasakan kemahiran lisan, khususnya dari segi komunikasi yang lebih bermakna, aktif dan kontekstual.

Rajah 1: Proses Pembelajaran Berasaskan Inkuiri



Rajah 1 ini menunjukkan Proses Pembelajaran Berasaskan Inkuiri (IBL) sebagai satu kitaran pembelajaran yang berterusan dan berpusatkan pelajar. Model ini menekankan penglibatan aktif pelajar dalam membina pengetahuan melalui lima peringkat utama, iaitu bertanya, menyelidik, menjelaskan, perbincangan dan perkongsian serta menilai.

Proses ini bermula dengan fasa *bertanya*, di mana pelajar mengemukakan soalan sebagai pencetus inkuiri. Fasa ini secara langsung merangsang kebolehan pelajar untuk berani bersuara, menyatakan rasa ingin tahu, dan merangka soalan yang bermakna. Ini membantu membina keyakinan awal dalam komunikasi lisan. Seterusnya, dalam fasa *menyelidik*, pelajar meneroka dan mengumpul maklumat daripada video yang ditonton. Pada peringkat ini, interaksi lisan berlaku secara aktif melalui perbincangan dengan guru dan rakan sebaya, di mana pelajar belajar untuk bertanya soalan. Fasa *menjelaskan* pula melibatkan pelajar menyusun serta menghuraikan pemahaman mereka secara lisan atau bertulis. Dalam konteks Lisan Bahasa Melayu, fasa ini amat penting kerana pelajar dilatih untuk menyampaikan idea secara lebih teratur, menggunakan ayat yang lengkap, serta mengembangkan isi dengan contoh yang relevan. Ini diikuti dengan fasa *perbincangan* dan *perkongsian*, yang memberi ruang kepada interaksi sosial dan pembinaan pengetahuan secara kolaboratif. Di sini, kemahiran lisan berkembang apabila pelajar perlu mendengar secara aktif, memberi respons serta mempertahankan pandangan mereka. Proses ini turut menggalakkan penggunaan bahasa yang lebih spontan, autentik dan bermakna. Akhir sekali, fasa *menilai* membolehkan pelajar membuat refleksi terhadap pembelajaran mereka serta menambah baik kefahaman sedia ada. Di sini, pelajar dapat menilai keupayaan mereka sendiri dalam bertutur, mengenal pasti kekuatan dan kelemahan, serta menetapkan sasaran penambahbaikan bagi komunikasi lisan yang lebih berkesan pada masa hadapan.

PERANAN KETUA PEDAGOGI

Berdasarkan kerangka '*Saya Ketua Pedagogi*', pelaksanaan Pembelajaran Berasaskan Inkuiri (IBL) di sekolah telah diterajui secara strategik oleh seorang guru pakar yang memimpin pasukan yang terdiri daripada guru peneraju dan guru kanan. Pendekatan ini menekankan kepimpinan pedagogi yang kolaboratif dalam memperkukuh amalan pengajaran berasaskan inkuiri dalam kalangan guru.

Guru pakar memainkan peranan utama dalam menerajui pelaksanaan IBL, dengan membimbing pasukan guru peneraju dan guru kanan untuk merancang serta melaksanakan pengajaran yang berfokus kepada proses inkuiri seperti bertanya, menyelidik dan mengembangkan idea. Dalam hal ini, guru pakar turut berfungsi sebagai *More Knowledgeable Others* (MKO) yang menyediakan sumber dan kajian sokongan berkaitan IBL kepada pasukan, termasuk bahan bacaan, contoh pelaksanaan serta dapatan kajian lepas. Kumpulan ini kemudian memainkan peranan menyebarluaskan sumber ini kepada guru-guru lain serta menyokong pelaksanaan di bilik darjah melalui sebuah bengkel.

Dari segi hubungan profesional, guru pakar bersama pasukan kepimpinan pertengahan ini membina hubungan yang kukuh dengan guru-guru, mewujudkan persekitaran yang selamat untuk berkongsi amalan, mencuba pendekatan baharu dan membuat refleksi bersama. Kolaborasi ini penting dalam memastikan pelaksanaan IBL dapat dijalankan secara konsisten dan berkesan di seluruh peringkat sekolah.

Dalam aspek pembangunan profesional, guru pakar meluangkan masa untuk memberikan maklum balas yang spesifik, praktikal dan tepat pada masanya melalui sesi pemerhatian, perbincangan dan refleksi. Maklum balas ini membantu memperhalus pelaksanaan IBL, khususnya dalam merancang soalan inkuiri, memudah cara perbincangan dan menyokong pengembangan idea dalam kalangan guru-guru kanan, guru-guru serta pelajar-pelajar.

Seterusnya, guru pakar, guru peneraju dan guru-guru kanan belajar bersama-sama dengan guru sebagai satu komuniti pembelajaran profesional. Pendekatan ini selari dengan prinsip IBL, di mana pembelajaran berlaku secara kolaboratif dan berterusan, bukan sahaja dalam kalangan pelajar tetapi juga dalam kalangan pendidik.

Dari segi penambahbaikan berterusan, pasukan ini mengumpul dan menganalisis dapatan seperti hasil kerja pelajar dan respons lisan. Dapatan ini digunakan untuk mengenal pasti keberkesanan pelaksanaan IBL serta merancang intervensi atau penyesuaian yang lebih tepat pada masa.

Akhir sekali, guru pakar bersama guru peneraju dan guru kanan meneraju inovasi dalam pedagogi, dengan meneroka penggunaan teknologi dan pendekatan terkini yang menyokong IBL. Melalui usaha ini, kepakaran guru dapat dibina secara kolektif, sekali gus memperkukuh pelaksanaan pembelajaran berasaskan inkuiri dalam meningkatkan keupayaan pelajar untuk berfikir, bertutur dan mengembangkan idea secara lebih yakin dan bermakna.

REFLEKSI

Sebagai Ketua Pedagogi, pelaksanaan projek ini memberi saya peluang untuk mencuba, menyelia dan memimpin inisiatif pedagogi secara langsung. Sepanjang proses ini, saya dapat mengamati bagaimana guru-guru kanan yang lain mengadaptasi pendekatan baharu dalam pengajaran mereka dan berinteraksi dengan pelajar secara lebih berkesan.

Daripada segi impak kepada guru-guru di sekolah, projek ini telah membuka ruang kepada guru-guru kanan yang lain untuk mencuba pedagogi baharu dan berkongsi pengalaman antara satu sama lain. Kumpulan ini menjadi lebih yakin dalam menggunakan pendekatan IBL yang lebih kreatif dalam membina aktiviti pembelajaran yang menarik. Kami juga lebih proaktif dalam menilai kemajuan pelajar dan membuat penyesuaian berdasarkan pemerhatian.

Melalui projek ini, pembangunan profesional guru diperkaya kerana kami diberi peluang untuk:

- mengamalkan strategi pengajaran iaitu IBL;
- menerima maklum balas segera dan spesifik daripada guru pakar; dan
- berkongsi amalan terbaik secara kolaboratif dengan jabatan saya dan secara langsung, meningkatkan kemahiran refleksi kritis dan inovasi pedagogi.

Cabaran utama termasuk memastikan semua guru selesa dengan pendekatan IBL. Guru-guru perlu juga mengimbangkan tanggungjawab harian mereka dengan penglibatan dalam projek. Ada keperluan juga untuk menggalakkan keterbukaan kepada perubahan dan percubaan pedagogi dan ini memerlukan kesabaran dan motivasi berterusan.

Pada keseluruhannya, objektif projek secara umum tercapai. Berdasarkan pemantauan di kelas, saya dapat melihat keyakinan pelajar dalam perbualan meningkat dengan jelas. Pelajar lebih berani bertanya dan menjawab soalan dan ini menunjukkan peningkatan keyakinan diri dan penglibatan aktif dalam pembelajaran. Secara keseluruhan, projek ini bukan sahaja memberi impak positif kepada pelajar tetapi juga memperkukuh kemahiran profesional guru, menjadikan mereka lebih bersedia menghadapi cabaran pedagogi masa kini.

RUJUKAN

Merrill, M. D. (2002). First principles of instruction. Educational Technology Research and Development, 50(3), 43–59.


Dewey, J. (1938). Experience and education. Macmillan.

Pusat Bahasa Melayu Singapura. (n.d.). OPAL – Proses Pembelajaran Berasaskan Inkuiri. OPAL.

POSTER PERBINCANGAN

Mengaktifkan Suara Pelajar: Pendekatan Inkuiri dalam Pengajaran Lisan





Inisiatif Ketua Pedagogi



1 Meningkatkan Keyakinan Bertutur

- Pelajar kurang yakin untuk berkongsi idea dan cenderung memberi respons yang terhad dalam aktiviti lisan.

2 Memperkaya Pengembangan Isi

- Jawapan pelajar sering ringkas dan kurang huraian kerana kesukaran mengembangkan idea.





3 Pembinaan Soalan oleh Pelajar

- Pelajar digalakkan membina soalan sendiri selepas menonton video untuk merangsang pemikiran lebih mendalam sebelum perbincangan.

4 Peralihan Pedagogi

- Daripada pendekatan berpusatkan guru kepada pembelajaran berpusatkan pelajar yang lebih aktif dan bermakna.





5 Pelaksanaan IBL & 21CC

- Pendekatan IBL menyokong pembangunan komunikasi, pemikiran kritis dan keyakinan diri selaras dengan Kemahiran Abad Ke-21.



Objektif Inisiatif yang Dijalankan

Perkongsian ini bertujuan untuk:

- **meningkatkan keyakinan pelajar dalam bertutur Bahasa Melayu**
- **membantu pelajar mengembangkan isi dengan lebih jelas dan terperinci semasa aktiviti lisan**
- **menggalakkan penglibatan aktif pelajar melalui pendekatan Pembelajaran Berasaskan Inkuiri (IBL); dan**
- **memperkukuh kemahiran komunikasi dan pemikiran kritis selaras dengan keperluan abad ke-21**



Eddayana Bte Abdullah
Sekolah Rendah Bukit View

POSTER PERBINCANGAN

Mengaktifkan Suara Pelajar: Pendekatan Inkuiri dalam Pengajaran Lisan

Pendekatan IBL dan Kaitan dengan Lisan



1. Bertanya - membina soalan dan keyakinan bertutur
2. Menyelidik - meneroka maklumat & bertanya
3. Menjelaskan - menghuraikan idea dengan jelas
4. Perbincangan - berkongsi dan memberi respons
5. Menilai - refleksi dan penambahbaikan

Peranan Ketua Pedagogi



Kepimpinan Kolaboratif

- Guru pakar bersama guru **peneraju & guru kanan menerajui** pelaksanaan IBL secara **kolaboratif**.



More Knowledgable Others (MKO)

- Guru pakar membimbing dalam IBL sebagai MKO, menyediakan bahan bacaan, contoh pelaksanaan & dapatan kajian.



Hubungan Profesional

- Mewujudkan hubungan kukuh dengan-guru-guru untuk berkongsi amalan dan mencuba pendekatan IBL secara selamat.



Maklum Balas Khusus

- Guru pakar memberikan maklum balas **spesifik & tepat pada masanya**, serta **membantu** memperhalus pelaksanaan IBL.



Budaya Pembelajaran Profesional

- Belajar bersama guru dalam **komuniti** pembelajaran profesional yang berterusan.



Penambahbaikan Berterusan

- Mengumpul data & merancang intervensi untuk meningkatkan keberkesanan IBL.



Eddayana Bte Abdullah
Sekolah Rendah Bukit View

POSTER PERBINCANGAN

Mengaktifkan Suara Pelajar: Pendekatan Inkuiri dalam Pengajaran Lisan

Refleksi



Seorang guru yang hebat tidak membina pengikut.

beliau membina lebih ramai pemimpin dalam kalangan rakan-rakannya.



Eddayana Bte Abdullah
Sekolah Rendah Bukit View

MEMBENTUK BILIK DARJAH KOMUNIKATIF: KEPIMPINAN PEDAGOGI DALAM AMALAN DIALOGIK BAGI BAHASA IBUNDA



Aidah Binte Hosni
Guru Kanan
Sekolah Rendah Fern Green

SINOPSIS

Inisiatif ini bertujuan untuk mengalih amalan wacana berpusatkan guru kepada perbualan bermakna yang berupaya memperdalam penguasaan Bahasa Ibunda melalui pelaksanaan pertuturan dialogik. Strategi ini membantu merangsang pemikiran, dan mengangkat suara pelajar, selaras dengan *Singapore Teaching Practice* (STP). Sebagai Guru Kanan, saya menerajui inisiatif ini melalui pembangunan kemahiran guru secara sistematik dengan memanfaatkan waktu kurikulum yang diperuntukkan. Pembangunan profesional ini merangkumi pemodelan strategi, perancangan kolaboratif, pemerhatian rakan sejawat, dan refleksi berpandukan bukti perbualan pelajar. Para guru kini lebih yakin, mahir dan konsisten dalam melaksanakan pengajaran berfokuskan pertuturan dialogik. Pelajar pula menjadi lebih aktif, berkeyakinan, dan mampu menyuarakan idea secara bernas. Selain itu, inisiatif ini memperkukuh pembangunan profesional para guru melalui agensi, kolaborasi, dan amalan reflektif yang berterusan. Inisiatif ini bukan sekadar mengubah amalan di bilik darjah, malah berjaya membina budaya profesional yang mampan. Hal ini seterusnya melahirkan guru sebagai peneraju pedagogi dan pelajar sebagai komunikator yang berfikiran kritis.

PENGENALAN

1. INISIATIF

Inisiatif ini tercetus daripada keperluan mendesak untuk menangani tahap keyakinan pelajar yang rendah dalam bertutur menggunakan Bahasa Ibunda. Dominasi bahasa Inggeris dalam rutin harian serta pengaruh kuat media sosial telah menghadkan pendedahan pelajar terhadap kosa kata Bahasa Ibunda, sekali gus mewujudkan persekitaran yang kurang kondusif bagi penggunaan bahasa tersebut secara aktif dalam komunikasi lisan.

Sebagai Guru Kanan (Ketua Pedagogi), saya beriltizam memperkasakan guru-guru dengan kemahiran Abad ke-21 (21CC), khususnya dalam aspek komunikasi, demi memastikan pengajaran yang lebih berkesan dan bermakna. Peluang berkolaborasi dengan Guru Pakar, Cikgu Rahmat Subadah, dalam projek perintis pengajaran pertuturan dialogik, serta peranan saya sebagai ko-fasilitator dalam kursus berkaitan, telah memantapkan pengetahuan danamalan profesional saya. Berlandaskan fokus sekolah terhadap 21CC, saya memanfaatkan pengalaman ini untuk menerajui pelaksanaan pedagogi dialogik diperingkat Jabatan Bahasa Ibunda di sekolah saya.

2. OBJEKTIF PERKONGSIAN

Objektif pedagogi ini adalah untuk menangani isu autentik yang didepani oleh kebanyakan sekolah, iaitu kemerosotan keyakinan bertutur dalam Bahasa Ibunda akibat asimilasi bahasa Inggeris yang tebal. Pendekatan ini memperlihatkan bagaimana kepimpinan instruksional di peringkat jabatan mampu membina kemahiran guru secara sistematik dan berimpak, selaras dengan prinsip *Singapore Teaching Practice* (STP).

Pelaburan terhadap kemahiran pedagogi guru merupakan pemangkin utama kepada keberkesanan pembelajaran. Guru yang reflektif dan mahir dalam komunikasi abad ke 21 (21CC) berupaya melahirkan pelajar yang bukan sahaja fasih berbahasa Ibunda, malahberani berfikir dan berketerampilan sebagai komunikator global yang berkesan.

Selain itu, perkongsian ini bertujuan menyediakan model amalan terbaik dalam pemanfaatan waktu kurikulum bagi pembelajaran profesional yang boleh dicontohi oleh sekolah-sekolah lain. Dengan mengintegrasikan ruang pembelajaran ini secara sistematik, ia bukan sahaja mampu memperkukuh kualiti pengajaran di bilik darjah, malah membina budaya kolaborasi serta refleksi guru yang mampan dan berterusan demi memacu kecemerlangan akademik pelajar secara menyeluruh.

3. KAJIAN LEPAS

Kajian rintis Robin Alexander (2001, 2020) mengenai Kerangka Pedagogi Dialogik menegaskan bahawa pertuturan dialogik merupakan satu orientasi pembelajaran yang melangkaui interaksi lisan biasa melalui lima kriteria utama: kolektif, timbal balik, sokongan, kumulatif, dan bermatlamat. Beliau

membuktikan bahawa apabila guru beralih daripada pola penyoalan tradisional yang tertutup kepada wacana yang lebih terbuka, pelajar mampu menggunakan bahasa untuk menyusun pemikiran mereka dengan lebih berstruktur. Dapatan beliau menunjukkan bahawa dialog yang berkesan di dalam bilik darjah bukan sahaja meningkatkan kefahaman akademik, malah memperluas kapasiti kognitif pelajar untuk menaakul dan berhujah secara kritis.

Kajian Mercer dan Sams (2006) mengenai Kesan "*Thinking Together*" pula memfokuskan kepada penggunaan bahasa sebagai alat *"inter-thinking*" (berfikir bersama) untuk meningkatkan kemahiran penyelesaian masalah secara kolaboratif. Melalui intervensi yang melatih pelajar dan guru dalam kemahiran dialogik, kajian ini mendapati peningkatan yang signifikan dalam keupayaan pelajar untuk memberikan alasan dan membina hujah secara kolektif. Hal ini sangat relevan dengan pembangunan kemahiran Abad ke-21 (21CC) kerana ia membuktikan bahawa bimbingan guru yang terancang dalam pertuturan dialogik secara langsung menyokong perkembangan intelektual individu dan keberkesanan komunikasi dalam kumpulan.

PERANAN KETUA PEDAGOGI

Sebagai Ketua Pedagogi, saya menerajui pelaksanaan pedagogi dialogik melalui *Time Tabled Time* (TTT) yang berstruktur dan progresif. Inisiatif ini dibangunkan berasaskan dapatan kajian akademik hasil kolaborasi strategik bersama Guru Pakar, Cikgu Rahmat Subadah. Saya menggerakkan transformasi ini dengan membina hubungan profesional yang teguh, berteraskan prinsip kepercayaan mutlak, kejelasan hala tuju, serta kebertanggungjawaban kolektif.

Bagi pembangunan kemahiran para guru, saya menerapkan pendekatan kolaboratif melalui '*Saya Ketua Pedagogi'* – sebuah sistem rakan pembimbing (*buddy system*). Melalui platform ini, guru-guru berpeluang mengaplikasikan strategi dan repertoir pertuturan dialogik, yang kemudiannya disusuli dengan sesi pemerhatian rakan sejawat serta refleksi kritis berpandukan amalan sebenardi bilik darjah. Segala dapatan dan naratif amalan terbaik didokumentasikan secara sistematik dalam Padlet, yang berfungsi sebagai repositori pembelajaran kolektif bagi menyokong budaya refleksi berterusan dan pertukaran maklum balas profesional.

Dari aspek sokongan instruksional, saya membina sumber praktikal seperti kad pertuturan dialogik 'Berani Berbicara', templat pembinaan sumber, serta senarai semakkhusus untuk guru dan pelajar bagi memantau keberkesanan amalan secara objektif. Selain itu, bahan kajian akademik dikurasi dengan teliti sebagai rujukan berasaskan bukti (*evidence-based*) untuk memandu amalan pedagogi.

Dalam usaha memastikan kualiti pelaksanaan, saya memberikan maklum balas yang spesifik, praktikal, dan tepat pada waktunya, sambil mengamalkan budaya belajar bersama sebagai satu jabatan. Data daripada pelaksanaan ini dikumpul dan dianalisis secara tekal bagi memacu penambahbaikan strategik. Sejajar dengan visi kecemerlangan jabatan, saya menerajui inovasi secara kolektif dengan meneroka kesepaduan antara pedagogi kontemporari dan integrasi teknologi terkini seperti ClassPoint, Padlet, Grok, ChatGPT dan Google Gemini.

Sebagai pengukuhan amalan, guru-guru turut berkongsi pelaksanaan pedagogi D*ialogic Teaching* dalam *Learning Festival* di peringkat sekolah pada akhir tahun. Perkongsian ini bukan sahaja mempamerkan amalan terbaik, malah memperluas impak inisiatif ke peringkat seluruh sekolah serta memperkukuh budaya pembelajaran profesional.

Impaknya, inisiatif ini bukan sahaja membina keupayaan jabatan secara mampan, malah berjaya memperkasakan guru sebagai peneraju pedagogi yang berwibawa dalam melaksanakan pengajaran berimpak tinggi.

Projek ini berpasak pada dua garis panduan utama:

1. *Singapore Teaching Practice (STP)*

Inisiatif ini mencerminkan kerangka STP secara langsung melalui:

- Pedagogi Dialogik: Ini selaras dengan domain *Pedagogical Practices* dalam STP, khususnya dalam 'Rangsangan Pemikiran' (*Arousing Interest*) dan 'Pengukuhan Pembelajaran' (*Deepening Learning*) melalui interaksi yang bermakna.
- Wacana Bilik Darjah (*Classroom Discourse*): Peralihan daripada berpusatkan guru kepada dialog pelajar adalah strategi utama STP untuk membina kefahaman yang mendalam.
- Kepimpinan Instruksional: Peranan anda sebagai Guru Kanan dalam membimbing guru lain mencerminkan proses *Teaching Processes* dalam memantau dan memperhalusi amalan pengajaran.

2. Kemahiran Abad Ke-21 (21CC)

Projek ini berpaksikan kerangka kementerian bagi melahirkan pelajar yang siap siaga menghadapi masa hadapan melalui:

- Komunikasi: Fokus utama adalah membina keyakinan pelajar untuk menyuarakan idea secara bernas dan berstruktur dalam Bahasa Ibunda.
- Pemikiran Kritis: Melalui pedagogi dialogik, pelajar tidak hanya menghafal tetapi dicabar untuk berhujah dan berfikir secara kritis.
- Literasi Maklumat & Komunikasi: Penggunaan kosa kata yang tepat dalam konteks autentik merupakansebahagian daripada literasi komunikasi 21CC.

3. Model Pembangunan Profesional (*Professional Learning Communities* - PLC)

- **Kitaran Pembelajaran Profesional:** Penggunaan masa TTT (*Time-Tabled Time*) untuk bengkel, buddy system, dan pemerhatian rakan sejawat (Peer Observation) adalah amalan standard PLC di Singapura.
- *Refleksi Berasaskan Evidens:* Penggunaan bukti pembelajaran pelajar (seperti rakaman perbualan atau hasil kerja di Padlet) untuk menambah baik pengajaran.

4. Kurikulum Bahasa Ibunda (*MTL Curriculum Framework*)

- Meningkatkan kecekapan lisan (*Oral Proficiency*).
- Membina hubungan budaya dan emosi terhadap bahasa ibunda di tengah-tengah dominasi bahasaInggeris (seperti yang anda nyatakan sebagai cabaran utama).

REFLEKSI

Sebagai Ketua Pedagogi, pelaksanaan inisiatif ini memperkukuh keyakinan saya bahawa kepimpinan instruksional yang berfokus, berteraskan bukti (evidence-based), dan bersifat kolaboratif mampu mentransformasikan amalan pengajaran secarabermakna. Pendekatan berstruktur melalui Time-Tabled Time (TTT) serta kitaran pembelajaran profesional yang konsisten telah memastikan perubahan ini berlaku secara sistematik dan mampan. Saya juga melihat perkongsian guru-guru Bahasa Ibunda dalamLearning Festival sebagai bukti pemilikan dan kematangan amalan pedagogi dialogik. Perkongsian ini bukan sahaja memperluas impak ke seluruh sekolah, malah mengukuhkan budaya pembelajaran profesional yang kolaboratif dan mampan.

1. Kesan Terhadap Guru

Guru-guru mempamerkan peningkatan ketara dari segi keyakinan, kecekapan, dan konsistensi dalam mengaplikasikan pedagogi dialogik. Mereka kini lebih mahir merancang perbualan bermakna, menggunakan repertoir dialogik secara terancang, serta lebih berani meneroka strategi inovatif bagi menghidupkan suasana bilik darjah.

2. Nilai Tambah Pembangunan Profesional

Inisiatif ini telah berjaya membina agensi guru sebagai pengamal reflektif dan peneraju di bilik darjah. Selain mengukuhkan budaya kolaborasi profesional, ia turut memperkaya pengetahuan pedagogi yang menggabungkan teori kajian dengan amalan praktikal. Kini, guru lebih berupaya memanfaatkan bukti pembelajaran pelajar sebagai asas untuk memperhalusi dan meningkatkan kualiti instruksional secara berterusan.

3. Cabaran dan Strategi Penyelesaian

Antara cabaran utama yang didepani termasuklah kekangan masa dalam pembangunan sumber, tahap kesediaan guru yang rencam, serta tempoh adaptasi pelajar terhadap amalan dialogik. Bagi mengatasi kekangan masa, saya menyelaraskan kolaborasi mengikut peringkat aliran untuk membina bahan pengajaran secara kolektif. Strategi ini bukan sahaja meningkatkan keberkesanan perkongsian sumber, malah mengurangkanbeban kerja individu sambil menjamin kualiti bahan yang dihasilkan.

4. Penilaian Pencapaian Objektif

Secara keseluruhannya, objektif inisiatif ini telah tercapai dengan jayanya, dicirikan oleh perubahan positif dalam amalan guru dan budaya profesional jabatan. Walau bagaimanapun, usaha penambahbaikan akan diteruskan bagi memperkukuh konsistensi pelaksanaan serta memperluas pencapaian strategi dialogik ini merentas pelbagai tahap dan konteks pembelajaran yang lebih meluas.

RUJUKAN

Alexander, R. (2008). Towards dialogic teaching: Rethinking classroom talk (4th ed.). Dialogos.
Alexander, R. (2017). Developing dialogic teaching: Genesis, process, trial. Dialogos.

Mercer, N., & Littleton, K. (2007). Dialogue and the development of children's thinking: A sociocultural approach. Routledge.

Nystrand, M. (1997). Opening dialogue: Understanding the dynamics of language and learning in the English classroom. Teachers College Press.

Wiliam, D. (2011). Embedded formative assessment. Solution Tree Press. Leahy, S., Lyon, C., Thompson, M., & Wiliam, D. (2005). Classroom assessment: Minute by minute, day by day. Educational Leadership, 63(3), 18–24. Ministry of Education Singapore. (2018). Singapore teaching practice. Ministry of Education.

Hattie, J., & Timperley, H. (2007). The power of feedback. Review of Educational Research, 77(1), 81–112.

POSTER PERBINCANGAN

MEMBENTUK BILIK DARJAH KOMUNIKATIF: KEPIMPINAN PEDAGOGI DALAM AMALAN DIALOGIK BAGI BAHASA IBUNDA

INISIATIF KETUA PEDAGOGI

Inisiatif ini diusahakan untuk menangani tahap keyakinan pelajar yang rendah dalam bertutur menggunakan Bahasa Ibunda. Dominasi bahasa Inggeris dalam rutin harian serta pengaruh kuat media sosial telah mengehadkan pendedahan pelajar terhadap kosa kata Bahasa Ibunda, sekali gus mewujudkan persekitaran yang kurang kondusif bagi penggunaan bahasa tersebut secara aktif dalam komunikasi lisan.

Sebagai Ketua Pedagogi, saya meneraju transformasi bilik darjah melalui Pedagogi Pertuturan Dialogik untuk memperkasakan Kemahiran Abad Ke-21 (21CC). Kolaborasi strategik bersama Guru Pakar dalam projek perintis ini telah menjadi pemangkin kepada peningkatan efikasi guru dalam Jabatan Bahasa Ibunda.

TUJUAN PERKONGSIAN PEDAGOGI INI:

01 *KEMAHIRAN ABAD KE-21*

Pelaksanaan pedagogi dialogik dalam Jabatan Bahasa Ibunda bertujuan mentransformasi komunikasi bilik darjah daripada berpusatkan guru kepada wacana yang dinamik; bagi memperkasakan guru dengan kemahiran 21CC sekali gus melahirkan pelajar yang bukan sahaja fasih berbahasa, malah mampu berfikir secara kritis sebagai komunikator global yang berkesan.

02 *PENYELESAIAN ISU AUTENTIK*

Meningkatkan tahap keyakinan dan kelancaran bertutur pelajar dalam Bahasa Ibunda dengan menangani isu asimilasi bahasa Inggeris melalui pendekatan pedagogi yang autentik dan sistematik.

03 *KEPIMPINAN PENGAJARAN*

Menonjolkan keberkesanan kepimpinan pengajaran di peringkat jabatan dalam memantapkan kecekapan guru secara terancang, selaras dengan prinsip Amalan Pengajaran Singapura (STP).

04 *PEMBANGUNAN PROFESIONALISME GURU*

Menjadikan peningkatan kemahiran pedagogi dan pemantapan amalan reflektif dalam kalangan guru sebagai agenda utama untuk memangkinkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP).

AIDAH BINTE HOSNI
SEKOLAH RENDAH FERN GREEN

POSTER PERBINCANGAN

PERANAN KETUA PEDAGOGI

SEBAGAI KETUA PEDAGOGI...

Saya menerajui pelaksanaan pedagogi dialogik melalui Time-Tabled Time (TTT)yang berstruktur dan progresif. Inisiatif ini dibangunkan berasaskan dapatan kajian akademik hasil kolaborasi strategik bersama Guru Pakar. Saya menggerakkan transformasi ini dengan membina hubungan profesional yang teguh, berteraskan prinsip kepercayaan mutlak, kejelasan hala tuju, dan kebertanggungjawaban kolektif.

TTT BERTUJUAN & PROGRESIF

- melaksanakan TTT berstruktur & progresif
- berasaskan kajian akademik & usaha kolaboratif
- membina hubungan profesional yang mampan

BIMBINGAN SEJAWAT

- sistem 'buddy'meningkatkan kemahiran guru
- aplikasi strategi & repetoir pertuturan dialogik
- sesi pemerhatian & refleksi kritikal di bilik darjah

SUMBER PRAKTIKAL

- penghasilan kad dialogik,templat & senarai semak
- perkongsian dokumen akademik dan rujukan dalam Padlet
- pengkajian & kurasi bahan akademik berkualiti
- pendekatan *'Reading Circle'*

MAKLUM BALAS TEPAT & PRAKTIKAL

- maklum balas spesifik & praktikal yang jitu
- analisis & data perbaiki kualiti pelaksanaan
- amalan budaya belajar bersama

INNOVASI & TEKNOLOGI

- jelajah integrasi teknologi(Classpoint, Padlet, Grok, ChatGPT, Gemini)
- teroka kesepaduan pedagogi kontemporari & teknologi

PERKONGSIAN & PAMERAN AMALAN

- perkongsian amalan terbaik semasa *'Learning Festival*
- meluaskan impak inisiatif ke seluruh sekolah

AIDAH BINTE HOSNI
SEKOLAH RENDAH FERN GREEN

POSTER PERBINCANGAN

REFLEKSI SEBAGAI KETUA PEDAGOGI

SEBAGAI KETUA PEDAGOGI

Pelaksanaan inisiatif ini memperkukuh keyakinan saya bahawa kepimpinan instruksional yang berfokus, berteraskan bukti (evidence-based), dan bersifat kolaboratif mampu mentransformasikan amalan pengajaran secara bermakna.

- dilaksanakan melalui 'Time-Tabled Time' (TTT)
- disokong oleh kitaran pembelajaran profesional
- perubahan berlaku secara sistematik & mampan

01 KESAN TERHADAP GURU

PENINGKATAN KETARA

- keyakinan dalam pengajaran
- kecekapan melaksanakan strategi
- konsistensi amalan bilik darjah

AMALAN PERTUTURAN DIALOGIK DIPERKUKUH

- merancang perbualan bermakna
- menggunakan repertoir dialogik secara terancang (intentional)
- lebih berani meneroka strategi inovatif

02 NILAI TAMBAH PEMBANGUNAN PROFESIONAL

GURU SEBAGAI PENGAMAL REFLEKTIF

- membina agensi guru
- menggabungkan teori & amalan

BUDAYA KOLABORATIF DIPERKUKUH

- perkongsian amalan terbaik
- pembelajaran profesional berterusan

BERTERASKAN BUKTI

- menggunakan bukti pembelajaran pelajar
- memperhalusi kualiti pengajaran secara berterusan

03 CABARAN & STRATEGI PENYELESAIAN

CABARAN

- Menghasilkan bahan PdP
- Kesediaan guru yang pelbagai
- Adaptasi pelajar terhadap amalan dialogik

STRATEGI

- Kolaborasi mengikut peringkat aliran
- Pembinaan bahan secara kolektif
- Perkongisan sumber (kurangkan beban individu)

04 PENILAIAN PENCAPAIAN OBJEKTIF

OBJEKTIF TERCAPAI

- Perubahan positif dalam amalan guru
- Budaya profesional yang lebih kukuh

LANGKAH SETERUSNYA

- Tingkatkan konsistensi pelaksanaan
- Luaskan penggunaan strategi dialogik
- Menjalankan kajian tindakan

Kepimpinan pedagogi yang berstruktur, kolaboratif dan berasaskan bukti mampu mentransformasikan amalan pengajaran secara bermakna dan mampan.

AIDAH BINTE HOSNI
SEKOLAH RENDAH FERN GREEN

MEMBINA KEMAHIRAN BERFIKIR SECARA KRITIS DAN KREATIF MELALUI PROGRAM BLISS



Najiyyah Bte Mohamed Said
Guru kanan
Sekolah Rendah Greenwood

SINOPSIS

Selaras dengan visi Sekolah Rendah Greenwood (GWPS) untuk memupuk pelajar menjadi **Pelajar Bermotivasi, Pemikir Kritis** dan **Pemimpin Berperwatakan Mulia** serta misi GWPS bagi memupuk individu untuk menjadi **Pelajar Sepanjang Hayat**, GWPS telah mereka bentuk sebuah program apresiasi sastera untuk para pelajar iaitu BLISS (**B**ilingual **L**iterature Apprec**I**ation **S**tudent **S**eries). BLISS juga merupakan program ALP yang dijalankan oleh Jabatan Bahasa Inggeris dan Bahasa Ibunda di GWPS. BLISS bertujuan untuk menyediakan para pelajar dengan kemahiran abad ke-21 agar dapat berfikir secara kritis dan mengaitkan sastera kanak-kanak dengan nilai-nilai GWPS dan isu-isu masyarakat serta dunia. Cabaran utama pelaksanaan ialah melakarkan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang melibatkan pendekatan *Socratic Questioning* (SQ) dan *Philosophy for Children* (P4C). Bengkel dan sesi perbincangan diadakan bagi para guru agar PdP dapat dijalankan dengan berkesan. Faedah yang diperoleh termasuk memperkukuh pembangunan profesional guru melalui amalan pedagogi reflektif dan kolaborasi, sekaligus membina budaya pembelajaran berterusan dalam kalangan para guru.

PENGENALAN

1. INISIATIF PROJEK

Berdasarkan pemerhatian guru-guru, walaupun pelajar didapati mampu memahami teks pada tahap asas, mereka menghadapi cabaran membuat inferens, menilai maklumat secara kritis serta mengaitkan pembelajaran dengan isu-isu masyarakat dan global. Selain itu, guru-guru juga prihatin bahawa pelajar menghadapi kesukaran untuk menyampaikan pendapat dalam Bahasa Ibunda secara lisan. Bagi menangani hal itu, pihak sekolah telah mereka bentuk sebuah program yang menggunakan pendekatan *Socratic Questioning* (SQ) dan *Philosophy for Children* (P4C) iaitu BLISS (**B**ilingual **L**iterature Apprec**I**ation **S**tudent **S**eries).

Program BLISS diadakan bagi mempersiapkan pelajar agar dapat berkembang maju dalam dunia global yang serba kompleks dan pantas berubah di samping usaha-usaha untuk melengkapkan mereka dengan kemahiran abad ke-21. Selain itu, BLISS direka bentuk bagi membolehkan pelajar untuk berfikir secara kritis, meneliti masalah, mengumpul maklumat, dan membuat keputusan berasaskan pertimbangan yang wajar.

Ketua Pedagogi menerajui usaha-usaha untuk mereka bentuk pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang sejajar dengan BLISS. Cabaran yang dihadapi oleh Ketua Pedagogi termasuklah:

- Mengubah minda guru-guru agar selesa dengan kaedah pengajaran yang menggunakan pendekatan P4C dan SQ.
- Kesukaran awal dalam melakarkan rancangan pengajaran yang mengintegrasikan SQ dan P4C

Ketua Pedagogi berkongsi tentang BLISS kepada guru-guru Bahasa Ibunda menerusi bengkel dan sesi perbincangan. Sokongan juga diberikan kepada guru-guru menerusi bahan-bahan pengajaran yang dibina khusus untuk BLISS. Dengan cara itu, para guru menjadi lebih yakin untuk menjalankan BLISS di dalam bilik darjah.

2. OBJEKTIF PERKONGSIAN

Perkongsian ini bertujuan untuk:

1. berkongsi tentang program BLISS sebagai satu pendekatan inovatif dalam membina kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif melalui apresiasi sastera; dan
2. membina budaya kolaboratif dan reflektif dalam kalangan guru melalui amalan pembelajaran profesional.

3. KAJIAN LEPAS

Pelaksanaan program ini disokong oleh beberapa kajian lepas yang relevan.

Lipman (2003) melalui pendekatan Philosophy for Children (P4C) menegaskan bahawa dialog falsafah dalam komuniti inkuiri dapat membina kemahiran berfikir secara kritis, kreatif dan beretika

dalam kalangan pelajar. Paul dan Elder (2006) pula menyatakan bahawa *Socratic Questioning* merupakan satu strategi penting dalam membina pemikiran kritis kerana ia menggalakkan pelajar menyoal andaian, menilai bukti dan membuat pertimbangan yang rasional. Rosnani Hashim (2009) menjelaskan bahawa pendekatan *Philosophy for Children* (P4C) yang berasaskan dialog dan penyoalan (*Socratic Questioning*) dapat meningkatkan kemahiran berfikir secara kritis dalam kalangan pelajar sekolah rendah.

Hattie (2012) menegaskan bahawa impak pembelajaran maksimum dicapai apabila proses pemikiran pelajar dijadikan "kelihatan" (*visible*) melalui dialog yang bermakna. Teori konstruktivisme sosial Vygotsky (1978) pula menekankan bahawa pembelajaran berlaku secara optimum melalui interaksi sosial dan dialog, sejajar dengan pendekatan yang digunakan dalam BLISS.

PERANAN KETUA PEDAGOGI

Sebagai seorang Ketua Pedagogi, saya memainkan peranan-peranan berikut:

- **Menerajui Pelaksanaan Pedagogi**

Ketua Pedagogi memainkan peranan utama dalam menetapkan hala tuju, merancang strategi pelaksanaan serta membimbing guru dalam mengintegrasikan pendekatan SQ dan P4C dalam PdP secara sistematik dan berfokus.

- **Membina Hubungan Profesional**

Hubungan profesional yang kukuh dibina melalui komunikasi secara terbuka, sesi perbincangan dan perkongsian. Pendekatan ini mewujudkan persekitaran kolaboratif yang kondusif dan saling mempercayai.

- **Menyediakan Sumber dan Kajian**

Pelbagai bahan pengajaran dan sumber rujukan disediakan bagi menyokong para guru dalam memahami dan mengaplikasikan strategi atau pedagogi yang diperkenalkan.

- **Memberikan Maklum Balas Berkualiti**

Maklum balas yang konstruktif diberikan melalui pemerhatian PdP, perbincangan reflektif dan sesi bimbingan profesional.

- **Pembelajaran Bersama Guru dan Pentadbir**

  Ketua Pedagogi turut terlibat secara aktif dalam pembelajaran bersama guru dan pentadbir melalui bengkel, dialog dan sesi perkongsian.

- **Mengumpul dan Menganalisis Dapatan**

  Data dikumpulkan melalui pelbagai cara seperti pemerhatian bilik darjah, refleksi guru dan hasil kerja pelajar. Analisis data digunakan untuk mengenal pasti kekuatan, ruang untuk penambahbaikan serta merancang intervensi susulan.

- **Meneraju Inovasi Pedagogi**

  Ketua Pedagogi menerajui inovasi melalui penerokaan pendekatan baharu, penyesuaian strategi PdP serta penggunaan teknologi bagi meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.

REFLEKSI

Ketua Pedagogi telah memimpin pelaksanaan program BLISS dengan memberi tumpuan kepada pendekatan SQ dan P4C dan mengintegrasikan pendekatan itu ke dalam PdP yang berpusatkan pelajar. Pelaksanaan ini disokong melalui amalan komunikasi terbuka, perkongsian amalan terbaik dan bimbingan berterusan bagi membolehkan guru menjalankan program BLISS di dalam bilik darjah dengan yakin.

Pelaksanaan program ini telah menyumbang kepada peningkatan pedagogi guru, khususnya dalam penggunaan teknik penyoalan yang berupaya merangsang pemikiran kritis pelajar. Selain itu, program ini berjaya memupuk budaya refleksi dalam kalangan guru serta meningkatkan keyakinan dan kemahiran untuk menjalankan BLISS. Namun, terdapat beberapa cabaran yang dihadapi seperti mengubah minda agar lebih yakin untuk menjalankan BLISS, kesukaran awal mereka bentuk pelajaran BLISS dan pengintegrasian teknologi dalam PdP.

Secara keseluruhannya, objektif program untuk menjadikan pelajar sebagai pemikir kritis telah membuahkan hasil. Lebih ramai pelajar juga menunjukkan peningkatan dalam keyakinan dan keupayaan menyampaikan pendapat secara lisan.

RUJUKAN

Chin, C. (2007). Teacher questioning in science classrooms. School Science Review, 88(324), 31–140.

Hattie, J. (2012). Visible learning for teachers: Maximizing impact on learning. Routledge.

Lipman, M. (2003). Thinking in education (2nd ed.). Cambridge University Press.

Lipman, M. (1988). Philosophy for Children: Some preliminary thoughts. In M. Lipman (Ed.), Philosophy goes to school (pp. 1-11). Temple University Press.

Paul, R., & Elder, L. (2006). The miniature guide to critical thinking concepts and tools. Foundation for Critical Thinking.

Rosnani Hashim. (2009). The effects of the strategy of Philosophy for Children (P4C) on the critical thinking and reading comprehension of primary school students. Jurnal Pendidikan Islam, 13(2), 15–28.

Vygotsky, L. S. (1978). Mind in society: The development of higher psychological processes. Harvard University Press.

POSTER PERBINCANGAN

MEMBINA KEMAHIRAN BERFIKIR SECARA KRITIS DAN KREATIF MELALUI BLISS

INISIATIF KETUA PEDAGOGI

- BLISS - **B**ilingual **L**iterature Appreci**a**tion **S**tudent **S**eries
- program ALP yang dijalankan oleh Jabatan Bahasa Inggeris dan Bahasa Ibunda di GWPS
- Permasalahan: pelajar-pelajar menghadapi cabaran membuat inferens, menilai maklumat secara kritis serta mengaitkan pembelajaran dengan isu-isu masyarakat dan global
- menyediakan para pelajar dengan kemahiran abad ke-21 agar dapat berfikir secara kritis dan mengaitkan sastera kanak-kanak dengan nilai-nilai GWPS dan isu-isu masyarakat serta dunia
- melibatkan pendekatan Socratic Questioning (SQ) dan Philosophy for Children (P4C)

OBJEKTIF INISIATIF YANG DIJALANKAN

1. Berkongsi tentang program BLISS sebagai satu pendekatan inovatif dalam membina kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif melalui apresiasi sastera

2. Membina budaya kolaboratif dan reflektif dalam kalangan guru melalui amalan pembelajaran profesional.

Cikgu Najiyyah bte Mohamed Said
Sekolah Rendah Greenwood

POSTER PERBINCANGAN

MEMBINA KEMAHIRAN BERFIKIR SECARA KRITIS DAN KREATIF MELALUI BLISS

PERANAN KETUA PEDAGOGI

Menerajui Pelaksanaan Pedagogi

Menetapkan hala tuju, merancang strategi pelaksanaan dan membimbing guru dalam mengintegrasikan pendekatan SQ serta P4C dalam PdP secara sistematik dan berfokus

Membina Hubungan Profesional

Komunikasi secara terbuka, sesi perbincangan dan perkongsian, persekitaran kolaboratif yang kondusif dan saling mempercayai

Menyediakan Sumber dan Kajian

Bahan pengajaran dan sumber rujukan disediakan

Memberikan Maklum Balas Yang Berkualiti

Maklum balas yang konstruktif melalui pemerhatian PdP, perbincangan reflektif dan sesi bimbingan profesional

Pembelajaran Bersama Guru dan Pentadbir

Terlibat secara aktif dalam pembelajaran bersama guru dan pentadbir melalui bengkel, dialog dan sesi perkongsian

Mengumpul dan Menganalisis Dapatan

Data dikumpulkan melalui pemerhatian bilik darjah, refleksi guru dan hasil kerja pelajar. Analisis data digunakan untuk mengenal pasti kekuatan dan ruang untuk penambahbaikan serta merancang intervensi susulan.

Meneraju Inovasi Pedagogi

Penerokaan pendekatan baharu, penyesuaian strategi PdP serta penggunaan teknologi bagi meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran

Cikgu Najiyyah bte Mohamed Said
Sekolah Rendah Greenwood

POSTER PERBINCANGAN

MEMBINA KEMAHIRAN BERFIKIR SECARA KRITIS DAN KREATIF MELALUI BLISS


REFLEKSI

MANFAAT UNTUK GURU

- Ketua Pedagogi memimpin pelaksanaan program BLISS dengan memberi tumpuan kepada pendekatan SQ dan P4C.
- Pendekatan tersebut diintegrasikan dalam PdP yang berpusatkan pelajar.
- Pelaksanaan disokong melalui komunikasi terbuka, perkongsian amalan terbaik dan bimbingan berterusan.
- Guru dibimbing untuk melaksanakan BLISS dengan lebih yakin dalam bilik darjah.
- Menyelenggarakan program bagi meningkatkan kualiti pedagogi guru, khususnya dalam teknik penyoalan yang merangsang pemikiran kritis pelajar.
- Budaya refleksi dalam kalangan guru berjaya dipupuk.
- Keyakinan dan kemahiran guru dalam melaksanakan BLISS turut meningkat.

CABARAN

- Cabaran yang dihadapi termasuk perubahan minda guru agar lebih yakin dalam menjalankan BLISS
- Kesukaran awal dalam mereka bentuk pelajaran berasaskan BLISS.
- Cabaran dalam pengintegrasian teknologi dalam PdP.



KEBERKESANAN

- Pelajar menunjukkan peningkatan dalam keyakinan diri.
- Pelajar lebih berupaya menyampaikan pendapat secara lisan dengan lebih berkesan.

Cikgu Najiyyah bte Mohamed Said
Sekolah Rendah Greenwood

PROGRAM JAMBATAN LISAN BAHASA IBUNDA



Suriana Mohamed Bakri
Guru Kanan
Sekolah Rendah Kranji

SINOPSIS

Program Jambatan Lisan Bahasa Ibunda merupakan inisiatif jabatan yang dilaksanakan sebagai aktiviti selepas sekolah bagi meningkatkan keupayaan lisan pelajar secara berfokus. Program ini dirancang secara kolaboratif oleh Ketua Jabatan dan Guru Kanan dengan berpandukan kriteria kejayaan yang jelas serta mengintegrasikan elemen Kemahiran Abad Ke-21 seperti komunikasi berkesan, pemikiran kritis dan kebolehan membuat perkaitan. Pelaksanaan program ini menggunakan strategi seperti latihan berstruktur, penggunaan rangka jawapan, simulasi perbualan dan maklum balas berfokus. Rasionalnya berpunca daripada dapatan analisis yang menunjukkan pelajar kurang yakin menjawab soalan beraras tinggi, khususnya dalam memberi pendapat dan mengaitkan pengalaman peribadi. Inisiatif ini turut menyokong pembangunan profesional guru melalui PLC, perkongsian amalan terbaik dan penyelarasan strategi pengajaran. Antara cabaran utama yang dihadapi termasuk membimbing pelajar menghasilkan idea yang relevan serta memastikan pelaksanaan yang konsisten dan berkesan.

PENGENALAN

1. INISIATIF PROJEK

Inisiatif Program Jambatan Lisan Bahasa Ibunda tercetus daripada dapatan analisis prestasi lisan pelajar yang menunjukkan tahap keyakinan dan keupayaan menjawab soalan beraras tinggi masih rendah, khususnya bagi Soalan 2 dan 3. Pelajar didapati sukar memberikan pendapat yang jelas serta mengaitkan respons dengan pengalaman peribadi secara bermakna.

Sehubungan itu, Ketua Jabatan dan Ketua Pedagogi bersama pasukan guru Bahasa Ibunda mengambil inisiatif untuk merangka pendekatan pengajaran yang lebih berstruktur dan berfokus. Inisiatif ini juga selari dengan usaha sekolah dalam memperkukuh kemahiran komunikasi dan pemikiran kritis pelajar sebagai sebahagian daripada Kemahiran Abad ke-21.

2. OBJEKTIF PERKONGSIAN

Perkongsian ini bertujuan untuk:

1. memperlihatkan peranan ketua pedagogi dalam menerapkan strategi pengajaran berstruktur bagi meningkatkan pencapaian lisan pelajar; dan

2. membantu para guru memahami proses dan pelaksanaan pengajaran yang lebih berstruktur dan berfokus bagi memperkukuh kemahiran komunikasi dan pemikiran kritis pelajar.

3. KAJIAN LEPAS

Inisiatif ini disokong oleh beberapa kajian dan prinsip pedagogi seperti:

- Vygotsky (1978) - Teori Konstruktivisme Sosial – Pembelajaran berlaku secara optimum melalui interaksi sosial dan bimbingan dalam Zon Perkembangan Proksimal (ZPD).

- Hammond, J., & Gibbons, P. (2005) - Pendekatan Pengajaran Berstruktur (*Scaffolding*) – penggunaan rangka jawapan dan sokongan berperingkat membantu pelajar membina idea secara sistematik.

- Hattie, J., & Timperley, H. (2007) - Kajian komunikasi lisan dalam pendidikan bahasa – menekankan kepentingan latihan berulang, simulasi perbualan dan maklum balas berfokus dalam meningkatkan kefasihan dan keyakinan pelajar.

PERANAN KETUA PEDAGOGI

Berdasarkan Kerangka ’Saya Ketua Pedagogi’:

- Peranan Ketua Pedagogi dalam inisiatif ini adalah sebagai peneraju utama yang memacu pelaksanaan program secara strategik, kolaboratif dan berimpak. Ketua Pedagogi memainkan peranan penting dalam membimbing guru-guru memahami dan melaksanakan pendekatan pengajaran yang dikongsi melalui sokongan berterusan serta hala tuju yang jelas.

- Selain itu, hubungan profesional yang kukuh dibina dengan guru-guru melalui kolaborasi aktif, perkongsian idea dan sokongan emosi bagi mewujudkan budaya pembelajaran yang positif. Ketua Pedagogi juga menyediakan sumber rujukan dan kajian lepas yang relevan bagi memperkukuh asas pedagogi guru.

- Maklum balas yang spesifik, praktikal dan tepat pada masanya diberikan secara konsisten bagi membantu guru menambah baik amalan pengajaran mereka. Dalam masa yang sama, Ketua Pedagogi menggalakkan pembelajaran bersama melalui PLC serta kerjasama dengan pentadbir sekolah.

- Dapatan pelajar turut dikumpul dan dianalisis secara sistematik untuk memandu tindakan susulan. Akhir sekali, Ketua Pedagogi menerajui inovasi dengan menggalakkan penerokaan strategi dan teknologi terkini demi meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.

REFLEKSI

Pelaksanaan Program Jambatan Lisan Bahasa Ibunda memberikan pengalaman yang bermakna dalam menerajui perubahan amalan pengajaran secara kolaboratif. Melalui inisiatif ini, saya berperanan membimbing guru dalam melaksanakan strategi pengajaran berstruktur serta memastikan keselarasan pelaksanaan di peringkat darjah.

Dari segi impak, guru menunjukkan peningkatan dalam kejelasan pengajaran lisan, penggunaan rangka jawapan serta keupayaan memberikan maklum balas yang lebih fokus dan berkesan kepada pelajar. Perkongsian melalui PLC juga menggalakkan refleksi profesional dan amalan penambahbaikan berterusan dalam kalangan guru.

Inisiatif ini menambah nilai kepada pembangunan guru dengan memperkukuh pengetahuan pedagogi, meningkatkan keyakinan dalam melaksanakan strategi baharu serta memupuk budaya kolaboratif dalam kalangan warga sekolah.

Walau bagaimanapun, cabaran utama termasuk memastikan konsistensi pelaksanaan antara kelas, kekangan masa untuk perbincangan mendalam serta tahap kesediaan guru yang berbeza.

Secara keseluruhan, objektif program sebahagian besarnya tercapai, khususnya dalam meningkatkan keyakinan pelajar. Namun, penambahbaikan masih diperlukan dari segi pemantapan keupayaan pelajar membuat perkaitan yang lebih mendalam dan autentik.

RUJUKAN

Vygotsky, L. S. (1978). Mind in society: The development of higher psychological processes. Harvard University Press.

Hammond, J., & Gibbons, P. (2005). What is scaffolding? In J. Hammond (Ed.), Scaffolding: Teaching and learning in language and literacy education (pp. 8–16). PETA.

Hattie, J., & Timperley, H. (2007). The power of feedback. Review of Educational Research, 77(1), 81–112.

Ministry of Education Singapore. (2010). Nurturing our young for the future: Competencies for the 21st century. MOE.

Ministry of Education Singapore. (2015). 21st century competencies: An update. MOE.

POSTER PERBINCANGAN

Suriana Mohamed Bakri Sekolah Rendah Kranji

Program Jambatan Lisan Bahasa Ibunda Darjah 5

Inisiatif Ketua Pedagogi





Program Jambatan Lisan Bahasa Ibunda dilaksanakan bagi **meningkatkan keyakinan dan keupayaan pelajar** memberikan respons lisan yang jelas, relevan dan bermakna. Inisiatif ini dirancang secara kolaboratif bersama Ketua Jabatan, Guru Kanan dan pasukan guru dengan merangka strategi pengajaran berstruktur seperti:

- **Latihan berfokus** menggunakan **rangka jawapan**
- **Simulasi perbualan dan aktiviti interaktif**
- **Maklum balas spesifik dan berterusan**

POSTER PERBINCANGAN

PERANAN KETUA PEDAGOGI



- **Menerajui dan menyelaras pelaksanaan** Program Jambatan Lisan secara konsisten melalui strategi berstruktur dan pemantauan berterusan
- **Menerajui inovasi** dengan meneroka strategi dan teknologi terkini demi meningkatkan keberkesanan PdP
- **Menyediakan sumber dan kajian** yang relevan untuk menyokong pengajaran
- **Belajar bersama guru dan pentadbir** melalui PLC untuk pembangunan diri dan pasukan
- **Membina hubungan dan kolaborasi yang kukuh** dengan guru-guru
- **Mengumpul dan menganalisis dapatan pelajar** bagi tindakan susulan
- **Memberikan maklum balas yang spesifik, praktikal dan tepat** pada masanya secara konsisten

POSTER PERBINCANGAN

Refleksi



IMPAK

- **Pelajar lebih yakin dan jelas** memberikan respons lisan
- **Guru meningkatkan kemahiran** dalam merancang dan melaksanakan strategi pengajaran lisan
- **Budaya kolaboratif dan perkongsian amalan terbaik** semakin kukuh

CABARAN

- **Memastikan** konsistensi pelaksanaan antara kelas
- **Tahap kesediaan guru** yang berbeza memerlukan sokongan berterusan

PENAMBAHBAIKAN

- **Memperkukuh pemantauan dan sokongan** berterusan kepada guru
- **Memberi lebih ruang dan masa** untuk PLC serta perkongsian amalan
- **Mengembangkan strategi pengayaan** bagi meningkatkan keupayaan pelajar membuat perkaitan yang lebih mendalam dan autentik

RUTIN BERFIKIR FIKIR-RASA-PRIHATIN DALAM PENULISAN



Noraini Binte Karsani
Guru Peneraju
Sekolah Rendah New Town

SINOPSIS

Perkongsian ini mengetengahkan pelaksanaan Rutin Berfikir “Fikir, Rasa, Prihatin” sebagai kerangka pedagogi dalam pengajaran penulisan Bahasa Melayu. Fokus inisiatif ini adalah untuk memperdalam kualiti respons pelajar. Inisiatif ini diperkenalkan susulan dapatan bahawa penulisan pelajar cenderung deskriptif, kurang analitis dan kurang memaparkan empati serta refleksi nilai. Selaras dengan aspirasi Kemahiran Abad Ke-21 oleh Kementerian Pendidikan dan pendekatan Menjadikan Pemikiran Jelas (*Visible Thinking)* oleh Project Zero, rutin ini diintegrasikan dalam fasa prapenulisan, semakan draf dan perbincangan PLC berasaskan analisis artefak pelajar. Walaupun terdapat cabaran seperti variasi kemahiran dan keyakinan guru, perancangan teliti, pengaplikasian rutin secara berfasa dan *Modelling* secara eksplisit membantu memastikan konsistensi dari segi pelaksanaan. Hasilnya, pelajar menunjukkan perkembangan idea yang lebih berlapis, penggunaan bahasa emosi yang lebih tepat dan refleksi yang lebih matang, manakala guru beralih daripada penekanan produk kepada fasilitasi pemikiran.

PENGENALAN

1. INISIATIF PROJEK

Perkongsian ini mengetengahkan pelaksanaan rutin berfikir “Fikir, Rasa, Prihatin” sebagai satu kerangka pedagogi dalam pengajaran penulisan Bahasa Melayu bagi mempertingkatkan kualiti respons pelajar. Inisiatif ini tercetus daripada dapatan bahawa penulisan pelajar cenderung bersifat deskriptif dan kurang menampilkan pemikiran analitis, empati serta refleksi nilai. Sejajar dengan aspirasi *Kemahiran Abad Ke-21 oleh Kementerian Pendidikan dan pendekatan Menjadikan Pemikiran Jelas (Visible Thinking)* oleh Project Zero, Harvard Graduate School of Education, rutin ini diintegrasikan secara sistematik dalam fasa prapenulisan, semakan draf serta perbincangan PLC berasaskan analisis artefak pelajar.

Pelaksanaan rutin berfikir secara eksplisit ini menyokong perkembangan idea yang lebih berlapis dalam kalangan pelajar, di samping meningkatkan keupayaan mereka menggunakan bahasa emosi secara tepat dan menghasilkan refleksi yang lebih matang. . Melalui perancangan yang teliti, pengaplikasian rutin secara berfasa dan *pemodelan* secara eksplisit membantu memastikan konsistensi dari segi pelaksanaan.

Dari segi pembangunan profesional guru, rutin ini diperhalusi melalui PLC (*Professional Learning Community*) yang berfokus pada analisis artefak pelajar sebenar. Guru bersama-sama menilai kualiti respons pelajar menggunakan kriteria yang dipersetujui, berkongsi strategi pengajaran, dan menjalankan *Modelling* secara eksplisit untuk menyelaraskan jangkaan standard penulisan. Pendekatan ini membantu membina kesepaduan pedagogi dan meningkatkan keyakinan guru dalam melaksanakan rutin secara konsisten merentas tahap.

Dari perspektif guru, berlaku peralihan ketara daripada pendekatan berfokuskan produk (hasil akhir karangan) kepada pendekatan yang memfokuskan proses pemikiran pelajar. Guru berperanan sebagai pemudah cara yang membimbing perkembangan idea pelajar secara bermakna. Secara keseluruhan, inisiatif ini bukan sahaja meningkatkan kualiti penulisan pelajar, malah memperkukuh amalan pedagogi reflektif dalam kalangan guru.

2. OBJEKTIF PERKONGSIAN

Perkongsian ini bertujuan untuk memperkenalkan dan menjelaskan pelaksanaan Rutin Berfikir “Fikir, Rasa, Prihatin” sebagai kerangka pedagogi dalam pengajaran penulisan Bahasa Melayu bagi meningkatkan kualiti respons pelajar. Secara khusus, ia bertujuan membantu pelajar beralih daripada penulisan yang bersifat deskriptif kepada penulisan yang lebih analitis, beremosi dan reflektif. Selain itu, perkongsian ini juga bertujuan memperkukuh amalan pedagogi guru melalui pendekatan fasilitatif, penggunaan soalan pemandu, dan kolaborasi profesional melalui PLC untuk menyokong pembinaan pemikiran pelajar secara lebih mendalam dan bermakna.

3. KAJIAN LEPAS

Berikut ialah tiga kajian lepas yang relevan dan kukuh untuk menyokong pelaksanaan Rutin Berfikir 'Fikir, Rasa, Prihatin' dalam konteks penulisan dan pedagogi:

- **Ritchhart, Church & Morrison (2011) - Project Zero, Harvard - Visible Thinking**

Kajian ini menekankan penggunaan Rutin Berfikir (*Thinking Routines*) untuk menjadikan pemikiran pelajar lebih jelas, tersusun dan boleh dikembangkan. Rutin seperti *Think-Feel-Care* membantu pelajar bukan sahaja memahami kandungan, tetapi juga membina empati dan refleksi nilai. Dapatan menunjukkan bahawa apabila pemikiran distrukturkan melalui rutin, pelajar mampu menghasilkan respons yang lebih mendalam dan bermakna.
Relevan: Menyokong penggunaan struktur Fikir, Rasa, Prihatin sebagai alat untuk memperkaya isi penulisan dan pemikiran pelajar.

- **Vygotsky (1978) – Zone of Proximal Development (ZPD) & Scaffolding**

Teori ini menekankan bahawa pembelajaran berlaku secara optimum apabila pelajar dibimbing melalui perancahan pembelajaran (*scaffolding)* oleh guru atau rakan sebaya. Dengan bantuan seperti soalan pemandu, ayat rangka dan contoh model, pelajar dapat mencapai tahap pemikiran yang lebih tinggi sebelum berdikari sepenuhnya.
Relevan: Menyokong keperluan perancahan (*scaffolding*) dalam membantu pelajar mengembangkan idea daripada deskriptif kepada analitis dan reflektif.

- **Black & Wiliam (1998) – Assessment for Learning (AfL)**

Kajian ini menunjukkan bahawa maklum balas yang berfokus dan berterusan dapat meningkatkan pembelajaran secara signifikan. Apabila guru memberi maklum balas yang spesifik terhadap proses pemikiran (bukan sekadar hasil akhir), pelajar lebih mampu memperbaiki dan memperdalam respons mereka.
Relevan: Menyokong penggunaan maklum balas berasaskan Fikir, Rasa, Prihatin dalam semakan draf untuk meningkatkan kualiti penulisan pelajar.

Kesimpulan Ringkas:
Ketiga-tiga kajian ini mengukuhkan bahawa:

- Pemikiran pelajar perlu **distrukturkan (*Visible Thinking*)**
- Disokong melalui **perancahan pembelajaran (*Scaffolding*)**
- Diperkukuh dengan **maklum balas berkualiti (AfL)**

Kesemuanya selari dengan pelaksanaan rutin **"Fikir, Rasa, Prihatin"** dalam meningkatkan kualiti penulisan pelajar secara holistik.

PERANAN KETUA PEDAGOGI

Ketua Pedagogi berperanan sebagai pemacu utama dalam memastikan pelaksanaan Rutin Berfikir **"Fikir, Rasa, Prihatin" (FRP)** dilaksanakan secara sistematik, konsisten dan berimpak tinggi terhadap pembelajaran pelajar. Peranan ini merangkumi beberapa aspek utama:

- **Meneraju Arah Pedagogi:**

  Guru Peneraju menetapkan hala tuju yang jelas dengan menyepadukan FRP dalam pengajaran penulisan, selaras dengan keperluan peperiksaan PSLE yang menuntut kejelasan idea, kedalaman isi dan keupayaan refleksi.

- **Menyediakan Sumber dan Reka Bentuk Pengajaran:**

  Membangunkan bahan sokongan seperti soalan pemandu, contoh karangan beraras, senarai kosa kata emosi dan penanda wacana bagi membantu pelajar memperkaya penulisan mereka.

- **Melaksanakan PLC Berimpak Tinggi:**

  Memimpin sesi PLC berasaskan analisis artefak pelajar (seperti yang dilampirkan), di mana guru bersama-sama mengenal pasti kekuatan (contoh: struktur ayat asas jelas) dan jurang (contoh: penggunaan bahasa emosi dan refleksi masih terhad), seterusnya menyelaraskan strategi intervensi.

- **Memberi Maklum Balas Berkualiti:**

  Membimbing guru dalam memberi maklum balas yang spesifik dan berfokus kepada elemen FRP, bukan sekadar pembetulan bahasa, tetapi juga memperdalam pemikiran pelajar.

- **Menggerakkan Inovasi dan Pemantauan:**
  Menggalakkan penggunaan pendekatan inovatif seperti perancahan (*scaffolding*), ayat reflektif, teknik penyoalan aras tinggi, dan memantau keberkesanan pelaksanaan melalui bukti dari hasil kerja pelajar secara berterusan.

REFLEKSI

Berdasarkan pelaksanaan dan analisis hasil kerja pelajar, beberapa refleksi utama dapat dirumuskan:

- **Perubahan dalam Amalan Pedagogi:**

  Guru mula beralih daripada pendekatan berfokuskan produk (tatabahasa dan struktur ayat semata-mata) kepada pendekatan yang lebih menekankan **proses pemikiran pelajar**, selaras dengan prinsip *Visible Thinking*

- **Kekuatan yang Diperhatikan:**

  Pelajar menunjukkan keupayaan membina jalan cerita yang jelas dan tersusun.
  Dengan bimbingan, terdapat peningkatan dalam percubaan menggunakan elemen emosi dan refleksi, walaupun masih pada tahap asas.

- **Jurang yang Dikenal Pasti:**

  Berdasarkan artefak, pelajar masih cenderung menulis secara literal dan kurang mengembangkan idea secara mendalam (contoh: emosi dinyatakan secara umum tanpa huraian lanjut, refleksi nilai masih minimum). Ini menunjukkan keperluan untuk perencahan pembelajaran yang lebih eksplisit dan berterusan.

- **Cabaran dalam Pelaksanaan:**

Variasi tahap kebolehan pelajar memerlukan guru menyesuaikan pendekatan pengajaran, termasuk menyediakan ayat rangka dan contoh konkrit untuk menyokong pelajar lemah.

- Langkah Penambahbaikan:

  Guru menyedari kepentingan:
  - o Menggunakan lebih banyak soalan aras tinggi untuk mencungkil pemikiran pelajar
  - o Memberi contoh model karangan berkualiti
  - o Mengintegrasikan rutin FRP secara konsisten, bukan hanya pada satu fasa penulisan

Secara keseluruhan, pelaksanaan ini menunjukkan bahawa apabila pemikiran pelajar dijadikan fokus utama, kualiti penulisan dapat dipertingkatkan secara bermakna, dan guru berkembang sebagai fasilitator yang lebih reflektif dan strategik dalam pengajaran mereka.

RUJUKAN

Black, P., & Wiliam, D. (1998). Assessment and classroom learning. Assessment in Education: Principles, Policy & Practice, 5(1), 7–74.

Brookhart, Susan M.. (2013). How to create and use rubrics for formative assessment and grading. Alexandria, VA: ASCD.

Bruner, Jerome. (1960). The process of education. Cambridge, MA: Harvard University Press.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu. Putrajaya: KPM.

Ministry of Education Singapore. (2010). 21st century competencies. Singapore: MOE.

Project Zero Harvard Graduate School of Education. (2016). Visible thinking routines. Harvard University.

Ritchhart, Ron, Church, Mark, & Morrison, Karin. (2011). Making thinking visible: How to promote engagement, understanding, and independence for all learners. San Francisco, CA: Jossey-Bass.

Vygotsky, Lev. (1978). Mind in society: The development of higher psychological processes. Cambridge, MA: Harvard University Press.

POSTER PERBINCANGAN



POSTER PERBINCANGAN



POSTER PERBINCANGAN

REFLEKSI & IMPAK
ROUTIN "FIKIR, RASA, PRIHATIN"
Memacu Penulisan Bermakna




IMPAK POSITIF KEPADA MURID

- Kematangan penulisan meningkat: daripada deskriptif kepada analitis, reflektif dan berlapis makna.
- Murid lebih yakin menyuarakan idea dan menulis dengan tujuan.
- Empati dan kesedaran terhadap khalayak semakin berkembang.



ANJAKAN PERANAN GURU

- Guru beralih daripada penyampai kandungan kepada fasilitator pemikiran.
- Menggalakkan soalan beraras tinggi dan dialog berkualiti.
- Membimbing murid membina dan menilai idea secara berdikari.



CABARAN DAN PENDEKATAN

- Kekangan masa dalam pelaksanaan penuh rutin dan PLC.
- Kepelbagaian keupayaan murid memerlukan pembezaan pengajaran yang berterusan.
- Komitmen berterusan perlu untuk mengekalkan amalan dan budaya menulis berkualiti.



KESIMPULAN

Dengan rutin "Fikir, Rasa, Prihatin", kita membina penulis yang berfikrah, berperasaan dan prihatin terhadap dunia.



Noraini Karsani (Guru Peneraju)
Sekolah Rendah New Town

AI STORY U: MENGGUNAKAN AI UNTUK MENJANA CERITA DALAM PENGAJARAN PERIBAHASA DAN KARANGAN



Elyani Binte Mohamed
Guru Kanan
Sekolah Rendah Palm View

SINOPSIS

Sebagai Ketua Pedagogi, saya telah menerajui inisiatif "Teknik Penceritaan Berbantu Buku Cerita Digital AI" menggunakan fitur *Storybook* daripada Gemini.ai untuk meningkatkan mutu pengajaran Bahasa Melayu. Inisiatif ini bukan sekadar alat bantu mengajar, malah merupakan satu anjakan strategik untuk mengatasi masalah *"writer's block"* dan kesukaran memahami konsep abstrak peribahasa dalam kalangan pelajar melalui stimulasi visual yang dinamik. Perkongsian ini memfokuskan kepada peranan saya dalam memacu pembangunan profesional guru melalui model bimbingan rakan sejawat dan komuniti pembelajaran profesional (PLC). Melalui penyediaan kerangka *Prompting* yang sistematik dan sesi bilik darjah terbuka (*open classroom*), saya telah membimbing guru-guru untuk mengintegrasikan elemen e-pedagogi secara berkesan dalam PdP. Impak inisiatif ini bukan sahaja terlihat pada peningkatan kreativiti dan kosa kata pelajar, malah pada anjakan budaya kerja guru yang kini lebih inovatif, cekap teknologi, dan berupaya menukarkan pengajaran konvensional kepada pengalaman pembelajaran yang bermakna serta menarik.

PENGENALAN

1. INISIATIF PROJEK

Rasional dan Pencetus Idea

Inisiatif ini tercetus daripada beberapa faktor yang dikenal pasti dalam persekitaran pembelajaran Bahasa Melayu:

- **Permasalahan Pelajar:** Pelajar sering menghadapi *"writer's block"* atau kesukaran memulakan penulisan karangan dan membina plot cerita yang berkesinambungan. Selain itu, konsep abstrak dalam peribahasa sukar difahami tanpa bantuan visual yang konkrit.

- **Inisiatif Ketua Pedagogi:** Sebagai ketua pedagogi, saya melihat keperluan untuk beralih daripada kaedah konvensional kepada pedagogi yang lebih dinamik bagi menarik minat pelajar yang lebih cenderung kepada elemen visual dan penceritaan.

- **Faktor Dorongan Sekolah:** Inisiatif ini menyahut seruan sekolah untuk mengintegrasikan kecerdasan buatan (AI) dalam bilik darjah, selari dengan Amalan Pengajaran Singapura (STP), Aspek Pengajaran 14 (Merangsang Minat) dan Aktiviti Mengajar 3 (Menggunakan Cerita dan Imejan).

2. OBJEKTIF PERKONGSIAN

Perkongsian ini bertujuan untuk:

- **Menerajui Transformasi Pedagogi Digital:** Memacu budaya inovasi dalam Unit Bahasa Melayu melalui integrasi Kecerdasan Buatan (AI) secara strategik dalam pengajaran.

- **Memperkasakan Pembangunan Profesional Guru:** Melatih dan membimbing rakan sejawat dalam menguasai kemahiran *e-pedagogi*, khususnya dalam teknik penjanaan sumber visual digital untuk mengatasi cabaran pengajaran peribahasa dan karangan.

- **Membina Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC):** Mengukuhkan kolaborasi antara guru melalui sesi *Time Tabled Time* (TTT) dan *Open Classroom,* bagi berkongsi amalan terbaik dan impak penggunaan AI terhadap motivasi serta pencapaian pelajar.

- **Memperkasakan Guru dalam Penggunaan e-Pedagogi:** Melatih guru-guru Unit Bahasa Melayu untuk menjadi pendidik inovatif yang mahir menggunakan teknologi AI sebagai bahan bantuan mengajar yang kreatif.

3. KAJIAN LEPAS

Strategi ini disokong oleh kerangka teori dan kajian kontemporari berikut:

- **Teori Kognitif & Neurosains:** Menurut **Hasson (2025)**, Penceritaan (*Storytelling*) berupaya menyelaraskan aktiviti otak antara penyampai dan pendengar, manakala **Paivio (2014)** melalui *Dual Coding Theory* menekankan bahawa gabungan teks dan imej (visualisasi) mengukuhkan ingatan jangka panjang.

- **Keberkesanan AI dalam BM:** Kajian oleh **Ismail & Rosli (2026)** menunjukkan penggunaan chatbot seperti ChatGPT/Gemini membantu penguasaan tatabahasa pelajar, manakala Mohd **Rani & Zakaria (2025)** mengesahkan bahawa integrasi AI meningkatkan kesediaan guru terhadap pendidikan Abad ke-21.

- **Stimulasi Minat: Yusof & Ahmad (2025)** membuktikan buku cerita digital dan imejan visual sangat efektif dalam merangsang minat membaca dan kefahaman pelajar sekolah rendah.

PERANAN KETUA PEDAGOGI

Berdasarkan kerangka 'Saya Ketua Pedagogi', peranan saya dilaksanakan melalui:

- **Membina Hubungan & Belajar Bersama:** Saya mengetuai sesi *Time Tabled Time* (TTT) di mana saya dan guru-guru belajar meneroka fitur Gemini Storybook bersama-sama. Ini membina budaya kolaboratif di mana saya bukan sekadar mengarah, tetapi menjadi rakan pembelajar.

- **Menyediakan Sumber:** Saya menyediakan artikel rujukan dan panduan praktikal (*prompting*) untuk memudahkan rakan guru menjana cerita peribahasa yang berkualiti.

- **Memberikan Maklum Balas:** Melalui sesi perbincangan unit, saya memberikan maklum balas spesifik terhadap draf buku cerita digital yang dihasilkan guru sebelum digunakan dalam kelas.

- ***Open Classroom:*** Saya menjalankan sesi bilik darjah terbuka (*open classroom*) untuk menunjukkan demonstrasi PdP secara langsung kepada guru-guru unit dan rakan sejawat dari unit lain, bagi membuktikan keberkesanan teknik ini.

REFLEKSI

A. IMPAK KEPADA GURU DAN PEMBANGUNAN PROFESIONAL

Inisiatif ini telah menambah nilai pembangunan guru. Guru-guru kini lebih yakin mengendalikan AI dan tidak lagi melihat teknologi sebagai beban, sebaliknya sebagai "pembantu" yang memudahkan penyediaan bahan rangsangan berkualiti tinggi. Tugas guru menjadi lebih efisien. Guru-guru selesa menggunakan AI dalam pengajaran mereka.

B. IMPAK KEPADA PELAJAR

1. Pengajaran Peribahasa

- Pemahaman secara Eksplisit: Pelajar tidak lagi sekadar menghafal maksud peribahasa secara abstrak, tetapi dapat "melihat" situasi sebenar melalui visual AI. Ini menjadikan makna peribahasa lebih nyata dan mudah diingat.

- Mengurangkan Beban Kognitif: Bagi pelajar aras rendah, visual AI membantu mereka memahami maksud tersirat peribahasa tanpa perlu bergelut dengan teks yang sukar. Minda mereka tidak perlu bekerja terlalu keras untuk membayangkan maksud, sebaliknya boleh terus fokus kepada cara penggunaan peribahasa tersebut.

2. Penulisan Karangan

- Peningkatan Kreativiti: Ilustrasi yang dijana AI bertindak sebagai pencetus idea (*spark*) yang membantu pelajar membina plot cerita yang lebih kreatif dan menarik.

- Kelancaran Aliran Cerita: Visual AI membantu pelajar memahami kesinambungan cerita langkah demi langkah. Ini memudahkan mereka menyusun struktur karangan yang lebih kemas dan teratur, sekaligus mengatasi masalah *"writer's block"*.

C. CABARAN YANG DIHADAPI

- Cabaran untuk menghasilkan prompt yang tepat bagi menjana ilustrasi yang konsisten.

- Guru perlu mula menyesuaikan tahap bahasa yang dijana oleh AI mengikut tahap kesediaan pelajar yang berbeza (*Differentiated Instruction*) supaya bahan yang dihasilkan benar-benar menepati keperluan individu pelajar.

- Keperluan *Prompting* yang Kompleks: Untuk menghasilkan teks yang tepat mengikut tahap (contohnya, menukar teks aras tinggi kepada bahasa yang sesuai untuk pelajar Aras Rendah), guru memerlukan kemahiran prompting yang sangat spesifik.

- Literasi AI dalam Kalangan Guru: Tidak semua guru mempunyai tahap kecekapan yang sama dalam membimbing AI untuk melakukan pembezaan instruksional (DI) secara spontan semasa penyediaan bahan.

- Kekonsistenan *Output*: AI kadangkala menjana tahap bahasa yang tidak konsisten walaupun menggunakan arahan yang sama, maka guru perlu meluangkan masa tambahan untuk menyunting bagi memastikan kualiti.

D. KESIMPULAN DAN PENAMBAHBAIKAN

Objektif perkongsian tercapai sepenuhnya dengan peningkatan penglibatan pelajar. Untuk masa hadapan, fokus akan diberikan kepada Pembezaan Pengajaran (*Differentiated Instruction*), di mana guru akan menyesuaikan tahap bahasa yang dijana AI mengikut kesediaan individu pelajar (contoh: meringkaskan ayat bagi pelajar lemah dan memperkaya kosa kata bagi pelajar pintar).

E. CADANGAN MASA HADAPAN

Guru perlu mula menyesuaikan tahap bahasa yang dijana oleh AI mengikut tahapkesediaan pelajar yang berbeza (*Differentiated Instruction*) supaya bahan yang dihasilkan benar-benar menepati keperluan individu pelajar.

Kemahiran Prompting yang Mendalam: Guru memerlukan kemahiran teknikal untuk mengarahkan AI menjana teks yang mengikut tahap kosa kata tertentu (contohnya: bahasa yang lebih mudah untuk pelajar lemah) tanpa menjejaskan kualiti cerita.

Kekangan Masa: Menyesuaikan satu cerita kepada beberapa tahap kesediaan memerlukan guru melakukan penyuntingan yang lebih teliti bagi memastikan ketepatan bahasa yang dihasilkan AI adalah betul dan sesuai.

Keseimbangan Visual dan Teks: Cabarannya adalah untuk memastikan visual yang dihasilkan tetap konsisten walaupun tahap bahasa teks diubah mengikut keperluan pelajar yang berbeza.

RUJUKAN

Hasson, U. (2025). The neurobiology of storytelling: How shared narratives synchronize brains. Princeton University Press.

Ismail, N., & Rosli, M. S. (2026). Keberkesanan penggunaan ChatGPT dalam penguasaan tatabahasa pelajar pintar dan berbakat. IJEPC, 11(65), 112-128.

Mohd Rani, M. A., & Zakaria, N. (2025). Tahap kesediaan dan persepsi guru Bahasa Melayu terhadap integrasi AI. JPBM, 15(1), 20-35.

Paivio, A. (2014). Mind and its evolution: A dual coding theoretical approach. Psychology Press.

Yusof, M., & Ahmad, S. (2025). Penggunaan buku cerita digital dan imejan visual dalam merangsang minat membaca. Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik, 13(4), 88-102.

POSTER PERBINCANGAN

AI Story U: Menggunakan AI untuk menjana cerita dalam pengajaran peribahasa dan karangan

INISIATIF KETUA PEDAGOGI

Unit Bahasa Melayu mengintegrasikan Gemini Storybook AI untuk menghasilkan bahan PdP dinamik seperti buku cerita digital. Inisiatif ini memberikan visual kepada peribahasa dan karangan, sekali gus membolehkan guru menyediakan bahan rangsangan berkualiti tinggi yang merangsang minat murid. Ini juga sejajar dengan STP; Aspek Pengajaran 14: Merangsang Minat, Aktiviti Mengajar 3: Menggunakan cerita dan imejan.



OBJEKTIF INISIATIF YANG DIJALANKAN

Strategi ini dikongsi bagi menyahut seruan sekolah untuk mengaplikasikan AI dalam bilik darjah. Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran digital guru agar selari dengan trend pendidikan semasa dan membantu guru menyediakan bahan bantuan mengajar yang lebih menarik dan kreatif supaya murid lebih mudah faham dan seronok belajar.





ELYANI BINTE MOHAMED
Sekolah Rendah Palm View

POSTER PERBINCANGAN



POSTER PERBINCANGAN

Refleksi 'AI Story U: Menggunakan AI untuk menjana cerita dalam pengajaran peribahasa dan karangan'

ELYANI BINTE MOHAMED SEKOLAH RENDAH PALM VIEW

Pengenalan

Integrasi AI dalam Pengajaran Bahasa Melayu

Kepentingan Integrasi AI

- AI menjadi teras pedagogi moden dalam pendidikan.
- Melengkapkan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu.
- Menyokong guru dalam menjana cerita kreatif untuk pengajaran peribahasa.

Impak AI terhadap Pembelajaran

- Menggalakkan kreativiti pelajar dalam penulisan karangan.
- Menjadikan pembelajaran lebih eksplisit dan menarik.
- Menyokong pelajar aras rendah dengan bimbingan berstruktur.

Penambahbaikan

Cadangan untuk guru menyesuaikan kandungan mengikut tahap kesediaan pelajar yang berbeza. Wadah ini perlu ditambah baik untuk memenuhi keperluan pelajar yang pelbagai tahap pembelajaran.

Kesimpulan

Penggunaan AI dalam PdP Bahasa Melayu berpotensi besar untuk menarik minat pelajar dan meningkatkan penglibatan pelajar.

GURU DAN AI: SINERGI BAHARU DALAM SLS UNTUK PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN



Norhidayana Jabar
Guru Peneraju
Sekolah Rendah Punggol Green

SINOPSIS

ElemenAI dalam SLS dapat memperkukuh penilaian formatif dan memberi maklum balas adaptif. Sebagai seorang guru peneraju, saya berperanan memodelkan amalan terbaik dan membimbing guru melalui sesi TTT, PLC dan bengkel, serta menyediakan sokongan berterusan dalam penggunaan ciri seperti *Short-Answer Feedback Assistant, Authoring Copilot* dan analisis data respons pelajar. Penggunaan AI ini dapat meningkatkan kecekapan guru dalam mereka bentuk tugasan yang berkualiti, menjimatkan masa pemarkahan dan membolehkan intervensi lebih tepat berdasarkan data pembelajaran. Antara cabaran yang dihadapi termasuk tahap literasi AI guru yang berbeza dan kebimbangan terhadap isu etika serta kebergantungan teknologi. Namun, faedah yang diraih adalah untuk mendapatkan maklum balas lebih pantas, pengajaran yang lebih responsif dan refleksi pedagogi yang lebih mendalam. Inisiatif ini memupuk budaya pembelajaran profesional yang kolaboratif, berteraskan data dan sejajar dengan aspirasi transformasi digital.

PENGENALAN

1. INISIATIF PROJEK

Perkongsian ini memberi fokus pada usaha Ketua Pedagogi dalam mengintegrasikan AI dalam S*tudent Learning Space* (SLS) sebagai rakan kolaboratif guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Elemen AI seperti *Short-Answer Feedback Assistant, Authoring Copilot* dan analisis data respons pelajar digunakan untuk memperkukuh penilaian formatif melalui maklum balas yang segera dan adaptif. Selaras dengan kerangka yang diketengahkan oleh Kementerian Pendidikan Singapura, penggunaan AI dalam SLS merangkumi tiga komponen utama iaitu *Adaptive Learning System (ALS), Teaching and Learning Assistants dan Learning Feedback Assistants.* Ketiga-tiga komponen ini menyokong pembelajaran diperibadikan, meningkatkan kecekapan guru serta memperkukuh pengalaman pembelajaran pelajar. Sebagai guru peneraju, saya memodelkan amalan terbaik dan membimbing guru melalui sesi *Timetabled Time* (TTT), *Professional Learning Community* (PLC) dan bengkel, serta menyediakan sokongan berterusan dalam penggunaan AI.

2. OBJEKTIF PERKONGSIAN

Perkongsian ini bertujuan untuk:

- meningkatkan keupayaan guru mengintegrasikan AI dalam Student Learning Space (SLS) untuk memperkukuh penilaian formatif dan maklum balas adaptif;
- membina kapasiti dan keyakinan guru melalui bimbingan profesional (TTT, PLC, bengkel); dan
- memupuk budaya pembelajaran profesional yang kolaboratif dan reflektif dalam kalangan guru.

3. KAJIAN LEPAS

Perkongsian ini disokong oleh beberapa kajian utama dalam bidang pendidikan. Black dan Wiliam (1998) menegaskan bahawa penilaian formatif yang disertai maklum balas berterusan dapat meningkatkan pencapaian pelajar secara signifikan. Ini sejajar dengan penggunaan AI dalam *Student Learning Space* (SLS) yang menyediakan maklum balas segera dan adaptif bagi menyokong pembelajaran secara berterusan. Mayer (2009) melalui *Cognitive Theory of Multimedia Learning* menunjukkan bahawa pembelajaran menjadi lebih berkesan apabila maklumat disampaikan melalui pelbagai mod. Penggunaan AI dalam SLS menyokong pemprosesan kognitif pelajar melalui interaksi digital yang pelbagai dan bermakna. Dalam konteks ini, AI berfungsi sebagai sokongan tambahan yang memperkukuh bimbingan guru, dan bukannya menggantikan peranan guru. Secara keseluruhan, kajian-kajian ini mengukuhkan bahawa AI berperanan sebagai alat yang dapat mempertingkatkan keupayaan guru dan membantu dalam penyediaan maklum balas, analisis data dan reka bentuk PdP tanpa menggantikan peranan profesional guru sebagai fasilitator dan pembimbing.

PERANAN KETUA PEDAGOGI

Guru kanan dan guru peneraju memainkan peranan sebagai ketua pedagogi dan harus mendepani pembangunan pedagogi guru. Ini dapat dijalankan dengan menyelaraskan aktiviti-aktiviti yang membolehkan elemen dan amalan pedagogi dilaksanakan di dalam bilik darjah. Perancangan yang strategik setiap tahun harus direncanakan agar projek atau program yang ingin dilaksanakan dapat memenuhi objektif. Di PGPS, guru-guru kanan dan guru-guru mapan mempunyai kumpulan sokongan yang dinamakan TLC atau *Teacher Leaders Council.* Kumpulan inilah yang mengetuai pembangunan pedagogi guru di sekolah.

Selain itu, ketua pedagogi berperanan untuk membina hubungan professional untuk membina kepercayaan guru-guru. Ini juga memudahkan usaha untuk meningkatkan kolaborasi dalam kalangan guru menerusi 'PLC' dan *'Timetabled Time'.* Usaha ini juga membolehkan para ketua pedagogi membina kepercayaan guru-guru dan memberikan mereka suntikan semangat dengan menjadi 'penyokong' yang setia.

Ketua pedagogi perlu berkongsi ilmu secara konsisten sama ada melalui platform dalam talian, sesi perkongsian profesional atau amalan membuka bilik darjah. Kesediaan untuk membuka bilik darjah membolehkan guru-guru lain membuat pemerhatian, mempelajari amalan baik dan menyesuaikan strategi yang sesuai dengan konteks pengajaran masing-masing.

Dari sudut inovasi di dalam pengajaran pula, ketua pedagogi harus bersedia untuk mencuba dan mencari guru-guru yang mempunyai minat dan keprihatinan yang sama di dalam menerajui inovasi. Di PGPS, kami mempunyai kumpulan sokongan yang dinamakan EdTech Champions dan saling berkongsi ilmu di dalam pembelajaran berteraskan teknologi.

Di samping itu, kerjasama dengan guru-guru dan ketua pedagogi di dalam kelompok juga amat penting. Pendekatan ini membolehkan perkongsian kepakaran merentas tahap dan subjek, sekali gus membina *collective teacher efficacy* dalam kalangan warga sekolah. Melalui kerjasama ini, inovasi pedagogi dapat diperluas secara lebih sistematik dan berimpak tinggi.

Peranan ketua pedagogi bukan sahaja tertumpu kepada pelaksanaan program, tetapi merangkumi pembinaan kapasiti guru, pemupukan budaya kolaboratif serta penerajuan inovasi yang berterusan dalam meningkatkan kualiti PdP di sekolah.

REFLEKSI

Seorang Ketua Pedagogi memainkan peranan sebagai pemimpin pembelajaran yang memacu integrasi AI dalam PdP serta meningkatkan kecekapan guru secara sistematik dan berterusan. Pembangunan profesional dirancang bersama SSD di sekolah serta ketua pedagogi yang lain. Sesi semasa *Timetabled Time* (TTT), *Professional Learning Community* (PLC) dan bengkel yang dijalankan di dalam *School Wide PD* (WOW). Inisiatif setiap jabatan dilaksanakan bagi membina kemahiran guru dalam penggunaan AI serta mengukuhkan pedagogi berkualiti.

Usaha ini diperkukuh melalui *Teacher Leaders Council* (TLC), iaitu kumpulan sokongan yang menerajui pembangunan pedagogi dan menyelaras inisiatif pembelajaran profesional dalam kalangan guru. Selain itu, *EdTech Champions* yang disertai guru-guru secara sukarela berperanan untuk menyokong usaha-usaha PDP dalam pembelajaran berteraskan teknologi. Ketua pedagogi juga berperanan aktif di dalam berkongsi ilmu melalui pelbagai wadah sama ada secara dalam talian atau menerusi amalan membuka bilik darjah untuk *Lesson Walk Ins*. Ini amat digalakkan bagi memperluas pembelajaran profesional secara autentik.

Namun demikian, terdapat beberapa cabaran dalam pelaksanaan inisiatif ini. Antaranya ialah tahap literasi AI yang berbeza dalam kalangan guru, yang memerlukan pendekatan pembangunan profesional yang berbeza-beza. Walau bagaimanapun, cabaran ini ditangani melalui sokongan berterusan, pemodelan amalan terbaik dan pembudayaan kolaborasi yang kukuh. Ketua pedagogi memainkan peranan penting dalam memastikan guru berasa disokong, yakin dan bersedia untuk mengaplikasikan inovasi dalam PdP.

RUJUKAN

Black, P., & Wiliam, D. (1998). Assessment and classroom learning. Assessment in Education: Principles, Policy & Practice, 5(1), 7–74.

Luckin, R. (2018). Machine learning and human intelligence: The future of education for the 21st century. UCL Institute of Education Press.

Mayer, R. E. (2009). Multimedia learning (2nd ed.). Cambridge University Press.

Ministry of Education Singapore. (2020). Student Learning Space (SLS). Ministry of Education.

Ministry of Education Singapore. (2023). EdTech Masterplan 2030. Ministry of Education.

POSTER PERBINCANGAN

GURU & AI: SINERGI BAHARU DALAM SLS UNTUK PDP



Inisiatif Ketua Pedagogi

- **Membina kecekapan guru melalui sesi pembangunan profesional di sekolah.**
- **Menerajui integrasi AI dalam Student Learning Space (SLS) untuk PdP.**
- **Memodelkan penggunaan AI dalam kalangan guru.**

SINGAPORE
Student Learning Space

Adaptive Learning System (ALS)

Authoring Copilot (ACP)

Data Assistant (DAT)

Learning Assistant (LEA)

TEACHING & LEARNING ASSISTANTS (TLAs)

NORHIDAYANA JABAR
SEKOLAH RENDAH PUNGGOL GREEN

POSTER PERBINCANGAN

GURU & AI: SINERGI BAHARU DALAM SLS UNTUK PDP





Objektif Inisiatif

- **Meningkatkan keupayaan guru mengintegrasikan AI dalam Student Learning Space (SLS) untuk memperkukuh penilaian formatif dan maklum balas adaptif ;**
- **Membina kapasiti dan keyakinan guru melalui bimbingan profesional ; dan**
- **Memupuk budaya pembelajaran profesional yang kolaboratif dan reflektif dalam kalangan guru.**

Peranan Ketua Pedagogi

- **Membina ruang selamat untuk guru mencuba, gagal dan belajar bersama ;**
- **Membimbing guru menggunakan ciri AI dalam Student Learning Space (SLS) seperti Short Answer Feedback Assistant, Data Assistant & Multimodal Gen AI ;**
- **Menyediakan contoh PdP, templat dan amalan terbaik berasaskan AI ; dan**
- **Memastikan AI digunakan sebagai alat sokongan, bukan pengganti peranan guru.**

NORHIDAYANA JABAR
SEKOLAH RENDAH PUNGGOL GREEN

POSTER PERBINCANGAN

GURU & AI: SINERGI BAHARU DALAM SLS UNTUK PDP

Pelaksanaan

- **Integrasi AI dalam tugasan PdP.**
- **Bengkel, TTT & PLC untuk membina kapasiti guru menggunakan AI dalam SLS.**
- **Kolaborasi dengan jabatan EdTech dan rangkaian dengan guru-guru di dalam kelompok.**



Refleksi

- **Maklum balas segera → pembelajaran lebih responsif & kendiri**
- **Kecekapan guru meningkat → jimat masa, PDP lebih berkualiti**



Penambah baikan

- **Pengukuhan bimbingan berstruktur untuk guru**
- **Mengoptimumkan data di SLS untuk intervensi PdP**

NORHIDAYANA JABAR
SEKOLAH RENDAH PUNGGOL GREEN

MEMPERKASAKAN INTERAKSI LISAN MELALUI PEDAGOGI INKLUSIF BERASASKAN UDL



Juliana Binte Johari
Guru Peneraju (SEN)
Sekolah Rendah Qihua



Elyyah Bte Kamsin
Guru Kanan
Sekolah Rendah Qihua

SINOPSIS

Inisiatif ini menumpukan kepada usaha memperkasakan kemahiran interaksi lisan dalam kalangan pelajar yang kurang berkeyakinan dan sukar memberikan respons yang berstruktur. Bagi menangani masalah ini, guru telah melaksanakan intervensi pedagogi inklusif berteraskan kerangka Reka Bentuk Sejagat untuk Pembelajaran (UDL). Melalui inisiatif ini, pelajar dibimbing menggunakan teknik akronim SOAL dan SAYA, disokong dengan penyediaan perancahan visual. Gabungan strategi ini direka khusus untuk mengurangkan beban kognitif pelajar, merangsang penjanaan idea secara spontan, dan memudahkan mereka menghubungkaitkan topik dengan pengalaman peribadi. Secara keseluruhannya, inisiatif ini membuktikan bahawa pendekatan yang sistematik dan eksplisit bukan sahaja berjaya membantu merapatkan jurang kebolehan pelajar, malah turut memberi impak positif yang signifikan kepada tahap keyakinan serta keupayaan guru. Pelaksanaan inisiatif ini diperkukuh dengan penggunaan teknologi digital seperti ClassPoint dan Padlet bagi tujuan penilaian formatif.

PENGENALAN

1. INISIATIF PROJEK

Berdasarkan pemerhatian awal di dalam bilik darjah, guru mendapati bahawa sebahagian besar pelajar menunjukkan tahap keyakinan yang agak rendah semasa sesi bertutur. Respons yang diberikan sering kali terlalu ringkas, tidak teratur dan kurang menunjukkan keupayaan pemikiran yang mendalam. Melalui sesi perbincangan bersama pelajar untuk memahami tahap kesukaran mereka, masalah utama yang dikenal pasti merangkumi kesukaran menjana idea secara spontan, kegagalan menghubungkaitkan pengalaman peribadi dengan situasi yang diberi, dan kelemahan dalam memberikan pendapat yang bermakna dan berstruktur. Keadaan ini secara langsung menjejaskan kualiti interaksi lisan dan tahap pelibatan aktif pelajar dalam proses pembelajaran.

- **Kerangka Intervensi Berasaskan UDL**

Sebagai langkah intervensi, Jabatan Bahasa Melayu telah mengambil inisiatif memperkenalkan satu struktur yang jelas dan sistematik dengan mengintegrasikan kerangka Reka Bentuk Sejagat untuk Pembelajaran atau UDL. Dalam memenuhi prinsip Pelbagai Cara Tindakan dan Ekspresi, guru menggunakan akronim SOAL dan SAYA bagi membantu pelajar menyusun pemikiran secara teratur. Penggunaan strategi ini berjaya mengurangkan beban kognitif pelajar ketika bertutur, sekaligus memudahkan mereka membina respons yang lebih lengkap. Seterusnya, bagi menepati prinsip Pelbagai Cara Representasi Maklumat, inisiatif ini mengukuhkan pedagogi inklusif pada tahap pertama melalui penyediaan sokongan perancahan visual dan pemula ayat.

Langkah ini sejajar dengan prinsip pembelajaran inklusif yang mengukuhkan pedagogi inklusif pada tahap Tier 1 dengan menyediakan sokongan untuk sesetengah pelajar tetapi tetap memberi manfaat kepada keseluruhan kelas. Bagi memenuhi prinsip Pelbagai Cara Keterlibatan pula, inisiatif ini menggunakan tayangan video sebagai bahan rangsangan dalam pendekatan inkuiri. Kaedah ini menggalakkan pelajar mengaitkan pengalaman peribadi, berfikir secara kritikal, membuat tafsiran, dan membina empati berdasarkan pelbagai tema kehidupan yang akhirnya menyokong perkembangan sosioemosi mereka.

2. OBJEKTIF PERKONGSIAN

Perkongsian ini bertujuan untuk mengetengahkan amalan pedagogi berfokus dalam memperkasakan interaksi lisan pelajar melalui pendekatan yang inklusif, berstruktur, dan berlandaskan inkuiri. Di samping itu, inisiatif ini bermatlamat untuk membuktikan bagaimana penggunaan strategi yang tersurat seperti SOAL dan SAYA, apabila disokong dengan perancahan visual serta contoh yang eksplisit, mampu meningkatkan keyakinan dan kualiti respons lisan pelajar secara menyeluruh. Usaha ini juga mendemonstrasikan pelaksanaan Amalan Pengajaran Singapura secara praktikal melalui pembinaan budaya bilik darjah yang positif, penyampaian pengajaran berstruktur, pelibatan aktif pelajar, serta pemanfaatan teknologi digital untuk tujuan penilaian formatif.

3. KAJIAN LEPAS

Bagi Aplikasi Reka Bentuk Sejagat untuk Pembelajaran (UDL) dalam Komunikasi Lisan, kajian lepas yang memfokuskan kepada prinsip UDL, khususnya Pelbagai Cara Tindakan dan Ekspresi (*Multiple Means of Action and Expression*) telah dirujuk. Kajian dalam bidang ini sering merujuk dapatan daripada organisasi CAST (*Center for Applied Special Technology*) yang membangunkan UDL. Rujukan ini menekankan bagaimana pendekatan inklusif menyokong 'Fungsi Eksekutif' (*Executive Function*) pelajar. Fungsi eksekutif adalah keupayaan otak untuk merancang dan menyusun strategi. Intervensi yang dipilih adalah selari dengan kajian global yang membuktikan bahawa pelajar memerlukan pilihan dan fleksibiliti untuk mengatasi rasa cemas dan kurang yakin semasa menyatakan pendapat secara lisan.

Kajian lepas yang mengaitkan perancahan visual dengan Teori Beban Kognitif (*Cognitive Load Theory*) atau Zon Perkembangan Proksimal (ZPD) membuktikan bahawa pelajar gagal bertutur dengan baik bukan kerana mereka tidak mempunyai idea, tetapi kerana 'memori kerja' (*working memory*) mereka terlalu terbeban untuk memikirkan idea dan struktur ayat secara serentak. Kajian ini membuktikan bahawa perancahan visual dan pemula ayat bertindak sebagai tempat simpanan memori sementara yang membolehkan pelajar memfokuskan tenaga minda mereka kepada penjanaan idea yang lebih mendalam dan kritis.

Kajian mengenai penggunaan mnemonik atau akronim di bawah lensa Teori Pemprosesan Maklumat (*Information Processing Theory)* mendedahkan konsep Pengelompokan Maklumat (*Chunking*). Akronim seperti SOAL dan SAYA berfungsi memampatkan langkah-langkah berfikir yang kompleks menjadi satu 'kod' yang ringkas. Kajian ini memperkukuh kenyataan bahawa penggunaan akronim berjaya melatih minda pelajar untuk menyusun urutan respons (seperti mengaitkan pengalaman peribadi dengan tema empati) dengan lebih pantas dan teratur semasa interaksi lisan.

PERANAN KETUA PEDAGOGI

Sebagai Ketua Pedagogi, Guru Peneraju (SEN), bersama Guru Kanan Bahasa Melayu telah menerajui pelaksanaan inisiatif ini. Pendekatan yang berstruktur melalui strategi SOAL dan SAYA telah memberi hala tuju yang jelas kepada guru dalam mengajar interaksi lisan secara lebih sistematik dan inklusif. Melalui proses perancangan, pelaksanaan dan pemantauan, ketua pedagogi mendapati bahawa kejayaan sesuatu pedagogi bukan sahaja terletak pada strategi yang digunakan tetapi lebih penting kepada kejelasan pelaksanaan, contoh yang konsisten dan bimbingan serta sokongan berterusan kepada guru.

Dari aspek impak kepada guru-guru di sekolah, inisiatif ini telah membantu para guru membina keyakinan dalam mengajar kemahiran lisan dengan lebih berstruktur. Guru kini mempunyai kerangka yang jelas untuk membantu pelajar serta lebih peka terhadap keperluan menyediakan sokongan seperti perancahan visual dan pemula ayat. Selain itu, penggunaan teknologi seperti ClassPoint dan

Padlet juga telah membuka ruang kepada guru untuk menjalankan penilaian formatif secara lebih efektif dan responsif terhadap peningkatan pembelajaran dalam setiap pengajaran.

Inisiatif ini telah menambah nilai pembangunan profesional guru melalui perkongsian dalam komuniti pembelajaran professional (PLC) sekolah dan di peringkat kelompok N5. Guru-guru bukan sahaja dapat mempelajari strategi baharu malah memahami setiap rasional di sebalik setiap langkah pengajaran yang selaras dengan amalan STP.

REFLEKSI

Seperti dalam setiap pengajaran, pasti akan ada cabaran. Namun dalam setiap cabaran itu, tersembunyi ruang untuk guru belajar, memperbaik dan berkembang menjadi pendidik yang lebih efektif. Antaranya adalah:

1) memastikan tahap pemahaman dan pelaksanaan dalam kalangan guru terutamanya dalam aspek menjalankan pengajaran yang eksplisit dan penggunaan perancahan secara berkesan;

2) memperuntukkan masa untuk membimbing, memantau serta menyediakan ruang untuk refleksi menjadi salah satu faktor yang dipertimbangkan; dan

3) Mengintegrasikan teknologi yang bermakna dan bukan sekadar alat turut memerlukan sokongan dan bimbingan yang berterusan.

Secara jujur, walaupun inisiatif ini sebahagian besarnya telah tercapai, terdapat ruang untuk penambahbaikan khususnya dalam memperkukuh amalan refleksi para guru dengan memperluas penggunaan strategi ini merentas tahap serta memastikan lanjutan pelaksanaan pengajaran melalui sokongan yang sistematik dan inklusif. Para guru akan mula merakam sesi pengajaran masing-masing sebagai bahan asas untuk refleksi kendiri dan perbincangan profesional peringkat jabatan. Rakaman ini akan membolehkan guru menilai amalan pengajaran secara objektif, mengenal pasti kekuatan, dan memperbaik kelemahan secara kolaboratif. Refleksi ini menjadi asas untuk penambahbaikan berterusan agar impak yang dihasilkan dapat dipertingkat.

Akhir kata, apabila guru belajar bersama, guru sebenarnya sedang membina kebijaksanaan kolektif, berkongsi pengalaman dan memperhalus amalan serta saling menguat pedagogi antara satu sama lain. Melalui usaha ini, guru bukan hanya mencipta pembelajaran yang bermakna malah memastikan pembelajaran yang terus berkembang demi memanfaat setiap pelajar dan pendidik.

Untuk terus menerajui inovasi dalam memperkukuh pengajaran dan keupayaan guru, guru akan melibatkan diri dalam proses pembangunan profesional guru dengan menjadi contoh dan menjadi penggerak usaha baharu. Dengan cara ini, para guru akan lebih berkeyakinan dan bersemangat untuk mencuba sesuatu yang baharu.

Secara keseluruhannya, objektif inisiatif ini telah tercapai pada tahap yang baik, khususnya dalam meningkatkan keyakinan dan keupayaan pelajar dalam interaksi lisan.

RUJUKAN

CAST. (2018). Universal Design for Learning Guidelines version 2.2. Retrieved from http://udlguidelines.cast.org

Putnam, A. L. (2015). Mnemonics in education: Current research and applications. Translational Issues in Psychological Science, 1(2), 130-139. https://doi.org/10.1037/tps0000023

Sweller, J., Ayres, P., & Kalyuga, S. (2011). Cognitive load theory. Springer Science & Business Media.

Vygotsky, L. S. (1978). Mind in society: The development of higher psychological processes. Harvard University Press.

POSTER PERBINCANGAN

MEMPERLUASKAN INTERAKSI LISAN MELALUI PEDAGOGI INKLUSIF BERASASKAN UDL

Cabaran Murid

Respons ringkas

Perbualan yang tidak teratur

Kekurangan idea spontan

Gagal mengait pengalaman sendiri



Keyakinan rendah

Pendapat kurang relevan

Pertimbangan Guru

Menyelaraskan proses pengajaran dan pembelajaran berdasarkan Amalan Pengajaran Singapura (STP)



Sokongan Tier 1





Berstruktur



Juliana Johari, Guru Peneraju (SEN)
Elyyah Kamsin, Guru Kanan (ML)

POSTER PERBINCANGAN

Intervensi

Pelbagai Cara Keterlibatan

Pendekatan Inkuiri & Pembangunan Sosioemosi



Penggunaan video bagi merangsang pelajar mengaitkan pengalaman peribadi untuk menggalakkan pemikiran kritikal & pembinaan empati

Pelbagai Representasi Maklumat

Pedagogi Inklusif: Penting untuk sesetengah, bermanfaat untuk semua



Penggunaan perancahan visual untuk merapatkan jurang kebolehan pelajar

Pelbagai Cara Tindakan & Ekspresi

Pengurangan beban kognitif

SOAL SAYA

Penggunaan akronim untuk membantu murid menyusun idea pelajar teratur agar memberikan respons yang lengkap

Disokong dengan penggunaan alat ICT: ClassPoint padlet

Contoh Bahan



POSTER PERBINCANGAN

Peranan Ketua Pedagogi

Menerajui Inisiatif

Reka Bentuk Pembelajaran Bermakna, Berpaksikan pelajar





Belajar dan membina bahan bersama-sama guru

Meluangkan Masa untuk Memberikan Maklum Balas



Refleksi

Impak



Pembangunan bersama



Pantau, nilai dan perbaik pembelajaran secara berterusan

Pelajar yakin

Cabaran



Pelaburan masa



Pemilihan alat teknologi

Penambahbaikan



Rakam sesi pengajaran sebagai alat refleksi bersama

Juliana Johari, Guru Peneraju (SEN), juliana_johari@schools.gov.sg
Elyyah Kamsin, Guru Kanan (ML), elyyah_kamsin@schools.gov.sg

MENGAPLIKASI AI DALAM PDP BAHASA MELAYU



Rahayu Mohamad Noor
Guru Kanan
Sekolah Rendah Rulang

SINOPSIS

Sebagai Ketua Pedagogi, saya menerajui inisiatif mengaplikasikan AI, khususnya SchoolAI dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu bagi menjadikan pembelajaran lebih menarik dan relevan dengan kecenderungan pelajar yang semakin dekat dengan teknologi. Inisiatif ini memberi tumpuan kepada komponen karangan dan lisan, di mana pelajar menerima maklum balas segera terhadap penulisan mereka serta menjalani latihan interaktif melalui perbualan berasaskan *"chat"*. Guru juga dapat memantau tahap penglibatan dan respons pelajar melalui paparan papan pemuka (*dashboard*). Pada peringkat awal, cabaran yang dihadapi ialah pelajar berasa janggal menggunakan platform SchoolAI. Namun, dengan latihan berterusan, penggunaan AI menjadi semakin lancar. Inisiatif ini bukan sahaja membantu pelajar menjana idea dan meningkatkan fokus, malah menjimatkan masa dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pelaksanaan projek ini turut menyokong pembangunan profesional guru apabila mereka digalakkan meneroka dan memanfaatkan AI dalam pengajaran, sekali gus memupuk budaya inovasi dalam kalangan guru di sekolah.

PENGENALAN

1. INISIATIF PROJEK

Para pelajar masa kini sering menganggap penulisan karangan dan kemahiran lisan sebagai sesuatu yang mencabar untuk dikuasai. Hal ini menjadi lebih ketara apabila tahap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan mereka semakin menurun. Ramai pelajar menghadapi kesukaran dalam menjana idea, menyusun isi secara teratur serta menggunakan kosa kata yang tepat, sekali gus menjejas keyakinan mereka untuk berkomunikasi dengan berkesan.

Inisiatif projek mengaplikasi AI dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa timbul kerana ramai pelajar masa kini cenderung menggunakan teknologi dalam kehidupan seharian mereka. Oleh itu, penggunaan AI dilihat sebagai satu pendekatan untuk menjadikan pembelajaran bahasa Melayu lebih menarik, relevan dan selari dengan peredaran zaman.

Projek ini juga bertujuan untuk memperkukuh pedagogi yang berpusatkan pelajar dengan memberi ruang kepada pelajar untuk terlibat secara aktif dalam pembelajaran mereka. Selain itu, projek ini membimbing pelajar membina tabiat pembelajaran yang baik. Pelajar diharapkan berupaya menjana idea secara kendiri serta menggunakan teknologi secara bertanggungjawab dan beretika.

Sasaran utama projek ini ialah pada komponen karangan dan lisan. Melalui penggunaan AI, pelajar dapat menerima maklum balas secara langsung terhadap penulisan mereka, khususnya dari segi idea, struktur ayat dan penggunaan bahasa. Selain itu, pelajar juga dapat menjalani latihan secara interaktif melalui perbualan berasaskan ruang sembang yang membimbing mereka berfikir dan menjawab soalan secara bertahap.

Penggunaan platform seperti SchoolAI juga membolehkan guru memantau tahap penglibatan pelajar melalui paparan papan pemuka (*dashboard*) yang menunjukkan respons, kemajuan dan tahap penyertaan pelajar semasa aktiviti dijalankan. Hal ini membantu guru mengenal pasti pelajar yang memerlukan sokongan tambahan.

2. OBJEKTIF PERKONGSIAN

Perkongsian ini bertujuan untuk:

- **Memperluas amalan pedagogi yang berkesan**

Perkongsian ini memberi peluang kepada guru untuk mempelajari dan meneroka pendekatan baharu seperti AI bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Melalui pendedahan ini, guru dapat melihat bagaimana teknologi boleh digunakan untuk memberi maklum balas segera, mempelbagaikan strategi pengajaran serta menyesuaikan pembelajaran mengikut keperluan dan tahap pelajar. Hal ini sekali gus membantu guru memperkaya amalan pedagogi sedia ada agar lebih relevan dan berimpak tinggi.

- **Menyokong pembelajaran berpusatkan pelajar**

Guru dapat melihat dengan lebih jelas bagaimana AI boleh menggalakkan penglibatan aktif pelajar dalam pembelajaran. Melalui aktiviti interaktif seperti ruang sembang, pelajar didorong untuk berfikir, memberi respons dan membina pengetahuan secara kendiri. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan motivasi dan keyakinan pelajar, malah memupuk kemahiran pembelajaran kendiri serta keupayaan untuk bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka sendiri.

3. KAJIAN LEPAS

Menurut Jennifer A. Fredricks, Phyllis C. Blumenfeld dan Alison H. Paris (2004), penglibatan pelajar merangkumi tiga dimensi utama, iaitu tingkah laku (*behavioral*), emosi (*emotional*) dan kognitif *(cognitive*). Penglibatan tingkah laku merujuk pada penyertaan aktif pelajar dalam aktiviti pembelajaran, seperti memberi respons dan menyelesaikan tugasan. Penglibatan emosi pula melibatkan minat, motivasi dan perasaan positif terhadap pembelajaran, manakala penglibatan kognitif merujuk pada usaha pelajar untuk memahami, berfikir secara mendalam dan mengaplikasikan pengetahuan.

Kajian oleh John Hattie (2009) melalui Visible Learning menunjukkan bahawa maklum balas yang berkesan merupakan antara faktor yang mempunyai impak tinggi terhadap pembelajaran pelajar. Apabila pelajar menerima maklum balas yang jelas, tepat dan membina, mereka lebih terdorong untuk memperbaiki hasil kerja serta melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran. Selain itu, objektif pembelajaran dan kriteria kejayaan yang jelas juga membantu meningkatkan penglibatan pelajar kerana mereka memahami jangkaan dan hala tuju pembelajaran.

Dari perspektif teknologi, Charles Dede (2014) menekankan bahawa penggunaan teknologi digital dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih interaktif dan dinamik. Teknologi membolehkan pelajar terlibat secara aktif melalui simulasi, perbincangan dalam talian dan aktiviti berasaskan penerokaan. Hal ini menyokong pembelajaran kendiri serta memberi peluang kepada pelajar untuk belajar mengikut kadar dan gaya masing-masing.

Selari dengan itu, Wayne Holmes, Maya Bialik dan Charles Fadel (2019) menyatakan bahawa penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam pendidikan berpotensi meningkatkan penglibatan pelajar melalui pembelajaran berasaskan dialog dan inkuiri. AI membolehkan interaksi dua hala yang berterusan, memberikan maklum balas segera serta menyokong pembelajaran yang diubahsuai mengikut keperluan. Pendekatan ini menggalakkan pelajar berfikir secara kritis, menjana idea dan mengambil peranan aktif dalam pembelajaran mereka.

Tambahan pula, Rose Luckin (2018) menegaskan bahawa AI boleh digunakan untuk menyokong *“intelligence augmentation”*, iaitu memperkukuh keupayaan pembelajaran pelajar dengan bantuan teknologi tanpa menggantikan peranan guru. Guru kekal sebagai fasilitator utama yang membimbing

interaksi, membina hubungan dan menyokong perkembangan emosi serta sosial pelajar.

Secara keseluruhannya, kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa penglibatan pelajar dapat dipertingkatkan melalui gabungan strategi pedagogi yang berkesan, maklum balas yang berkualiti serta penggunaan teknologi dan AI secara bermakna. Pendekatan berpusatkan pelajar yang disokong oleh teknologi berpotensi mewujudkan pengalaman pembelajaran yang lebih aktif, relevan dan berkesan.

PERANAN KETUA PEDAGOGI

Sebagai Ketua Pedagogi, saya memainkan peranan penting dalam menerajui pemilihan dan penggunaan teknologi AI yang sesuai dengan konteks pengajaran dan pembelajaran. Saya memastikan pemilihan alat AI selari dengan objektif kurikulum serta keperluan pelajar, khususnya dalam komponen seperti karangan dan lisan. Selain itu, saya berkongsi pengetahuan dan amalan-amalan baik dengan guru-guru melalui sesi perkongsian, serta menyediakan contoh pengajaran (*model lesson)* bagi membantu guru memahami cara mengintegrasikan AI secara berkesan dalam PdP mereka. Ini membolehkan guru menyesuaikan penggunaan AI mengikut profil dan keperluan pembelajaran pelajar masing-masing.

Saya juga menggunakan dapatan daripada respons pelajar, hasil penulisan dan paparan papan pemuka SchoolAI untuk mengenal pasti tahap penglibatan serta keperluan sokongan pelajar. Dapatan ini dibincangkan bersama guru dalam sesi PLC bagi menambah baik strategi pengajaran seterusnya.

Di samping itu, saya merancang dan menjadualkan mesyuarat profesional seperti PLC untuk menggalakkan pembelajaran kolaboratif dalam kalangan guru. Usaha ini disokong dengan pembinaan budaya pembelajaran yang selamat (*safe space*), di mana guru berasa selesa untuk berkongsi idea, mencuba pendekatan baharu dan membuat refleksi tanpa rasa takut akan kritikan. Persekitaran ini penting dalam memupuk keterbukaan dan kesediaan untuk berubah.

Sebagai Ketua Pedagogi, saya juga berperanan membina keyakinan guru untuk meneroka dan mengaplikasi pendekatan pengajaran baharu berasaskan teknologi. Melalui sokongan berterusan, galakan dan bimbingan profesional, guru didorong untuk bereksperimen, menilai keberkesanan amalan mereka dan seterusnya meningkatkan kualiti pengajaran untuk menghasilkan kesan yang lebih bermakna terhadap pembelajaran pelajar.

REFLEKSI

- **Pembangunan Guru**

Pelaksanaan inisiatif penggunaan **SchoolAI** dalam PdP Bahasa Melayu memberi pengalaman bermakna dalam menerajui perubahan pedagogi. Peranan ini bukan sahaja melibatkan perancangan dan pelaksanaan, malah membimbing guru untuk mengintegrasi teknologi secara berkesan. Saya mendapati bahawa sokongan berterusan, perkongsian amalan serta ruang kolaborasi amat penting dalam memastikan guru berasa yakin untuk mencuba pendekatan baharu. Pendekatan ini juga membuka peluang untuk memperkukuh pedagogi berpusatkan pelajar.

Inisiatif ini memberi kesan positif apabila guru mula meneroka penggunaan AI dalam PdP mereka. Guru menjadi lebih terbuka terhadap inovasi, lebih yakin menggunakan teknologi, dan dapat mempelbagaikan strategi pengajaran. Selain itu, guru juga dapat menjimatkan masa dalam memberi maklum balas dan memberi tumpuan kepada bimbingan yang lebih mendalam.

Projek ini menyumbang kepada pembangunan profesional guru melalui pembelajaran kolaboratif seperti PLC, perkongsian amalan terbaik dan refleksi berterusan. Guru dapat meningkatkan kemahiran pedagogi digital dan memahami keperluan pelajar dengan lebih mendalam.

- **Cabaran Ketua Pedagogi**

Namun, cabaran sebagai Ketua Pedagogi ialah memastikan guru menggunakan AI secara bermakna, bukan sekadar sebagai alat teknologi. Guru juga perlu dibimbing untuk menilai kesesuaian respons AI sebelum digunakan dalam pengajaran agar bahan yang dihasilkan tetap tepat, sesuai dan berkesan untuk pembelajaran pelajar.

- **Impak terhadap pembelajaran pelajar**

Pada peringkat awal, pelajar memerlukan bimbingan untuk menggunakan platform dengan berkesan dan bertanggungjawab. Lama-kelamaan, pelajar semakin terbiasa dengan menggunakan AI dalam pelajaran. Mereka juga memahami dan menerima bahawa penggunaan AI bukanlah sesuatu yang perlu digunakan secara berterusan, sebaliknya hanya sebagai alat sokongan pada masa-masa tertentu. Mereka semakin sedar bahawa AI berfungsi sebagai panduan untuk membantu menjana idea, memperbaiki kesalahan dan memperkukuh pembelajaran, namun usaha dan pemikiran sendiri tetap menjadi asas utama dalam proses pembelajaran mereka. Kesedaran ini membantu pelajar membina sikap yang lebih seimbang, bertanggungjawab dan beretika dalam penggunaan teknologi. Secara keseluruhan, penggunaan SchoolAI bukan sahaja menjimatkan masa guru, malah membuka peluang untuk memperkaya pedagogi. Pengalaman ini juga menggalakkan guru untuk terus bereksperimen dan mengintegrasikan teknologi secara lebih bermakna dalam bilik darjah.

Secara keseluruhan, objektif projek sebahagian besarnya tercapai. Pelajar menunjukkan peningkatan dari segi penglibatan, keupayaan menjana idea serta penerimaan maklum balas. Guru pula mula mengintegrasikan AI dalam PdP mereka. Namun, penambahbaikan masih diperlukan dari segi pemantapan kemahiran guru, penyediaan panduan penggunaan yang lebih jelas serta peluasan penggunaan kepada lebih banyak komponen pembelajaran.

RUJUKAN

Jennifer A. Fredricks, Phyllis C. Blumenfeld, & Alison H. Paris (2004). Fredricks, J. A., Blumenfeld, P. C., & Paris, A. H. (2004). *School engagement: Potential of the concept, state of the evidence.*

Hattie, J. (2009). Visible learning: *A synthesis of over 800 meta-analyses relating to achievement*. Routledge.Charles Dede (2014)

Dede, C. (2014).The role of digital technologies in deeper learning. In J. W. Pellegrino & M. L. Hilton (Eds.), *Education for life and work: Developing transferable knowledge and skills in the 21st century* (pp. 179–200). National Academies Press.

Wayne Holmes, Maya Bialik, & Charles Fadel (2019). Holmes, W., Bialik, M., & Fadel, C. (2019). *Artificial Intelligence in Education: Promises and Implications for Teaching and Learning. Boston*: Center for Curriculum Redesign.

Rose Luckin (2018).Luckin, R. (2018). *Machine Learning and Human Intelligence: The Future of Education for the 21st Century.* London: UCL Institute of Education Press.

POSTER PERBINCANGAN

Mengaplikasi AI
Dalam PdP Bahasa Melayu



Inisiatif Ketua Pedagogi

- Sebagai Ketua Pedagogi, saya menerajui inisiatif mengaplikasi AI dalam PdP bahasa Melayu bagi menjadikan pembelajaran lebih menarik dan relevan dengan kecenderungan para pelajar yang semakin dekat dengan teknologi. Guru-guru bahasa Melayu berasa teruja dan mencuba AI dalam kelas bahasa Melayu masing-masing.

Maklumat Ringkas Tentang Projek


- Projek ini menggunakan platform **SchoolAI** dan **SLS** dalam PdP karangan dan lisan Bahasa Melayu. Para pelajar menjalani latihan interaktif berasaskan perbualan (ruang sembang) yang membimbing mereka menjana idea, menyusun isi dan membina respons lisan.
- Bagi karangan, SchoolAI memberikan maklum balas segera dari segi isi dan penggunaan bahasa untuk membantu para pelajar membaiki penulisan mereka.

Rasional

- Para pelajar masa kini lebih terdedah kepada teknologi; penggunaan AI menjadikan pembelajaran lebih relevan dan bermakna.
- AI membolehkan mereka menerima maklum balas serta-merta bagi karangan dan lisan, mengikut tahap kemahiran masing-masing.

POSTER PERBINCANGAN

Saya Ketua Pedagogi





- ketua pedagogi berperanan untuk memperluas amalan pedagogi yang berkesan dan menjadi pemacu inovasi pedagogi
- membimbing dan menyokong guru melalui sesi perbincangan dan perkongsian untuk mengintegrasi AI dengan berkesan dalam PdP bahasa Melayu
- mewujudkan budaya pembelajaran yang kolaboratif dan selamat untuk guru-guru mencuba pendekatan baharu





Amalan pedagogi yang berkesan mendorong pembelajaran yang berpusatkan pelajar.



Penggunaan AI dalam PdP bahasa Melayu dikongsi bersama rakan-rakan guru di peringkat Kelompok Barat 7 dalam suasana yang selamat.



Pembentang:
Rahayu Mohamad Noor
Sekolah Rendah Rulang

POSTER PERBINCANGAN

Refleksi

- Pelaksanaan SchoolAI dalam PdP Bahasa Melayu **dapat meningkatkan kualiti pembelajaran para pelajar**. Mereka lebih **terlibat secara aktif**, khususnya melalui interaksi dalam ruang sembang yang membantu mereka menjana idea dan memperbaiki penulisan secara kendiri.
- Secara keseluruhan, penggunaan SchoolAI bukan sahaja **menjimatkan masa guru**, malah membuka peluang untuk memperkaya pedagogi. Pengalaman ini juga **menggalakkan** guru-guru untuk terus **mengintegrasikan** teknologi secara lebih bermakna dalam bilik darjah.

Cabaran

- Pada awalnya, para pelajar **memerlukan bimbingan** untuk menggunakan platform dengan berkesan dan bertanggungjawab. Guru juga perlu merancang soalan dan tugasan dengan teliti agar penggunaan AI benar-benar menyokong objektif pembelajaran.

interaksi ruang sembang dan maklum balas serta-merta

Selamat datang, Ana. Bentuk permulaan karangan kamu: kamu pilih dialog, latar cerita, atau imbas balik?

Listen


Saya pilih permulaan berdasarkan dialog

Baik, Ana. Kamu pilih permulaan berdasarkan dialog — bagus!

Sebelum kita mula semak dan betulkan, taipkan permulaan dialog kamu di ruang ini (beberapa baris dialog sudah memadai). Ingat guna ejaan Bahasa Melayu mengikut Kamus Dewan.

Untuk membantu, fikirkan satu soalan sahaja: di mana perbualan berlaku? (contoh: di dapur, di taman, di sekolah)

Guru memantau perkembangan para pelajar melalui "dashboard"



pembelajaran karangan



pembelajaran lisan

MEMBUDAYAKAN METAKOGNISI: LITERASI MAKLUM BALAS DAN INOVASI BERTERASKAN AI



Massuniza Binte Ismail
Guru Peneraju
Sekolah Menengah Beatty

SINOPSIS

Sejajar dengan hala tuju pembelajaran sekolah, terdapat keperluan untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran (PdP) selari dengan tuntutan E21CC dan EdTech. Pendekatan sekolah memfokuskan pembangunan profesional guru dengan penekanan pada metakognisi dan literasi maklum balas pelajar. Usaha ini didorong oleh cabaran utama, iaitu tahap keupayaan guru yang berbeza dalam mengaplikasikan kedua-dua aspek tersebut secara konsisten dalam PdP. Sebagai kumpulan ketua pedagogi, usaha ini digerakkan melalui perbincangan berterusan dengan pihak pentadbir sekolah, uji cuba dalam bilik darjah, pelaksanaan kajian tindakan serta pembudayaan metakognisi dan literasi maklum balas melalui latihan seluruh sekolah, pembukaan bilik darjah dan penerbitan majalah pembangunan profesional sekolah. Kolaborasi dengan jawatankuasa EdTech turut memperkukuh inovasi penggunaan AI sebagai wadah pemangkin metakognisi dan literasi maklum balas pelajar. Kerangka 'GROW' dan 'ACT' dibina sebagai pendekatan bersepadu bagi memastikan pelaksanaan yang konsisten merentas kurikulum dan kokurikulum. Kajian tindakan yang dijalankan telah dikongsi di *SJI Learning Festival* (2024) dan TCEF (2025), sekali gus memperluas impaknya.

PENGENALAN

1. INISIATIF PROJEK

Membudayakan Metakognisi dan Literasi Maklum Balas melalui Pendekatan Seluruh Sekolah

Usaha ini bermula berdasarkan keperluan sekolah untuk memperkukuh amalan metakognisi dan literasi maklum balas pelajar secara lebih sistematik, konsisten dan menyeluruh dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). Sebagai latar, guru-guru terlatih dalam aspek literasi maklum balas dan metakognisi, tetapi didapati keupayaan pelajar untuk bertindak secara berdikari masih langka. Pemerhatian di peringkat sekolah juga menunjukkan wujudnya variasi tahap keupayaan guru dalam mengaplikasikan elemen metakognisi serta literasi maklum balas secara berkesan dalam PdP. Perbezaan ini memberi kesan kepada konsistensi pengalaman pembelajaran yang diinginkan.

Selain itu, terdapat jurang yang jelas antara maklum balas yang diberikan oleh guru dengan tindakan susulan pelajar. Pada tahap yang ideal, maklum balas guru akan menjadi pencetus pembetulan atau penambahbaikan yang bermakna oleh pelajar. Tindakan susulan oleh pelajar penting untuk memaksimumkan proses dan hasil pembelajaran. Oleh demikian, satu pendekatan seluruh sekolah yang lebih berstruktur dan berasaskan kerangka yang sama bagi guru dan pelajar diperlukan bagi memastikan refleksi metakognisi dan maklum balas benar-benar menjadi pemacu pembelajaran.

Sehubungan itu, inisiatif ini digerakkan oleh Ketua-ketua Pedagogi dan anggota jawatankuasa *Curriculum Innovation & Instructional Design* (CIID) sebagai usaha menerajui perubahan pedagogi di peringkat sekolah. Inisiatif ini memberi fokus kepada penginstitusian amalan metakognisi dan literasi maklum balas pelajar melalui kerangka GROW dan ACT, di samping penerokaan penggunaan AI sebagai sokongan kepada guru dalam merancang intervensi PdP yang lebih responsif. Usaha ini turut bertujuan membina budaya refleksi dalam kalangan pelajar dan mengukuhkan kolaborasi profesional dalam kalangan guru.

Di samping faktor dalaman, pelaksanaan inisiatif ini turut didorong oleh hala tuju Kementerian Pendidikan (MOE) terhadap Kemahiran Abad ke-21 (E21CC) dan Teknologi Pendidikan (EdTech). Inisiatif sekolah seperti *Hackathon* turut menjadi pemangkin kepada budaya inovasi dan penerokaan pedagogi baharu. Usaha EdTech bukanlah terpisah daripada fokus metakognisi dan literasi maklum balas, tetapi sebagai inovasi untuk menyokong pelajar untuk mengambil tindakan terhadap maklum balas yang konstruktif.

2. OBJEKTIF PERKONGSIAN

Perkongsian ini bertujuan untuk menunjukkan bahawa kepimpinan pedagogi yang strategik melalui kolaborasi berstruktur dalam kalangan Ketua Pedagogi serta jawatankuasa berkaitan mampu menghasilkan impak yang lebih besar dan berkesan terhadap pembangunan profesional guru serta keberhasilan pelajar. Sebagai Ketua Pedagogi, peranan utama adalah untuk memimpin, menyelaras dan menginstitusikan amalan pembangunan profesional (PD) di peringkat sekolah. Ini dilakukan melalui penyelarasan struktur sokongan yang jelas, pengoptimuman platform PD sedia ada, dan pengukuhan perkongsian amalan terbaik secara sistematik. Pendekatan ini membolehkan kepimpinan pedagogi bertindak sebagai pemacu utama dalam membina budaya pembelajaran profesional yang kolaboratif.

Perkongsian ini juga bertujuan untuk memperkaya amalan pedagogi yang mengintegrasikan metakognisi dan literasi maklum balas pelajar dalam PDP. Walaupun kerangka GROW dan ACT merupakan pendekatan yang dibangunkan di Sekolah Menengah Beatty, prinsip dan strukturnya adalah fleksibel serta boleh diadaptasi mengikut konteks bilik darjah dan keperluan sekolah yang berbeza. Berkaitan konteks ini, peranan Ketua Pedagogi akan turut dikongsi dalam memperkasakan guru melalui bimbingan profesional, supaya amalan PdP yang dibangunkan tidak kekal pada tahap konseptual semata-mata, tetapi dapat diterjemahkan secara berkesan kepada perubahan amalan bilik darjah. Maka itu, impak utama yang disasarkan adalah untuk memastikan peningkatan kualiti amalan guru dapat diterjemahkan secara langsung kepada peningkatan hasil pembelajaran pelajar.

3. KAJIAN LEPAS

Pelaksanaan inisiatif ini disokong oleh beberapa teori dan kajian utama dalam bidang metakognisi, literasi maklum balas dan pembelajaran kendiri. Kerangka GROW berasaskan teori *self-regulated learning* oleh Barry J. Zimmerman (2002; 2008), menekankan kepentingan proses perancangan, pemantauan dan refleksi kendiri dalam membina autonomi pembelajaran pelajar. Zimmerman menegaskan bahawa pelajar yang mampu mengawal proses pembelajaran mereka secara kendiri akan lebih berupaya membangunkan strategi pembelajaran yang berkesan serta mencapai kejayaan akademik secara berterusan melalui kitaran refleksi yang berstruktur.

Seterusnya, kerangka ACT disokong oleh dapatan kajian meta-analisis oleh John Hattie dan Helen Timperley (2007). Kajian mereka menunjukkan bahawa maklum balas mempunyai saiz kesan sebanyak 0.70, iaitu berada jauh melebihi purata impak pendidikan yang signifikan. Dapatan ini menegaskan bahawa maklum balas merupakan antara pedagogi intervensi yang paling berkesan dalam meningkatkan pencapaian pelajar. Hattie dan Timperley turut menekankan bahawa keberkesanan maklum balas bergantung pada sejauh mana maklum balas tersebut berupaya menggerakkan pembelajaran ke tahap kendiri melalui kejelasan, ketepatan dan tindakan susulan yang bermakna oleh pelajar, bukan sekadar penyampaian maklumat tentang prestasi.

Selain itu, konsep literasi maklum balas yang diperkenalkan oleh David Carless dan David Boud (2018) menekankan keupayaan pelajar untuk memahami, mentafsir dan menggunakan maklum balas secara aktif bagi menambah baik pembelajaran mereka. Mereka berhujah bahawa literasi maklum balas merupakan keupayaan penting dalam abad ke-21 yang membolehkan pelajar menjadi agen aktif dalam proses pembelajaran, bukan sekadar penerima maklum balas pasif daripada guru.

Di samping itu, kajian oleh Kapoor (2016) turut menegaskan bahawa maklum balas formatif yang berterusan, jelas dan berkualiti tinggi mempunyai impak signifikan terhadap peningkatan penglibatan serta pencapaian pelajar. Kajian ini menunjukkan bahawa maklum balas yang spesifik, tepat pada masanya dan berorientasikan penambahbaikan bukan sahaja meningkatkan motivasi pelajar, malah memperkukuh kualiti hasil pembelajaran secara keseluruhan.

PERANAN KETUA PEDAGOGI

Dalam usaha membudayakan metakognisi dan literasi maklum balas secara menyeluruh di peringkat sekolah, kepimpinan pedagogi memainkan peranan penting dalam menerajui, menyelaras dan memperkukuh pelaksanaan inisiatif ini. Berdasarkan Kerangka *"Saya Ketua Pedagogi",* peranan ini melangkaui pelaksanaan program kepada pembinaan hala tuju pedagogi yang kohesif. Ketua Pedagogi memainkan peranan utama dalam menerajui dan menyelaras pelaksanaan inisiatif pedagogi, termasuk pembangunan dan pengaplikasian kerangka GROW dan ACT. Pada masa yang sama, Ketua Pedagogi secara berterusan menjalankan dialog profesional bersama pengetua sekolah bagi memastikan keselarasan hala tuju pedagogi sekolah serta membina dan memperhalus kerangka pelaksanaan agar sejajar dengan visi dan keutamaan sekolah.

Dalam membina hubungan profesional dengan guru-guru, Ketua Pedagogi turut berperanan dalam mengenal pasti dan menangani salah faham dalam kalangan guru berkaitan pelaksanaan kerangka GROW dan ACT. Melalui dialog profesional yang berterusan, Ketua Pedagogi bukan sahaja berkongsi contoh miskonsepsi yang lazim berlaku, malah mendengar dan memahami kesukaran guru dalam mengaplikasikan kedua-dua kerangka tersebut dalam bilik darjah. Pendekatan ini membolehkan bimbingan yang lebih bersasar diberikan, sekali gus menyokong guru dalam memperhalus amalan PdP secara bermakna.

Ketua Pedagogi turut menyediakan sumber dan kajian sokongan serta membimbing guru melalui maklum balas yang spesifik dan praktikal. Pendekatan *learning alongside* diamalkan bagi membina komuniti pembelajaran profesional yang reflektif, kolaboratif, dan berorientasikan penambahbaikan berterusan. Prinsip andragogi diutamakan dalam pelaksanaan pendekatan seluruh sekolah ini. Misalnya, guru-guru diberikan pilihan untuk mendalami serta membuat refleksi terhadap beberapa kajian lepas sebelum latihan seluruh sekolah dijalankan. Ini selari dengan prinsip andragogi, iaitu setiap guru mempunyai sumber dalaman untuk menetapkan hala tuju pembelajaran kendiri.

PROSES PELAKSANAAN INISIATIF (PENDEKATAN SELURUH SEKOLAH)

Inisiatif ini dilaksanakan secara berfasa dengan penglibatan aktif Ketua Pedagogi pada setiap peringkat bagi memastikan keselarasan, kualiti dan impak pelaksanaan.

Fasa 1: Penerokaan dan Penentuan Fokus

Ketua Pedagogi menjalankan analisis melalui pemerhatian bilik darjah dan dialog profesional. Dialog profesional bersama pengetua sekolah berlangsung secara berterusan. Ketua Pedagogi menentukan hala tuju pedagogi sekolah bersama Pengetua.
Kerangka GROW:

- *Gift yourself success:* Pelajar merenung semula topik atau kandungan yang telah dipelajari dan mengenal pasti satu aspek yang telah mereka kuasai.
- *Rise above with small steps:* Pelajar mengenal pasti aspek yang masih belum difahami.
- *Own your knowledge:* Pelajar meneroka cara untuk memahami topik dengan lebih baik, seperti bertanya kepada rakan, guru atau mencari sumber tambahan,
- *Watch for what comes next:* Pelajar merancang langkah seterusnya, termasuk persediaan untuk topik akan datang atau menetapkan strategi pengurusan masa untuk menyiapkan tugasan.

Kerangka ACT: (*Acknowledge, Connect, Test*)

1. *Acknowledge:* Pelajar mengenal pasti perasaan mereka terhadap maklum balas yang diberikan.
2. *Connect: P*elajar mengaitkan maklum balas yang diterima dengan kriteria kejayaan dan/atau matlamat pembelajaran.
3. *Test:* Pelajar perlu menetapkan satu perkara yang akan diubah atau dilakukan dengan cara yang berbeza untuk memastikan peningkatan.

Pada tahap ini juga, Ketua Pedagogi berperanan membina dan memperkenalkan kerangka GROW dan ACT secara bertahap. ACT telah dirangka, tetapi diperkenalkan setahun selepas GROW.

Fasa 2: Pembangunan Keupayaan

Fasa ini memberi tumpuan kepada pembinaan kapasiti guru melalui bengkel sewaktu hari pembelajaran profesional sekolah dan pemodelan PdP. Ketua Pedagogi mereka bentuk dan memudah cara latihan seluruh sekolah, menjelaskan konsep GROW dan ACT serta menangani miskonsepsi guru. Tambahan, Ketua Pedagogi menyediakan contoh amalan bilik darjah serta membimbing guru dalam jabatan untuk merancang soalan metakognitif dan maklum balas berkualiti. Pada tahun kedua, pelaksanaan dalam jabatan dilakukan melalui platform PLC. Berdasarkan input guru-guru, Ketua Pedagogi juga melaksanakan perkongsian awal tahun kepada para pelajar semasa perhimpunan sekolah untuk membina bahasa metakognitif yang sama.

Fasa 3: Pelaksanaan dalam Bilik Darjah

Guru mengintegrasikan kerangka GROW dan ACT secara eksplisit dalam PdP harian. Ketua Pedagogi membimbing guru baharu melalui pementoran dan sokongan berterusan. Selain memantau pelaksanaan bagi memastikan keselarasan dan kualiti amalan, Ketua Pedagogi menyokong guru dalam menyesuaikan pendekatan mengikut konteks subjek dan keperluan pelajar. Setiap guru mengumpulkan artefak pembelajaran GROW dan ACT untuk sama-sama diteliti.

Fasa 4: Pemerkasaan dan Integrasi Inovasi

Pelaksanaan diperkukuh melalui integrasi teknologi dan inovasi pedagogi. Fasa ini membuka peluang kepada guru-guru untuk meneroka Kecerdasan Buatan (AI) dalam melaksanakan GROW dan ACT dalam PdP. Ketua Pedagogi memainkan peranan untuk sama-sama meneroka dan menerajui penggunaan teknologi melalui kolaborasi bersama jawatankuasa EdTech. Integrasi inovasi terserlah melalui inisiatif seperti Hackathon kerana guru-guru dilatih untuk membina bot GROW dan ACT mereka sendiri melalui platform AI seperti Pair Assistant, SALIS, Gemini dan Lovable.

Fasa 5: Refleksi dan Penilaian Impak

Keberkesanan pelaksanaan dinilai melalui kajian tindakan yang dijalankan di peringkat sekolah dan merentas kurikulum. Ketua Pedagogi menerajui kajian tindakan di peringkat sekolah dengan mengumpul dan menganalisis data pembelajaran pelajar. Tinjauan dijalankan berdasarkan *Metacognitive Awareness Inventory* (MAI) dan FGD turut dijalankan. Dapatan menunjukkan peningkatan jelas dalam kesedaran metakognitif pelajar, khususnya bagi pelajar Menengah 2 dan Menengah 4 Pelajar Menengah 3 pula lebih menguasai aspek G dan R, namun masih memerlukan bimbingan dalam elemen O dan W. Dapatan ini dikongsikan kepada guru-guru sekolah sebagai pemangkin pembelajaran profesional. Jawatankuasa CIID turut membentangkan dapatan di platform profesional seperti *SJI Learning Festival* dan TCEF bagi memperluas impak.

REFLEKSI

Sebagai Ketua Pedagogi, pelaksanaan inisiatif metakognisi dan literasi maklum balas melalui kerangka GROW dan ACT telah memberikan impak yang signifikan terhadap pembangunan profesional guru serta pembudayaan amalan pedagogi di peringkat sekolah. Inisiatif ini telah memperkukuh peranan saya sebagai pembina budaya pedagogi sekolah. Dari sudut pencapaian objektif, secara keseluruhannya sebahagian besar objektif inisiatif ini telah berjaya dicapai. Ini termasuk pembinaan bahasa dan kerangka bersama melalui GROW dan ACT, penyemaian budaya kolaborasi dan pengukuhan amalan refleksi dalam kalangan pelajar yang disusuli dengan tindakan berdasarkan maklum balas.

Selain itu, inisiatif ini turut menyumbang kepada pembinaan *Collective Teacher Efficacy* (CTE) dalam kalangan guru, iaitu keyakinan bersama bahawa guru-guru berupaya memberi impak yang

positif terhadap pembelajaran pelajar. Perkembangan ini dapat dilihat melalui peningkatan kesediaan guru untuk mencuba pendekatan baharu, berkongsi amalan terbaik, serta menambah baik PdP secara kolaboratif. Projek-projek PLC turut membuktikan kedalaman penerapan metakognisi dan literasi maklum balas dalam subjek yang berbeza-beza. Budaya kolaborasi yang semakin kukuh ini menjadi asas kepada penambahbaikan berterusan dalam amalan pengajaran.

Dari segi nilai tambah terhadap pembangunan guru, pendekatan ini telah mengupayakan guru-guru untuk melaksanakan metakognisi secara lebih berstruktur melalui kerangka GROW, di samping mengukuhkan amalan pemberian maklum balas yang berkesan dan berimpak melalui kerangka ACT. Peranan guru juga telah mula beralih daripada sekadar penyampai ilmu kepada pemudah cara yang membimbing proses refleksi pelajar. Perubahan ini secara tidak langsung menyokong pembentukan pelajar sebagai pembelajar kendiri yang lebih bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka. Di samping itu, guru turut digalakkan untuk berinovasi menggunakan kecerdasan buatan sebagai sokongan profesional.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan inisiatif ini tidak terlepas daripada cabaran. Antaranya ialah tahap kesediaan dan literasi teknologi guru yang rencam, lantas memerlukan pendekatan sokongan yang berbeza mengikut keperluan individu. Selain itu, terdapat keperluan untuk memastikan penggunaan AI benar-benar memberi impak kepada pembelajaran pelajar, dan bukan sekadar meningkatkan kecekapan atau produktiviti guru semata-mata. Cabaran lain yang turut dikenal pasti ialah usaha mengekalkan momentum dan komitmen guru terhadap metakognisi dan literasi maklum balas dalam jangka panjang agar menjadi sebati dalam amalan pedagogi setiap guru.

Sehubungan itu, langkah seterusnya akan memberi tumpuan kepada penerokaan dan pengukuhan tahap pembangunan profesional yang lebih tinggi, termasuk pengenalan kerangka selanjutnya, iaitu ‘ASK’, satu pendekatan penyoalan bagi pelajar membentuk pemikiran kritis. Pendekatan ini diharapkan dapat memastikan kesinambungan usaha serta memperkukuh lagi budaya pembelajaran profesional yang reflektif, responsif dan berimpak tinggi di peringkat sekolah.

Sehubungan itu, langkah seterusnya akan memberi tumpuan kepada penerokaan dan pengukuhan tahap pembangunan profesional yang lebih tinggi, termasuk pengenalan kerangka selanjutnya, iaitu ‘ASK’, satu pendekatan penyoalan bagi pelajar membentuk pemikiran kritis. Pendekatan ini diharapkan dapat memastikan kesinambungan usaha serta memperkukuh lagi budaya pembelajaran profesional yang reflektif, responsif dan berimpak tinggi di peringkat sekolah.

RUJUKAN

Carless, D., & Boud, D. (2018). The development of student feedback literacy: Enabling uptake of feedback. Assessment & Evaluation in Higher Education, 43(8), 1315–1325. https://doi.org/10.1080/02602938.2018.1463354

Hattie, J. (2009). Visible learning: A synthesis of over 800 meta-analyses relating to achievement. Routledge.

Hattie, J. (2012). Visible learning for teachers: Maximizing impact on learning. Routledge.

Hattie, J., & Timperley, H. (2007). The power of feedback. Review of Educational Research, 77(1), 81–112. https://doi.org/10.3102/003465430298487

Kapoor, A. (2016). The role of feedback in student learning: A critical review. Journal of Education and Practice, 7(5), 1–9.

Zimmerman, B. J. (2002). Becoming a self-regulated learner: An overview. Theory Into Practice, 41(2), 64–70. https://doi.org/10.1207/s15430421tip4102_2

POSTER PERBINCANGAN

MEMBUDAYAKAN METAKOGNISI, LITERASI MAKLUM BALAS & INTEGRASI AI



PENDEKATAN SELURUH SEKOLAH

RASIONAL

- Pelajar masih kurang bertindak secara berdikari
- Wujud variasi amalan PdP guru → menjejaskan konsistensi pengalaman pembelajaran
- Jurang ketara antara:
  - maklum balas guru
  - tindakan susulan pelajar

Maklum balas belum dimanfaatkan sebagai pemacu pembelajaran

KEPERLUAN UTAMA

- ✓ Pendekatan berstruktur & konsisten seluruh sekolah
- ✓ Kerangka bersama untuk guru & pelajar
- ✓ Membina budaya:
  - refleksi metakognitif
  - tindakan terhadap maklum balas



Diterajui:

Inisiatif seluruh sekolah ini dipacu oleh:

- Ketua Pedagogi
- Jawatankuasa CIID
- EdTech Committee (integrasi AI)

Fokus utama:

- Penggunaan kerangka GROW & ACT
- Integrasi AI untuk sokong PdP
- Pengukuhan kolaborasi profesional guru
- Pembinaan budaya refleksi pelajar

Kesejajaran:

Usaha ini selari dengan keperluan:

- E21CC
- EdTech & inovasi pedagogi sekolah

ASAS TEORI & KAJIAN

1 Zimmerman:

- *Self-Regulated Learning*
- Perancangan, pemantauan & refleksi (2002, 2008)

2 Hattie & Timperley:

- Maklum balas: *Effect size = 0.70*
- Impak tinggi jika disusuli tindakan pelajar (2007)

3 Carless & Boud:

- *Student Feedback Literacy*
- Pelajar sebagai agen aktif pembelajaran (2018)

Massuniza Binte Ismail
Sekolah Menengah Beatty

POSTER PERBINCANGAN

PROSES PELAKSANAAN & PERANAN KETUA PEDAGOGI

FASA 1: PENENTUAN FOKUS

- Pemerhatian bilik darjah & dialog profesional dalam jabatan
- Menentukan hala tuju bersama Pengetua
- Usaha berperingkat: Kerangka GROW pada tahun 2024, ACT pada tahun 2026

PERANAN:

Kepimpinan Strategik

- Menentukan hala tuju pedagogi sekolah
- Menyelaraskan pelaksanaan GROW & ACT
- Dialog berterusan dengan Pengetua
- Membina pendekatan yang kohesif & berfokus

FASA 2: PEMBANGUNAN KEUPAYAAN

- Melaksanakan bengkel sewaktu *Staff Learning Days*
- Pemodelan PdP, Perkongsian dalam PLT
- Refleksi berterusan melalui majalah PD *Thoughtful Thursday*
- Perkongsian kepada pelajar (*assembly*)

PERANAN:

Pembinaan Kapasiti & Sumber

- Menyediakan kajian & bahan sokongan
- Membimbing perancangan: soalan metakognitif & maklum balas berkualiti
- Amalan *learning alongside*
- Membina bahasa metakognitif bersama

FASA 3: PELAKSANAAN PdP

- Integrasi GROW & ACT secara eksplisit
- Pementoran guru baharu
- Pengumpulan artefak pembelajaran
- Penyesuaian ikut subjek & keperluan pelajar

PERANAN:

Bimbingan Profesional Guru

- Mengenal pasti & menangani salah tanggap guru
- Melaksanakan dialog profesional berterusan dalam jabatan

FASA 4: PEMERKASAAN & INOVASI

- Integrasi EdTech & AI dalam penerapan GROW & ACT
- Kolaborasi bersama jawatankuasa EdTech dalam melaksanakan *Hackathon*
- Pembangunan bot: Pair Assistant, SALIS, Gemini, Lovable

PERANAN:

Pemodelan dan penerokaan AI bersama

- Memberi maklum balas yang spesifik & praktikal dalam mengaplikasi AI sebagai pemangkin GROW & ACT
- Bimbingan bersasar & kontekstual

FASA 5: PENILAIAN IMPAK

- Kaedah: Kajian tindakan sekolah
- Instrumen: MAI & FGD
- Dapatan utama: ↑ Kesedaran metakognitif (Men 2 & 4), Men 3: kuat (G & R), perlu sokongan (O & W)
- Perkongsian SJI LF, TCEF

PERANAN:


Mengumpulkan dan menganalisis dapatan


- Memberi maklum balas kepada projek-projek PLT
- Berkongsi dapatan bersama fraterniti untuk memperluas impak

Massuniza Binte Ismail
Sekolah Menengah Bedok

POSTER PERBINCANGAN

REFLEKSI & IMPAK





PENCAPAIAN UTAMA

- Pembinaan bahasa metakognisi dan literasi maklum balas bersama
- Kerangka yang kohesif (GROW & ACT)
- Pembinaan Budaya:
  - kolaborasi guru
  - refleksi pelajar
  - tindakan terhadap maklum balas
  - metakognisi & maklum balas menjadi amalan sekolah



TRANSFORMASI AMALAN GURU

- 💪 *Collective Teacher Efficacy* (CTE): Guru-guru secara kolektif berupaya dan yakin untuk meninggalkan kesan positif terhadap pembelajaran pelajar
- Perubahan ketara: Guru lebih bersedia mencuba pendekatan baharu, perkongsian amalan terbaik semakin aktif, penambahbaikan PdP secara kolaboratif, PLT menjadi lebih mendalam & bermakna
- Guru bukansekadar ❌ Penyampai ilmu, tetapi ✅ Pemudah cara pembelajaran

NILAI TAMBAH INOVASI

- Guru mula mengintegrasi AI dalam PdP
- Eksplorasi sebagai sokongan profesional
- Ke arah pedagogi responsif dan terarah

CABARAN

- Tahap kesediaan guru yang berbeza-beza (AI & pedagogi)
- Mengekalkan momentum jangka panjang
- Sokongan lebih jitu untuk sekumpulan guru

LANGKAH SETERUSNYA

Penerokaan & pengukuhan

- Penerokaan kerangka baharu: ASK (Penyoalan Kritis)
- Kesinambungan amalan GROW & ACT

- Terima kasih -

Massuniza Binte Ismail
Sekolah Menengah Beatty

PANTUN: KEINDAHAN SENI DAN SUARA BUDAYA MELAYU



Zulkifli Khamis
Guru Kanan
Sekolah Menengah Bendemeer



Nasyitah Abu Bakar
Guru
Sekolah Menengah Bendemeer

SINOPSIS

Inisiatif ini diterajui oleh para guru dari Sekolah Menengah Bendemeer untuk menghidupkan semula sastera tradisional melalui teknik penciptaan dan nyanyian pantun dalam bilik darjah. Pendekatan kreatif ini bertujuan untuk menjadikan pembelajaran bahasa Melayu lebih menarik di samping meningkatkan motivasi, kreativiti dan penguasaan bahasa dalam kalangan pelajar. Penggunaan pantun bukan sahaja berfungsi sebagai alat pedagogi yang interaktif berdasarkan sukatan pelajaran JATi, malah menjadi medium penting untuk menerapkan nilai moral dan melestarikan warisan budaya Melayu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa integrasi seni ini berjaya menjadikan suasana kelas menjadi lebih dinamik dan memperkukuh hubungan antara guru dengan pelajar. Walaupun menghadapi pelbagai cabaran, projek ini terbukti berkesan dalam membangunkan kemahiran berfikir aras tinggi pelajar dan memastikan sastera tradisional terus kekal relevan bagi generasi muda.

PENGENALAN

1. INISIATIF PROJEK

Pantun ialah salah satu bentuk puisi lama dalam sastera Melayu yang biasanya terdiri daripada empat baris dalam satu rangkap, dengan rima akhir biasanya a-b-a-b. Dalam masyarakat Melayu tradisional, pantun digunakan untuk menyampaikan pesan secara halus dan beradab. Pantun menjadi alat untuk menanamkan nilai moral, agama dan adat kepada generasi muda. Nasihat tentang sopan santun, kerja keras, dan hormat kepada orang tua sering disampaikan melalui pantun. Teguran, sindiran, bahkan lamaran sering disampaikan melalui pantun agar tidak menyinggung perasaan.

Penciptaan pantun bersama rakan-rakan dalam kelas menggunakan tema sukatan pelajaran buku teks JATi dan nyanyian dalam kelas, terbukti meningkatkan motivasi belajar, kreativiti dan penguasaan bahasa pelajar. Suasana kelas menjadi lebih hidup dan para pelajar lebih menikmati pembelajaran pelajaran apabila menyanyikan pantun ciptaan kawan-kawan mereka di samping melestarikan warisan berpantun.

Rasional:

- Permasalahan: Pembelajaran bahasa Melayu yang konvensional kurang menarik minat pelajar, menyebabkan tahap motivasi dan kreativiti rendah. Selain itu, warisan berpantun semakin terhakis dalam kalangan generasi muda.

- Minat kumpulan guru: Guru-guru berminat mengkaji pedagogi aktif berasaskan budaya iaitu penciptaan pantun dan nyanyian sebagai strategi pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang menyeronokkan.

- Faktor dorongan lain: Inisiatif sekolah untuk mengintegrasikan nilai-nilai warisan Melayu dalam kurikulum serta dorongan daripada Kementerian Pendidikan bagi melestarikan sastera tradisional.

2. OBJEKTIF PERKONGSIAN

Perkongsian ini bertujuan untuk:

1. Memperkasakan peranan guru dalam menerapkan nilai-nilai pantun dan nyanyian dalam kelas sebagai kaedah meningkatkan motivasi, kreativiti dan penguasaan pelajar terhadap pembelajaran bahasa Melayu; dan

2. Menggalakkan guru untuk melestarikan warisan berpantun dalam kalangan generasi muda melalui aktiviti PdP yang interaktif.

3. KAJIAN LEPAS

Kartini, Ros & Ali, Abdul Halim. (2021) menunjukkan penerapan pantun di sekolah rendah misalnya, dipercayai dapat membantu pelajar-pelajar abad ke-21 dalam pengajaran dan pembelajaran ke arah berfikiran kritis. Hal ini kerana dalam pantun tersirat nilai-nilai moral yang diekspresikan dalam kehidupan sehari-hari. Mengajar pantun dalam pengajaran juga memandu pelajar untuk berhibur, mentafsir dan menilai fenomenanya sehingga kecerdasan emosi kanak-kanak dapat berkembang.

Zaitul Azma Zainon Hamzah (2019) mengungkapkan bahawa pantun mempunyai nilai kemasyarakatan, nilai ekonomi, nilai ilmu keagamaan dan nilai pendidikan. Penggunaan pantun dalam pengajaran bahasa Melayu meningkatkan daya ingatan dan kemahiran berfikir aras tinggi pelajar. Ia jelas mencerminkan aspek ilmu, pemikiran, dan falsafah masyarakat Melayu. Lebih-lebih lagi bahasa yang diungkapkan dalam pantun memaparkan nilai pendidikan dan kebijaksanaan bangsa Melayu.

PERANAN KETUA PEDAGOGI

- **Ketua Pedagogi dalam menerajui projek:**
  Merancang dan memimpin bengkel dalaman mengenai teknik penciptaan pantun (berdasarkan tema JATi) serta kaedah nyanyian pantun. Menetapkan jadual pelaksanaan di setiap kelas dan memantau kesinambungan aktiviti.

- **Membina hubungan dengan guru-guru:**
  Mengadakan sesi perkongsian di tahap sekolah kepada semua guru semasa Seminar Kumpulan Pembelajaran Professional.

- **Menyediakan sumber dan kajian:**
  Menyusun modul pantun contoh, rakaman audio dan Youtube nyanyian pantun, serta himpunan artikel kajian lepas (contoh: jurnal tentang pedagogi pantun) sebagai bahan rujukan guru.

- **Meluangkan masa memberikan maklum balas:**
  Memberi maklum balas spesifik melalui pemerhatian kelas secara konsisten setiap minggu dan selepas sesi PdP.

- **Mengumpul dan menganalisis dapatan:**
  Menggunakan borang pemerhatian, soal selidik motivasi pelajar, dan analisis hasil pantun pelajar. Dapatan digunakan untuk menambah baik tema pantun, memperkenalkan variasi irama, dan merancang pertandingan pantun peringkat sekolah.

REFLEKSI

Refleksi sebagai Ketua Pedagogi

Strategi ini berjaya mengubah persepsi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Melayu daripada membosankan kepada menyeronokkan. Guru menyedari bahawa pendekatan berasaskan warisan budaya memerlukan kesabaran dan kreativiti berterusan, namun hasilnya amat memuaskan apabila pelajar mula mencipta pantun secara spontan. Sebagai ketua pedagogi, saya perlu terus memberi contohkepada guru supaya mereka berani untuk mencuba aktiviti tambahan begini di kelas masing-masing.

Refleksi guru setelah melaksanakan aktiviti di Bilik Darjah

- Saya mendapati pelajar yang sebelum ini pasif mula aktif bertutur dan memberi idea semasa mencipta pantun berkumpulan.
- Nyanyian pantun membantu pelajar mengingati isi pelajaran dengan lebih mudah berbanding hafalan biasa.
- Saya perlu lebih kreatif memilih irama yang sesuai agar tidak membosankan.
- Cabaran utama: Menangani masalah kumpulan yang lambat menyiapkan pantun.
- Impak positif: hubungan guru dengan-pelajar menjadi lebih positif melalui suasana pembelajaran yang lebih santai, interaktif dan menyeronokkan.
- Strategi ini sesuai diteruskan dengan penambahbaikan dari segi kepelbagaian irama dan galakan kepada pelajar kurang yakin.

Nilai tambah pedagogi kepada pembangunan pedagogi guru di sekolah

Guru memperoleh kemahiran baharu dalam mereka bentuk aktiviti yang mengintegrasikan kemahiran berfikir, kreativiti, dan nilai murni secara holistik. Strategi ini menjadi model pengajaran silang kurikulum (*cross-curricular*) yang mudah diadaptasi.

Cabaran yang dihadapi sebagai ketua pedagogi

- Para guru kurang mahir dan yakin dalam irama nyanyian pantun.
- Penyelarasan tema pantun dengan jadual sukatan pelajaran yang padat.
- Pelajar dari latar belakang berbeza mempunyai tahap pendedahan terhadap pantun yang tidak sama.

Status objektif

Kedua-dua objektif berjaya dicapai. Para guru lebih yakin dalam menerapkan pantun dan meningkatkan motivasi dan kreativiti pelajar. Ini dapat dibuktikan melalui peningkatan penghasilan pantun asli dan penyertaan aktif dalam nyanyian.sewaktu latihan di bilik darjah. Warisan berpantun juga dapat dilestarikan dalam kalangan pelajar menerusi pertandingan pantun sekolah dan persembahan kajian yang diuar-uarkan kepada sekolah.

RUJUKAN

Kartini, Ros & Ali, Abdul Halim. (2021). Mencanai Pemikiran Kritis Kanak-kanak Menerusi Pantun. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zainon Hamzah, Z. A. (2017). Nilai pendidikan dan kebijaksanaan masyarakat Melayu dalam pantun dan peribahasa Melayu. International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman), 5(2), 73–86.

POSTER PERBINCANGAN

POSTER 1

INISIATIF KETUA PEDAGOGI

Pantun: Keindahan Seni, dan Suara Budaya Melayu

Menghidupkan Sastera Klasik melalui Pedagogi Aktif dan Integrasi Digital



1 LATAR BELAKANG MASALAH

- Motivasi pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar semakin menurun
- Pendekatan konvensional bersifat pasif dan berfokus kepada hafalan
- Warisan pantun semakin terpinggir dan dianggap kurang relevan



2 OBJEKTIF INISIATIF

AKADEMIK

- Meningkatkan motivasi dan penguasaan bahasa
- Menggalakkan kreativiti melalui pembelajaran aktif

BUDAYA

- Menghidupkan semula pantun sebagai warisan hidup
- Menghubungkan pelajar dengan nilai budaya Melayu

3 KONSEP PEDAGOGI

Pendekatan berasaskan:

- Penciptaan pantun (berasaskan teks JATI)
- Nyanyian secara kolaboratif
- Pembelajaran berpusatkan pelajar



4 TRANSFORMASI PEMBELAJARAN

PASIF	AKTIF
HAFALAN	PENGHAYATAN MELALUI MELODI
TEKS	PENGALAMAN BUDAYA

5 PELAKSANAAN PROGRAM

- Bengkel penciptaan pantun



- Aktiviti nyanyian berkumpulan



- Maklum balas berterusan dalam kelas



- Pengajaran selaras dengan silibus (JATI)



6 INTEGRASI DIGITAL

RAKAMAN AUDIO (PODCAST PELAJAR)

Menggunakan Spotify for Creators (platform podcast)



PENERBITAN VIDEO (SALURAN YOUTUBE KELAS)

Menerbitkan video pembelajaran melalui saluran YouTube kelas



GAMIFIKASI (CABARAN PANTUN HARIAN)

Lencana dan cabaran harian untuk membina minat dan persaingan sihat



7 HASIL UTAMA


- Peningkatan motivasi pelajar



- Penglibatan aktif dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP)



- Penghasilan pantun asli



- Penghayatan budaya yang lebih mendalam



8 KESIMPULAN

Pendekatan inovatif ini membuktikan bahawa integrasi budaya dan pedagogi mampu meningkatkan keberkesanan pembelajaran secara menyeluruh serta menjadikan pembelajaran lebih bermakna.

Tukilan Poster: *Cikgu Zulkifli*

POSTER PERBINCANGAN



POSTER PERBINCANGAN



MEMACU AMALAN PERTUTURAN DIALOGIK DALAM PDP



Norhamidah Binte Hassan
Guru Peneraju
Sekolah Geylang Methodist (Menengah)

SINOPSIS

Inisiatif kepimpinan ini bertitik tolak dari penyertaan dalam Komuniti Pembelajaran Berangkai (NLC) yang menekankan amalan pertuturan dialogik dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Inisiatif ini dipilih secara strategik bagi menangani keterbatasan wacana di bilik darjah yang cenderung bersifat satu hala, sekali gus memperkukuh penglibatan dan kemahiran pelajardalam komunikasi dan pemikiran aras tinggi. Pelaksanaan melibatkan inkuiri kolaboratif bersama Guru Pakar dan ahli kumpulan melalui penerokaan kajian, analisis amalan di bilik darjah, reka bentuk strategi penyoalan berkualiti, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran serta pembangunan dan perkongsian sumber. Amalan ini diskalakan secara sistematik ke peringkat Jabatan Bahasa Ibunda, Ketua Pedagogi sekolah dan rangkaian Bahasa Melayu Kelompok E5, sebelum diperluas ke seluruh sekolah selaras dengan aspirasi membudayakan komunikasi bermakna merentas subjek. Cabaran utama merangkumi sikap sebahagian guru yang enggan mengubah amalan tradisional, dan keupayaan serta keyakinan pelajar yang berbeza dalam berdialog. Namun, impaknya jelas dilihat melalui peningkatan kualiti, keaktifan dan kedalaman pemahaman pelajar untuk interaksi lisan. Inisiatif ini turut memperkasakan pembangunan profesional guru melalui kolaborasi berfokus, refleksi berasaskan bukti dan penyebaran amalan berimpak tinggi.

PENGENALAN

1. INISIATIF PROJEK

Perkongsian ini tercetus daripada keperluan untuk menangani permasalahan wacana bilik darjah yang masih didominasi oleh interaksi satu hala, sekali gus mengehadkan penglibatan aktif pelajar dan pembinaan pemikiran aras tinggi. Selain itu, terdapat juga jurang dalam keupayaan pelajar untuk menyertai perbincangan secara bermakna dan berstruktur.

Sejajar dengan itu, sekumpulan ketua pedagogi yang berminat telah meneroka dan mengkaji amalan pertuturan dialogik sebagai satu pendekatan pedagogi yang berpotensi. Usaha diperkukuh melalui penyertaan dalam Komuniti Pembelajaran Berangkai (NLC), yang menyediakan ruang inkuiri kolaboratif dan perkongsian amalan berasaskan bukti. Di samping itu, hala tuju sekolah yang menekankan komunikasi berkesan antara guru dengan pelajar serta sesama pelajar turut menjadi pemangkin kepada pelaksanaan dan perkongsian ini.

2. OBJEKTIF PERKONGSIAN

Perkongsian ini bertujuan untuk:

- meningkatkan kefahaman guru tentang konsep dan amalan pertuturan dialogik dalam PdP; dan
- membina keupayaan guru untuk mereka bentuk dan melaksanakan interaksi bilik darjah yang lebih bermakna bagi menyokong penglibatan aktif pelajar dan pembinaan pemikiran aras tinggi.

3. KAJIAN LEPAS

Amalan pertuturan dialogik berasaskan pandangan bahawa pembelajaran berlaku melalui interaksi sosial yang bermakna dan berakauntabiliti. Alexander (2018, 2020) menegaskan bahawa *dialogic teaching* memerlukan *dialogic stance*, di mana guru menggalakkan pertukaran idea secara kolektif untuk memperdalam pemikiran pelajar melalui penyoalan dan respons yang berkualiti.

Seterusnya, Lyle (2008) menunjukkan bahawa dialog reflektif dan kolaboratif menyokong perkembangan kognitif serta meningkatkan penglibatan pelajar. Callander (2013) pula mendapati pendekatan dialogik menggalakkan penglibatan aktif melalui interaksi dan pembinaan makna bersama. Dari perspektif sosial, García-Carrión et al. (2020) menekankan bahawa interaksi dialogik mewujudkan persekitaran pembelajaran yang inklusif dan menyokong pencapaian akademik. Dalam konteks abad ke-21, Teo (2019) menegaskan kepentingan pedagogi dialogik dalam membina kemahiran komunikasi, kolaborasi dan pemikiran kritikal.

Selain itu, dokumen sukatan pelajaran Bahasa Melayu oleh MOE turut menekankan komunikasi berkesan dan interaksi bermakna sebagai teras PdP. Kesemua ini menyokong pertuturan dialogik sebagai pendekatan pedagogi berimpak tinggi.

PERANAN KETUA PEDAGOGI

Sebagai Ketua Pedagogi, saya memainkan peranan strategik dalam menerajui pelaksanaan amalan pertuturan dialogik melalui pendekatan yang berfokus, kolaboratif dan berasaskan bukti. Saya membina hubungan profesional yang kukuh dengan guru melalui kepercayaan, komunikasi terbuka dan sokongan berterusan bagi menggalakkan perubahan amalan pedagogi.

Selain itu, saya menyediakan sumber dan kajian lepas tentang *dialogic teaching* serta contoh amalan bilik darjah untuk memperkukuh kefahaman guru. Dalam proses pelaksanaan, saya meluangkan masa memberikan maklum balas yang spesifik, praktikal dan tepat melalui sesi pemerhatian, perbincangan reflektif dan kolaborasi berstruktur.

Saya juga mengamalkan pembelajaran bersama guru bagi memperkukuh kapasiti profesional secara kolektif. Dapatan daripada pelaksanaan dikumpul dan dianalisis secara sistematik untuk menilai keberkesanan serta memandu penambahbaikan seterusnya. Di samping itu, saya menerajui inovasi bersama guru dengan meneroka pendekatan pedagogi dan teknologi terkini bagi membina kepakaran serta memastikan kelestarian amalan pertuturan dialogik di sekolah.

REFLEKSI

Sebagai Ketua Pedagogi, pelaksanaan pertuturan dialogik telah mengubah cara saya melihat PdP - bukan sekadar strategi, tetapi anjakan minda dalam membina wacana bilik darjah bermakna. Guru beralih daripada penyoalan berfokus jawapan kepada penyoalan memperdalam pemikiran, memberi kesan langsung kepada keaktifan dan kualiti respons pelajar.

Impaknya jelas - guru menjadi lebih reflektif dan berani mencuba pendekatan baharu dalam membina *dialogic stance*. Kolaborasi melalui perbincangan dan maklum balas berterusan memperkukuh pembelajaran profesional secara kontekstual.

Cabaran utama termasuk memastikan konsistensi pelaksanaan dengan tahap kesediaan guru yang berbeza-beza, perbezaan keupayaan pelajar antara kelas, dan strategi bagi melaksanakan bimbingan mendalam. Sebilangan guru masih cenderung kepada pendekatan berpusatkan guru dan komunikasi sehala, ditambah tekanan menghabiskan sukatan pelajaran. Walaupun objektif permulaan tercapai, keperluan memperkukuh pemantauan berasaskan data dan memperdalam amalan dialogik adalah kritikal untuk kelestarian dan impak jangka panjang.

RUJUKAN

Alexander, R. (2018). Developing dialogic teaching: Genesis, process, trial. Research Papers in Education. Advance online publication. https://doi.org/10.1080/02671522.2018.1481140

Alexander, R. (2020). A dialogic teaching companion. Routledge.

Callander, D. (2013). Dialogic approaches to teaching and learning in the primary grades (Master's thesis, University of Victoria).

García-Carrión, R., López de Aguileta, G., Padrós, M., & Ramis-Salas, M. (2020). Implications for social impact of dialogic teaching and learning. Frontiers in Psychology, 11, Article 140. https://doi.org/10.3389/fpsyg.2020.00140

Kementerian Pendidikan Singapura. (n.d.). Sukatan pelajaran bahasa Melayu peringkat sekolah rendah dan menengah serta bahan pengajaran dan pembelajaran JATi dan CEKAP. Cawangan Pembinaan dan Pengembangan Kurikulum.

Lyle, S. (2008). Dialogic teaching: Discussing theoretical contexts and reviewing evidence from classroom practice. Language and Education, 22(3), 222–240. https://doi.org/10.1080/09500780802152499

Teo, P. (2019). Teaching for the 21st century: A case for dialogic pedagogy. Learning, Culture and Social Interaction, 21, 170–178. https://doi.org/10.1016/j.lcsi.2019.03.009

POSTER PERBINCANGAN

Memacu Amalan PERTUTURAN DIALOGIK dalam PdP

MAKLUMAT RINGKAS INISIATIF

- Penyertaan dalam Komuniti Pembelajaran Berangkai (NLC)
- Pelaksanaan melalui inkuiri kolaboratif bersama MTT dan ahli kumpulan
- Penskalaan sistematik:
  NLC → Bilik Darjah → Bengkel
  Jabatan Bahasa Ibunda → Ketua Pedagogi di sekolah → Ketua BM Kelompok E5 → seluruh sekolah



RASIONAL

- Menangani wacana bilik darjah yang didominasi interaksi satu hala
- Mengatasi keterbatasan penglibatan aktif pelajar
- Memperkukuh pembinaan pemikiran aras tinggi
- Menangani jurang keupayaan pelajar dalam perbincangan bermakna dan berstruktur

OBJEKTIF

- Meningkatkan kefahaman guru tentang konsep pertuturan dialogik
- Membina keupayaan guru mereka bentuk PdP interaksi dibilik darjah yang bermakna
- Menyokong penglibatan aktif pelajar dan pembinaan pemikiran aras tinggi

Norhamidah Hassan
Sekolah Geylang Methodist (Menengah)

POSTER PERBINCANGAN



PERANAN KETUA PEDAGOGI

KEPIMPINAN PEDAGOGI

- Menerajui amalan dialogik
- Berfokus & berasaskan bukti

SOKONGAN & SUMBER

- Kajian lepas & contoh PdP
- Sokong guru secara berterusan

PEMANTAUAN & PENAMBAHBAIKAN

- Maklum balas
- Data untuk penambahbaikan

KOLABORASI & PEMBELAJARAN

- Belajar bersama guru
- Kongsi & refleksi amalan

Memacu Amalan Pertuturan Dialogik secara Berfokus, Kolaboratif & Berasaskan Bukti.

POSTER PERBINCANGAN

REFLEKSI PELAKSANAAN PERTUTURAN DIALOGIK DALAM PENGAJARAN & PEMBELAJARAN

KESAN POSITIF

Perubahan dalam PdP & Guru

- Soal & jawab → pemikiran mendalam
- Pelajar lebih aktif & respons berkualiti
- Pembentukan pendekatan dialogik dalam PdP

Pembelajaran Profesional Guru

- Kolaborasi & perkongsian
- Maklum balas

CABARAN

- Pelaksanaan tidak konsisten
- Kesediaan dan keyakinan guru berbeza-beza
- Tahap penguasaan & keyakinan pelajar berbeza

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

- Memperkukuh pemantauan berasaskan data
- Meningkatkan bimbingan
- Perkukuh amalan dialogik

Pertuturan Dialogik membina pemikiran melalui interaksi, bukan jawapan.

Bahan Perkongsian Pertuturan Dialogik

MENGGALAKKAN PEMBELAJARAN KENDIRI MENERUSI PORTFOLIO INKUIRI DIGITAL



Muhammad Irwan Bin Jamal
Guru Kanan
Sekolah Menengah Hougang

SINOPSIS

Inisiatif yang dijalankan melibatkan pelaksanaan Portfolio Inkuiri Digital melalui platform Padlet semasa lawatan pembelajaran ke Beijing bagi memperkukuh pembelajaran yang diterajui pelajar. Inisiatif ini dilaksanakan untuk menangani cabaran kebergantungan pelajar terhadap guru dan pemandu pelancong ketika memperoleh maklumat, serta menggalakkan pembelajaran aktif dan kendiri dalam konteks autentik. Pada peringkat awal, pelajar berasa kurang yakin untuk melengkapkan tugasan tanpa bimbingan langsung daripada guru. Namun, pendekatan ini berjaya mengubah peranan pelajar kepada penyelidik mini yang menghasilkan bukti pembelajaran digital autentik, di samping meningkatkan keyakinan diri, inisiatif dan kemahiran menyelesaikan masalah. Refleksi pascalawatan menunjukkan peningkatan dalam tahap keyakinan pelajar terhadap tugasan baharu. Selain itu, inisiatif ini turut memperkukuh keupayaan guru sebagai pereka bentuk pengalaman pembelajaran autentik dan pembimbing proses inkuiri, di samping memastikan kesinambungan amalan melalui penggunaan kandungan Padlet sebagai bahan latihan untuk kumpulan pelajar dan guru baharu.

PENGENALAN

1. INISIATIF PROJEK

Maklumat Ringkas Perkongsian

Inisiatif ini merupakan satu usaha bagi menerapkan pedagogi yang memfokuskan kepada pemerkasaan autonomi pelajar melalui pendekatan *Self-Directed Learning* (SDL). Inisiatif ini mengintegrasikan penggunaan *Digital Inquiry Portfolio* melalui platform Padlet sebagai instrumen utama untuk pelajar merekod, menganalisis, dan mempersembahkan dapatan pembelajaran mereka secara masa nyata semasa mengikuti program lawatan luar negara ke Beijing.

Rasional dan Pencetus Idea Perkongsian

Idea untuk melaksanakan pendekatan SDL ini tercetus hasil pemerhatian terhadap cabaran *"learner passivity"* yang ketara dalam kalangan pelajar semasa sesi lawatan sebelum ini. Pelajar didapati terlalu bergantung kepada input satu hala daripada guru dan pemandu pelancong, menjadikan mereka sekadar "penerima maklumat" yang pasif. Keadaan ini mengehadkan potensi pembelajaran bermakna dan menyebabkan pelajar kurang peka terhadap konteks persekitaran yang sedang diterokai.

Inisiatif Kumpulan Guru dan Ketua Pedagogi

Didorong oleh keinginan untuk melahirkan pelajar yang berdikari, Ketua Pedagogi telah merangka satu ekosistem inkuiri digital yang mengubah peranan pelajar daripada pemerhati kepada penyelidik mini. Melalui tema-tema khusus seperti *"Cashless Society"* dan *"Urban Heritage"*, kumpulan guru menstrukturkan pengalaman pembelajaran yang menuntut pelajar merancang strategi temu bual, mencari bukti autentik menggunakan aplikasi digital (seperti Alipay dan Google Lens), serta mendokumentasikan refleksi harian mereka tanpa bimbingan langsung daripada guru.

Faktor Dorongan Lain

Faktor lain yang menyokong pelaksanaan projek ini ialah keperluan untuk mengintegrasikan teknologi pendidikan secara organik dalam situasi dunia sebenar. Inisiatif ini selari dengan matlamat membangunkan kemahiran insaniah abad ke-21, terutamanya dalam aspek penyelesaian masalah secara kreatif dalam konteks global yang asing. Selain itu, projek ini bertujuan mewujudkan kesinambungan ilmu yang melihat hasil kerja digital pelajar (Padlet) untuk dijadikan sumber rujukan.

2. OBJEKTIF PERKONGSIAN

Mengapakah inisiatif ini mahu dikongsi?

Inisiatif transformasi pembelajaran melalui pendekatan *Self-Directed Learning* (SDL) dan *Digital Inquiry Portfolio* ini dikongsi kerana ia menawarkan solusi bagi menangani isu kepasifan pelajar dalam konteks pembelajaran luar bilik darjah. Dalam era pendidikan global, keupayaan pelajar untuk menavigasi maklumat secara kendiri dalam persekitaran yang asing merupakan satu kemahiran yang kritikal. Perkongsian ini diharapkan dapat memberi inspirasi kepada rakan pendidik untuk mengalihkan peranan mereka daripada penyampai maklumat kepada pereka bentuk pengalaman pembelajaran yang lebih dinamik dan diterajui oleh pelajar.

Selain itu, dapatan daripada inisiatif ini membuktikan bahawa integrasi teknologi digital seperti Padlet bukan sekadar alat dokumentasi, malah merupakan pemangkin kepada pembentukan pemikiran inkuiri yang mendalam. Dengan berkongsi amalan terbaik ini, ia dapat membantu merapatkan jurang antara teori pembelajaran kendiri dengan amalan praktikal di lapangan, serta menyokong pembangunan profesional guru dalam mengendalikan program pengantarabangsaan yang lebih berimpak.

Objektif Inisiatif

Meningkatkan Autonomi dan Kepemilikan Pembelajaran Pelajar

Inisiatif ini bertujuan untuk memperkenalkan pendekatan SDL sebagai mekanisme utama bagi meningkatkan akauntabiliti pelajar terhadap pembelajaran mereka. Melalui tugasan bertema dalam Digital Inquiry Portfolio, pelajar didorong untuk bertindak sebagai penyelidik mini yang bertanggungjawab menentukan strategi pencarian maklumat, sekali gus beralih daripada peranan sebagai penerima pasif kepada pencipta kandungan yang kreatif.

Memperkukuh Keupayaan Guru sebagai Pereka Bentuk Pengalaman Autentik

Objektif seterusnya adalah untuk memperkasakan peranan guru bukan sekadar sebagai pengiring, tetapi sebagai pereka bentuk pengalaman pembelajaran autentik dan pembimbing proses inkuiri. Dengan menstrukturkan aktiviti yang mencabar keupayaan intelek pelajar di luar zon selesa, guru dapat membina kemahiran dalam mengimbangi antara bimbingan (scaffolding) dan pemberian kebebasan intelektual kepada pelajar.

Menggalakkan Guru Menguji Cuba Strategi Portfolio Digital di Luar Kelas

Inisiatif ini juga bertujuan untuk mendorong para guru untuk meneroka dan menguji cuba penggunaan portfolio digital dalam pelbagai konteks pembelajaran di luar bilik darjah (seperti lawatan sambil belajar, kerja lapangan, atau kem kepimpinan). Penggunaan platform digital secara mudah alih

membolehkan guru memantau perkembangan inkuiri pelajar secara masa nyata, menjadikan proses penilaian lebih telus, interaktif, dan lestari. Objektif-objektif ini sejajar dengan usaha untuk mentransformasikan amalan pedagogi sedia ada kepada model yang lebih holistik, di mana teknologi dan autonomi pelajar bergabung untuk mewujudkan pembelajaran bermakna yang melampaui sempadan bilik darjah tradisional.

3. KAJIAN LEPAS

Teori Pembelajaran Connectivism dan Self-Directed Learning (SDL)

Teori pembelajaran konstruktivis menekankan peranan aktif pelajar dalam membina pemahaman mereka melalui interaksi dengan persekitaran. Dalam konteks lawatan luar negara, teori ini diperluas melalui Connectivism yang dicadangkan oleh Siemens (2005), yang mana pembelajaran dianggap sebagai proses menghubungkan nod maklumat melalui rangkaian digital. Pendekatan *Self-Directed Learning* (SDL) pula menuntut pelajar mengambil inisiatif untuk menentukan keperluan pembelajaran, merangka matlamat, dan mengenal pasti sumber (Knowles, 1975). Candy (1991) menegaskan bahawa SDL bukan sekadar kaedah instruksional, tetapi satu proses pembangunan autonomi yang mana pelajar bertindak sebagai pengemudi utama dalam meneroka pengetahuan baharu di luar zon keselesaan mereka.

Hubungan antara SDL dan penggunaan teknologi digital amat jelas khususnya dalam cara pelajar mengurus maklumat. Platform digital membolehkan pelajar membina pengetahuan secara peribadi namun tetap bersifat kolaboratif. Dalam inisiatif ini, pelajar menggunakan alat digital bukan sekadar untuk merekod, tetapi sebagai medium untuk menghubungkan pengalaman fizikal di Beijing dengan pemahaman teoretikal yang mereka bina sendiri.

Inkuiri Digital dan Portfolio sebagai Alat Pedagogi

Pembelajaran berasaskan inkuiri berbeza daripada pendekatan tradisional kerana ia mengutamakan persoalan, penyiasatan, dan pembinaan bukti oleh pelajar sendiri. Menurut Tan (2017), agensi guru dalam memupuk SDL sangat bergantung kepada penyediaan ruang untuk pelajar melakukan inkuiri secara autentik. Penggunaan *Digital Inquiry Portfolio* melalui platform seperti Padlet membolehkan proses ini didokumentasikan secara dinamik. Berbeza dengan buku log tradisional, portfolio digital membolehkan pertukaran timbal balik di mana pelajar boleh meluah, mempersoal, dan memperhalus idea mereka melalui elemen multimedia.

Bruce dan Bishop (2008) menyatakan bahawa inkuiri digital membolehkan pelajar terlibat dalam "pembelajaran berasaskan komuniti" di mana setiap dapatan yang dimuat naik menjadi rujukan untuk rakan sebaya. Ini mewujudkan persekitaran pembelajaran yang telus di mana proses berfikir (visible thinking) dapat dilihat dengan jelas oleh guru dan rakan-rakan, sekali gus menggalakkan pemikiran kritis dan penaakulan yang lebih mendalam terhadap isu global seperti ekonomi digital dan warisan budaya.

Peranan Guru sebagai Pereka Bentuk Ekosistem Pembelajaran

Dalam pengajaran abad ke-21, peranan guru telah beranjak daripada penyampai maklumat kepada pereka bentuk pengalaman pembelajaran *(learning designer)*. *Kementerian Pendidikan Singapura* (2020) dalam kerangka pedagoginya menekankan bahawa untuk memupuk SDL, guru perlu menyediakan sokongan *(scaffolding)* yang strategik tanpa menyekat autonomi pelajar. Kecekapan guru dalam memediasi inkuiri—iaitu keupayaan untuk membimbing pelajar mencari jawapan sendiri tanpa memberi jawapan terus—ialah kunci kepada keberkesanan lawatan pembelajaran.

Kajian menunjukkan bahawa kualiti pembelajaran di luar bilik darjah meningkat apabila guru bertindak sebagai mentor yang membina budaya reflektif. Melalui sesi refleksi harian atau *"Self-Check"*, guru membantu pelajar mengatur semula pemikiran mereka dan menyesuaikan strategi inkuiri berdasarkan cabaran yang dihadapi di lapangan. Interaksi reflektif sebegini membolehkan guru memahami dinamika pembelajaran pelajar dengan lebih baik dan menyesuaikan sokongan mengikut tahap kematangan intelektual mereka.

Impak Autonomi Pelajar terhadap Keyakinan dan Kemahiran Insaniah

Dinamik antara kepercayaan yang diberikan oleh guru dan respons pelajar adalah elemen penting dalam pendidikan moden. Penyelidikan menunjukkan bahawa apabila pelajar diberi "kepemilikan" *(ownership)* terhadap tugas mereka, tahap penglibatan dan motivasi intrinsik akan meningkat secara signifikan. Konsep *"dialogicity"* dalam konteks ini bukan sahaja berlaku melalui lisan, tetapi melalui interaksi pelajar dengan persekitaran asing yang mencabar (Zwiers, 2011).

Apabila pelajar diwajibkan untuk berkomunikasi dengan masyarakat tempatan dan menyelesaikan masalah logistik atau teknikal secara kendiri, mereka secara tidak langsung membina kemahiran penyelesaian masalah dan keyakinan diri. Penglibatan dalam inkuiri yang dipacu pelajar membantu membangunkan kemahiran pemikiran aras tinggi yang sukar dicapai melalui pembelajaran pasif. Justeru, hubungan antara SDL, portfolio digital, dan bimbingan guru membentuk satu rangka kerja kukuh untuk melahirkan pelajar yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik, malah kompeten sebagai warga global yang berdikari.

PERANAN KETUA PEDAGOGI

Sebagai Ketua Pedagogi, saya memainkan peranan utama dalam menerajui pelaksanaan transformasi pembelajaran luar negara yang berfokus kepada pendekatan Self-Directed Learning (SDL) dan Digital Inquiry Portfolio. Saya memastikan setiap fasa projek ini selari dengan matlamat membina autonomi pelajar, di samping menyokong guru-guru dalam mengalihkan peranan mereka daripada penyampai maklumat kepada pereka bentuk ekosistem inkuiri yang berkesan.

Membina Hubungan dengan Guru-Guru

Saya sentiasa berusaha membina hubungan yang erat dan kolaboratif dengan pasukan guru pengiring melalui sesi percambahan idea (brainstorming) dan bengkel persediaan prapelancaran. Hubungan ini penting untuk menyelaraskan kefahaman bahawa guru perlu memberikan ruang autonomi kepada pelajar, sekali gus mewujudkan suasana saling percaya dalam melaksanakan inovasi pedagogi yang mencabar norma tradisi lawatan sekolah.

Menyediakan Sumber dan Kajian

Sebagai Ketua Pedagogi, saya menyediakan pelbagai sumber rujukan berkaitan teori SDL, connectivism, dan panduan teknikal penggunaan platform Padlet serta aplikasi digital tempatan (seperti Alipay dan Google Translate). Sumber-sumber ini dikongsi secara sistematik untuk memperkukuh pengetahuan guru mengenai bagaimana teknologi boleh memudah cara inkuiri pelajar tanpa kebergantungan yang berlebihan kepada guru.

Memberi Maklum Balas yang Spesifik dan Konsisten

Saya meluangkan masa untuk memberikan maklum balas yang spesifik dan praktikal semasa sesi refleksi *"Self-Check"* setiap malam di Beijing. Maklum balas ini diberikan secara konsisten kepada guru dan pelajar bagi memastikan setiap kumpulan penyelidik mini dapat menambah baik kualiti bukti digital mereka dan memperhalusi objektif inkuiri harian berdasarkan penemuan di lapangan.

Belajar Bersama Guru dan Pentadbir Sekolah

Saya percaya kepada konsep pembelajaran sepanjang hayat dan sentiasa belajar bersama pasukan guru serta pentadbir tentang dinamika pembelajaran di negara asing. Melalui pemerhatian langsung terhadap cara pelajar menyelesaikan masalah di Beijing, kami bersama-sama membangunkan kefahaman baharu tentang potensi pelajar apabila diberi kepercayaan sepenuhnya dalam menguruskan pembelajaran mereka.

Mengumpul dan Menganalisis Dapatan

Saya bertanggungjawab mengumpul dan menganalisis dapatan daripada *Digital Inquiry Portfolio* pelajar, termasuk kualiti catatan reflektif, kekerapan interaksi dalam Padlet, dan borang maklum balas pascalawatan. Dapatan ini digunakan untuk menilai keberkesanan strategi SDL yang dilaksanakan dan membuktikan peningkatan tahap keyakinan pelajar, agar amalan ini dapat dijadikan model standard untuk lawatan luar negara pada masa hadapan.

Meneraju Inovasi Bersama Guru

Sebagai Ketua Pedagogi, saya sentiasa meneraju dan menggalakkan inovasi digital bersama guru-guru pengiring. Kami bersama-sama meneroka potensi kecerdasan buatan (AI) dan alat kolaboratif terkini untuk memastikan portfolio digital yang dihasilkan bukan sekadar simpanan memori, malah menjadi aset ilmu yang boleh diakses dan dipelajari oleh seluruh komuniti sekolah. Peranan Ketua Pedagogi bukan sahaja sebagai peneraju, malah sebagai rakan kolaborasi yang aktif dalam membina komuniti pembelajaran profesional. Melalui hubungan yang kukuh, penyediaan sumber teknologi, maklum balas berterusan, dan inovasi bersama, saya berusaha memastikan setiap inisiatif pedagogi yang dikongsi dapat memberi impak maksimum dalam melahirkan pelajar yang berdikari dan kompeten di peringkat global.

REFLEKSI

Sebagai Ketua Pedagogi, pelaksanaan projek Digital Inquiry Portfolio melalui pendekatan *Self-Directed Learning* (SDL) memberi peluang kepada saya untuk memimpin satu inisiatif yang benar-benar berfokus kepada pembangunan profesional guru dalam konteks pembelajaran di luar bilik darjah. Saya bertanggungjawab memastikan setiap guru pengiring memahami prinsip pembelajaran kendiri dan mampu mengaplikasikan strategi bimbingan (s*caffolding*) digital secara efektif. Melalui penyediaan struktur inkuiri yang jelas, perkongsian sumber teknologi, dan maklum balas berterusan semasa di lapangan, saya dapat melihat perubahan paradigma dalam amalan bimbingan rakan-rakan guru daripada pemberi arahan kepada pemudah cara yang dinamik.

Impak kepada Guru-Guru yang Terlibat

Projek ini telah memberi impak yang signifikan kepada guru-guru yang terlibat. Mereka menjadi lebih yakin untuk melepaskan kawalan instruksional kepada pelajar dan lebih cekap dalam memantau perkembangan inkuiri melalui platform digital secara masa nyata. Guru-guru melaporkan bahawa mereka kini lebih menghargai kepelbagaian cara pelajar menyelesaikan masalah dan mengumpul bukti autentik. Selain itu, wujud budaya kolaborasi yang lebih kukuh apabila guru-guru saling berkongsi strategi teknikal dan cara menangani cabaran komunikasi pelajar dengan masyarakat tempatan di Beijing.

Penambahan Nilai kepada Pembangunan Guru

Inisiatif ini menambah nilai pembangunan guru dengan membekalkan mereka pengetahuan dan kemahiran baharu dalam pedagogi luar bilik darjah yang berasaskan teknologi. Guru didedahkan kepada strategi pembelajaran konektivisme dan SDL yang berasaskan bukti, sekaligus meningkatkan keupayaan mereka untuk merancang pengalaman pembelajaran yang lebih bermakna dan autentik. Proses refleksi harian (*Self-Check*) yang dijalankan bersama pelajar juga membantu guru mengenal pasti kekuatan dan ruang penambahbaikan dalam amalan pemudahcaraan masing-masing, seterusnya menyokong pembangunan profesional yang berterusan.

Cabaran yang Dihadapi

Antara cabaran utama yang saya hadapi adalah menguruskan rasa kurang yakin pelajar dan guru pada peringkat awal untuk berinteraksi secara kendiri dalam persekitaran yang asing. Terdapat juga cabaran teknikal seperti capaian internet dan penyelarasan aplikasi digital di luar negara yang memerlukan penyelesaian segera. Selain itu, anjakan budaya daripada lawatan berpandu tradisional kepada pembelajaran diterajui pelajar memerlukan komitmen dan kesabaran yang tinggi daripada semua pihak. Namun, dengan sokongan teknikal yang berterusan dan komunikasi yang jelas, cabaran-cabaran ini dapat diatasi secara berperingkat melalui kerjasama pasukan yang erat.

Kesimpulan

Secara keseluruhan, saya berpendapat objektif projek ini telah dicapai dengan jayanya. Pelajar menunjukkan peningkatan ketara dalam aspek keyakinan diri dan autonomi pembelajaran, manakala guru-guru pula semakin mahir bertindak sebagai pereka bentuk pengalaman inkuiri. Walau bagaimanapun, saya menyedari terdapat ruang untuk penambahbaikan, terutamanya dalam memperhalus instrumen penilaian portfolio digital agar lebih komprehensif. Saya yakin, dengan usaha berterusan dan penggunaan kandungan Padlet sebagai repositori pembelajaran, impak positif projek ini dapat dikekalkan sebagai amalan terbaik yang lestari.

Pengalaman sebagai Ketua Pedagogi dalam projek ini sangat bermakna dan memberi kepuasan profesional yang tinggi. Ia bukan sahaja memperkasakan guru untuk menjadi lebih inovatif dalam penggunaan teknologi, bahkan membina budaya pembelajaran yang lebih kolaboratif, reflektif, dan berpusatkan pelajar, sesuai dengan tuntutan pendidikan global masa kini.

RUJUKAN

Bruce, B. C., & Bishop, A. P. (2008). Using the inquiry cycle for community-based learning: *'The youth-mapping project. Journal of Information Technology Education: Innovations in Practice*, 7, 43–59.

Candy, P. C. (1991). *Self-direction for lifelong learning: A comprehensive guide to theory and practice*. Jossey-Bass.

Knowles, M. S. (1975). *Self-directed learning: A guide for learners and teachers.* Association Press.

Lee, Y. J. (2016). *Socio-constructivist teaching and learning. In N. M. Seel (Ed.), Encyclopedia of the Sciences of Learning. Springer.*

Ministry of Education Singapore. (2020). *Self-directed learning: MOE pedagogical framework*. https://www.moe.gov.sg/education-in-sg/21st-century-competencies

Siemens, G. (2005). Connectivism: *A learning theory for a digital age. International Journal of Instructional Technology and Distance Learning*, 2(1), 3–10.

Tan, C. (2017). *Teacher agency and self-directed learning in the Singapore education system*. Teaching and Teacher Education, 67, 182

Zwiers J. (2011) *Academic Conversations: Classroom Talk That Fosters Critical Thinking and Content Understandings. Portland, ME: Stenhouse Publishers.*

POSTER PERBINCANGAN

Menggalak Pembelajaran Kendiri Melalui Portfolio Digital

Inisiatif Ketua Pedagogi

Inisiatif ini dijalankan bagi mengatasi cabaran "learner passivity" dalam kalangan pelajar semasa lawatan pembelajaran ke Beijing. Inisiatif ini bertujuan untuk mengubah fokus daripada pengajaran berpusatkan guru kepada pembelajaran yang diterajui pelajar melalui penggunaan teknologi.



Objektif


- Membimbing para guru untuk menguji cuba strategi portfolio digital di luar kelas.
- Memperkukuh keupayaan guru sebagai pereka bentuk pengalaman pembelajaran autentik dan pembimbing proses inkuiri.

Muhammad Irwan Jamal
Sekolah Menengah Hougang

POSTER PERBINCANGAN

PERANAN SEBAGAI KETUA PEDAGOGI

- Mereka bentuk pengalaman pengajaran dan pembelajaran autentik
- Membimbing dan memantau tahap autonomi guru dan pelajar
- Menggalak penerapan teknologi pendidikan untuk merangsang pembelajaran kendiri





Before we head over to the Middle Kingdom, here are some resources that you can read, watch and listen to, to get you in the mood for Beijing.

After that, it's time to get down to work and here are some things that you need to accomplish before we set off:

1) Cultural Research Cards: Each student posts one interesting fact about Chinese culture, traditions, or etiquette. You can draw them, collage them or canva them. Just a simple one will do.

2) Language Learning Corner: Share basic Mandarin phrases with audio recordings (*greetings, thank you, excuse me etc*).

3) Packing Checklist Challenge: Students share their photos of their packing list essential items.

POSTER PERBINCANGAN

REFLEKSI

- Pengalaman sebagai Ketua Pedagogi dalam projek ini sangat bermakna dan memberi kepuasan profesional.

- Dapat membina budaya pembelajaran yang lebih kolaboratif, reflektif dan responsif terhadap keperluan pelajar masa kini.





PERUBAHAN POSITIF

- Para pelajar lebih aktif dan kreatif

- Guru-guru menunjukkan minat untuk mengendalikan PdP memanfaatkan portfolio digital

- Usaha sama untuk memperhalus dan mengongsi templat Padlet dengan jabatan lain

CABARAN

Daya intepretasi pelajar yang berbeza terhadap tugasan.

Fleksibiliti guru dalam menilai hasil pembelajaran pelajar yang mungkin menyimpang daripada perkara yang diinginkan.

Isu-isu teknikal yang menjejas kelancaran pembelajaran yang perlu disokong dengan tugas-tugas alternatif.

MEMPERKASAKAN PEMBELAJARAN KENDIRI MELALUI ALAT PEMANTAUAN DAN REFLEKSI



Julaiha Haron
Guru Kanan
Sekolah Menengah Punggol

SINOPSIS

Perkongsian ini menampilkan inisiatif kolaboratif sekumpulan Ketua Pedagogi dalam merangkakan dan melaksanakan sesi Pembangunan Profesional (PD) di peringkat sekolah. Fokus diberikan terhadap penggunaan alat pemantauan kendiri dan refleksi dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). Inisiatif ini digerakkan bagi menyokong hasil pendidikan yang diingini dan Kecekapan Abad ke-21, khususnya pembentukan pelajar yang berarah kendiri, mampu memantau kemajuan serta menilai pembelajaran secara bermakna. Antara cabaran yang dikenal pasti termasuk membimbing pelajar untuk menghasilkan refleksi yang berkualiti serta memastikan pelaksanaan yang konsisten merentas mata pelajaran. Melalui kerjasama rentas jabatan, guru-guru bersama-sama membangunkan dan menyesuaikan alat pemantauan yang sejajar dengan prinsip penilaian formatif dan pembangunan metakognisi. Pelaksanaan PD ini bukan sahaja memperkukuh keupayaan guru dalam mereka bentuk pengalaman pembelajaran berpusatkan pelajar, malah memupuk budaya refleksi profesional, penyelarasan amalan, dan perkongsian kepakaran dalam kalangan guru.

PENGENALAN

1. INISIATIF PROJEK

Perkongsian ini tercetus daripada keperluan untuk menangani isu para pelajar yang kurang menunjukkan ciri pembelajaran kendiri seperti terlalu bergantung kepada guru serta kurang keupayaan untuk memantau dan menilai pembelajaran sendiri. Sejajar dengan hasil pendidikan yang diingini MOE, iaitu untuk melahirkan pelajar yang berarah kendiri, inisiatif ini dilaksanakan melalui usaha kolaboratif dan inovatif beberapa orang Guru Kanan dan Guru Peneraju untuk memperkenalkan dan mengaplikasikan penggunaan alat pemantauan kendiri dan refleksi dalam bilik darjah.

Selain itu, inisiatif ini turut didorong oleh hala tuju sekolah dalam memperkukuh pembelajaran berpusatkan pelajar serta amalan penilaian seimbang (*Balanced Assessment*). Para Ketua Pedagogi telah bekerjasama untuk mereka bentuk alat pemantauan kendiri berasaskan empat domain utama iaitu kognitif, tingkah laku, motivasi dan konteks, serta menyesuaikannya dalam pelbagai tugasan berdasarkan subjek masing-masing.

Melalui pendekatan ini, pelajar dibimbing untuk merancang, memantau dan menilai pembelajaran mereka secara lebih teratur. Secara tidak langsung, ia diharapkan dapat membina kesedaran pelajar terhadap cara mereka belajar dan langkah untuk memperbaiki diri. Amalan menggunakan alat pemantauan dan refleksi ini diharapkan dapat menjadi kebiasaan dalam diri pelajar dan membantu mereka menjadi pembelajar yang lebih berdikari dan yang berarah kendiri.

2. OBJEKTIF PERKONGSIAN

Perkongsian ini bertujuan untuk memperkenalkan amalan pedagogi *Self-Regulated Learning* yang menyokong pembangunan pembelajaran kendiri dalam kalangan pelajar serta memperkasakan guru dalam mereka bentuk alat pemantauan kendiri dan refleksi yang berkesan.

Objektif khusus:

1. Meningkatkan kefahaman guru tentang peranan pemantauan kendiri dan refleksi dalam membangunkan pembelajaran kendiri pelajar;

2. Membimbing guru untuk mereka bentuk dan mengaplikasikan alat pemantauan kendiri berasaskan empat domain utama iaitu kognitif, tingkah laku, motivasi dan konteks dalam subjek masing-masing; dan

3. Menggalakkan amalan kolaboratif dalam kalangan guru bagi memperkukuh strategi pengajaran yang berpusatkan pelajar dan reflektif.

3. KAJIAN LEPAS

Perkongsian ini disokong oleh beberapa kajian dan kerangka teori yang relevan.

Gibbons (2002) menerangkan bahawa pembelajaran kendiri ialah satu proses di mana pelajar mengambil inisiatif dalam pembelajaran mereka sendiri. Pelajar bukan sahaja menerima arahan, tetapi turut berperanan aktif dalam menetapkan matlamat, merancang cara belajar dan menilai kemajuan mereka.

Dalam pendekatan ini, pelajar perlu mempunyai rasa pemilikan terhadap pembelajaran (*ownership of learning*), iaitu kesedaran bahawa kejayaan pembelajaran bergantung pada usaha mereka sendiri. Selain itu, pelajar juga perlu membina kemahiran memantau dan menilai diri (s*elf-monitoring dan self-evaluation*) agar mereka dapat mengenal pasti kekuatan dan kelemahan sepanjang proses pembelajaran. Gibbons (2002) turut menekankan bahawa pelajar yang mengamalkan pembelajaran kendiri mampu menghadapi cabaran dengan lebih yakin kerana mereka tahu bagaimana untuk menyesuaikan strategi pembelajaran apabila berdepan dengan kesukaran. Oleh itu, dalam konteks bilik darjah, guru perlu menyediakan sokongan seperti panduan refleksi dan alat pemantauan kendiri untuk membantu pelajar membina kemahiran ini secara berperingkat. Pendekatan ini selari dengan penggunaan alat pemantauan kendiri dalam perkongsian ini, yang akan membantu pelajar menjadi lebih sedar, bertanggungjawab dan berdikari dalam pembelajaran mereka.

Pintrich (2000) melalui kerangka *Self-Regulated Learning* (SRL) menjelaskan bahawa pembelajaran yang berkesan berlaku apabila pelajar mampu mengawal dan mengurus pembelajaran mereka secara aktif. Kerangka ini menekankan empat domain utama iaitu kognitif, tingkah laku, motivasi dan konteks sebagai komponen penting dalam proses pembelajaran kendiri.

- Kognitif merujuk kepada bagaimana pelajar berfikir dan memahami pembelajaran, seperti merancang strategi dan menyemak kefahaman.
- Tingkah laku melibatkan tindakan pelajar dalam mengurus masa, memberi tumpuan dan menggunakan sumber pembelajaran dengan berkesan.
- Motivasi berkaitan dengan tahap keyakinan, minat dan usaha pelajar untuk terus belajar walaupun menghadapi kesukaran.
- Konteks merujuk kepada faktor persekitaran seperti sokongan guru, rakan sebaya dan kejelasan tugasan yang mempengaruhi pembelajaran.

Pintrich (2000) menegaskan bahawa keempat-empat domain ini saling berkait dan perlu dibangunkan secara seimbang untuk membantu pelajar merancang (sebelum), memantau (semasa) dan menilai (selepas) pembelajaran mereka. Dalam perkongsian ini, kerangka SRL digunakan sebagai asas untuk membina soalan reflektif dalam alat pemantauan kendiri. Soalan-soalan ini membantu pelajar berfikir dengan lebih mendalam tentang pembelajaran mereka dan seterusnya meningkatkan keupayaan mereka untuk belajar secara kendiri.

PERANAN KETUA PEDAGOGI

Sebagai Ketua Pedagogi, saya menerajui pelaksanaan satu inisiatif pembangunan profesional peringkat sekolah yang memberi fokus kepada penggunaan alat pemantauan kendiri dan refleksi bagi memupuk pembelajaran kendiri dalam kalangan pelajar. Peranan saya melibatkan perancangan, penyelarasan dan pelaksanaan sesi pembangunan profesional (PD), termasuk mereka bentuk struktur pembelajaran guru, menyediakan bahan sokongan serta memudah cara aktiviti kolaboratif dalam kalangan guru.

Membina Hubungan dan Kolaborasi Bersama Guru

Dalam melaksanakan inisiatif ini, hubungan profesional yang kukuh dibina melalui pendekatan kolaboratif. Guru-guru daripada pelbagai jabatan dilibatkan secara aktif dalam perbincangan, perkongsian idea dan pembinaan bersama alat pemantauan kendiri. Melalui aktiviti kumpulan, guru-guru mengenal pasti tugasan autentik dalam subjek masing-masing dan bersama-sama membina soalan reflektif berdasarkan empat domain utama iaitu kognitif, tingkah laku, motivasi dan konteks . Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan pemilikan guru terhadap inisiatif, malah menggalakkan perkongsian amalan terbaik merentas disiplin.

Penyediaan Sumber dan Kajian Sokongan

Bagi menyokong pelaksanaan inisiatif ini, pelbagai sumber dan kajian telah disediakan untuk rujukan guru. Antaranya termasuk:

- Contoh-contoh soalan yang menggariskan empat domain utama sebagai asas pembelajaran kendiri; *Self-Regulated Learning* (Pintrich)

Jadual 1: Soalan yang Menggariskan Empat Domain Utama

QUESTION STATEMENTS

	BEFORE	DURING	AFTER
COGNITION	1. What is the goal of today's lesson? 2. What do I already know about this topic? 3. What strategy should I use to approach this task? 4. How can I organise my thoughts before starting? 5. What questions should I ask myself while learning?	6. Am I understanding what I'm learning right now? 7. Can I explain this in my own words? 8. What can I do if I get stuck? 9. Am I staying focused on the main ideas? 10. What patterns or connections am I noticing?	11. How well did I understand the topic? 12. What was the most challenging part and how did I handle it? 13. What mistakes did I make and how did I correct them? 14. How would I teach this concept to someone else? 15. What can I do next time to improve my learning?
BEHAVIOUR	1. Do I have everything I need to learn today? 2. What is my plan for managing my time? 3. What can I do to avoid distractions? 4. How can I prepare my learning environment? 5. What routines will help me stay organised?	6. Am I following my plan and staying on task? 7. How do I respond when I feel distracted? 8. Am I using available resources effectively? 9. What steps am I taking to stay productive? 10. How am I managing my time during the task?	11. Did I complete the task as planned? 12. What worked well in how I managed my time? 13. What could I do better next time? 14. Did I act on feedback I received? 15. What learning habits helped or hindered me?

	BEFORE	DURING	AFTER
MOTIVATION	1. Why is this topic important or meaningful to me? 2. What goal am I working towards in this lesson? 3. How confident am I about today's task? 4. What can I do to stay motivated? 5. How does this lesson relate to my interests or goals?	6. What helps me keep going when it gets difficult? 7. Am I putting in my best effort? 8. How am I feeling about my progress so far? 9. What am I learning about myself as a learner? 10. How do I stay positive if something doesn't go well?	11. What motivated me to keep going today? 12. What am I proud of achieving in this lesson? 13. What did I enjoy or find interesting? 14. How did I overcome challenges today? 15. How can I stay motivated for future tasks?
CONTEXT	1. What are the expectations for this task? 2. What support is available if I need help? 3. What resources or tools will I use? 4. How clear are the instructions? 5. What kind of learning environment do I need?	6. Who or what is helping me learn right now? 7. How does the classroom environment affect my focus? 8. How are group dynamics influencing my learning? 9. Am I using feedback effectively? 10. What part of this environment helps me the most?	11. What challenges did the environment present? 12. Did I make good use of available resources? 13. How did external factors affect my learning? 14. What feedback did I receive and how did I use it? 15. How can I better use my learning environment next time?

- Contoh alat pemantauan kendiri dan set soalan reflektif yang boleh diaplikasikan dalam bilik darjah.

Jadual 2: Alat Pemantauan Kendiri dan Set Soalan Reflektif

Name: _____ ( ) Class : _____

MY SELF-MONITORING TOOL

Composition – Descriptive Writing

Phases	Reflect	Yes	No	Remarks
Before Writing	Have I highlighted the key words in the question clearly? (C)			
	Have I identified the task fulfillment of the question clearly? (C)			
	Have I brainstormed ideas and sensory details for my composition? (C)			
	Do I believe I can write a good descriptive composition? (M)			
While Writing	Am I staying focused and not getting distracted while writing? (B)			
	Have I followed my writing plan? (B)			
	Did I use writing techniques or feedback from past lessons? (M)			
	Am I using descriptive vocabulary and figurative language effectively? (C)			
	Does my composition have a clear structure: introduction, body, and conclusion? (C)			
After Writing	Have I checked that my descriptions help the reader visualize the scene? (C)			
	Have I reviewed and edited my writing for grammar, punctuation, and spelling? (B)			

PUNGGOL SECONDARY SCHOOL
SECONDARY 2 – ULTIMATE FRISBEE

Name: _____ ( ) **Class:** _____
Date: _____

Self-Regulation Checklist
Instructions: Tick ✔ after thinking about each question.

Before the Game	Remarks
☐ What is the goal of today's Frisbee lesson?	
☐ Do I have everything I need to play and learn today?	
☐ What goal am I working towards in this game?	
☐ What are the rules or expectations for today's task?	
During the Game	**Remarks**
☐ Am I making good decisions on when and where to pass?	
☐ Am I following my plan and staying in position?	
☐ Am I putting in my best effort even when it's challenging?	
☐ Who or what is helping me play better right now?	
After the Game	**Remarks**
☐ What did I learn about my decision-making today?	
☐ Did I complete the game as planned and adapt when needed?	
☐ What am I proud of achieving in this lesson?	
☐ How can I use my team and environment better next time?	

ASSESS & ADJUST

One thing I will keep doing.	One thing you would change next time to improve your game.

Sumber-sumber ini membantu guru memahami asas teori serta melihat bagaimana ia boleh diaplikasikan dalam amalan pengajaran yang praktikal.

Pengumpulan dan Analisis Dapatan

Dapatan daripada pelaksanaan inisiatif ini dikumpulkan melalui:

- Perkongsian refleksi guru semasa dan selepas sesi PD
- Hasil kerja kumpulan dalam pembinaan alat pemantauan kendiri
- Maklum balas peserta melalui borang penilaian

Analisis dapatan menunjukkan bahawa guru lebih memahami peranan refleksi dalam pembelajaran dan lebih yakin untuk mengintegrasikan alat pemantauan kendiri dalam pengajaran mereka. Dapatan ini digunakan untuk merancang langkah seterusnya, termasuk penambahbaikan alat dan peluasan pelaksanaan ke lebih banyak kelas dan subjek.

Meneraju Inovasi dalam Pedagogi

Sebagai Ketua Pedagogi, saya turut menerajui inovasi dengan menggalakkan guru meneroka pendekatan baharu dalam pengajaran. Ini termasuk:

- Mengintegrasikan alat pemantauan kendiri dalam pelbagai konteks pembelajaran seperti penulisan karangan dan tugasan berasaskan projek.
- Menggalakkan penggunaan teknologi seperti platform digital untuk menyokong refleksi pelajar.
- Membina budaya eksperimen pedagogi dalam kalangan guru melalui perkongsian dan penambahbaikan berterusan.

Inisiatif ini bukan sahaja membina keupayaan pelajar yang berarah kendiri, malah memperkukuh kepakaran guru dalam mengaplikasikan pedagogi abad ke-21 secara bermakna.

REFLEKSI

Sebagai Ketua Pedagogi, pelaksanaan inisiatif penggunaan alat pemantauan kendiri dan refleksi ini merupakan satu pengalaman yang bermakna dalam menerajui perubahan pedagogi di peringkat sekolah. Melalui peranan sebagai pemudah cara, saya bukan sahaja membimbing guru memahami konsep pembelajaran kendiri, malah turut belajar bersama mereka dalam meneroka cara-cara praktikal untuk mengintegrasikan alat ini dalam bilik darjah. Proses kolaboratif ini memperkukuh hubungan profesional dan membina kepercayaan dalam kalangan guru untuk mencuba pendekatan baharu.

Dari segi impak, guru-guru menunjukkan peningkatan dalam kefahaman tentang kepentingan refleksi dan pemantauan kendiri dalam pembelajaran pelajar. Mereka lebih peka terhadap keperluan untuk membimbing pelajar berfikir tentang proses pembelajaran, bukan sekadar hasil akhir. Selain itu, guru juga lebih yakin dalam mereka bentuk soalan reflektif yang berkualiti dan mengaplikasikannya dalam konteks subjek masing-masing.

Inisiatif ini telah menambah nilai kepada pembangunan guru dengan memperkukuh amalan pedagogi reflektif dan berpusatkan pelajar. Guru-guru berpeluang untuk berkolaborasi, berkongsi amalan terbaik serta membina kapasiti dalam menggunakan strategi yang menyokong pembelajaran kendiri. Pendekatan ini juga selari dengan usaha memperkukuh penilaian seimbang, di mana refleksi menjadi sebahagian daripada proses pembelajaran yang berterusan.

Namun, terdapat beberapa cabaran sepanjang pelaksanaan. Antaranya termasuk memastikan semua guru mempunyai kefahaman yang konsisten tentang konsep pembelajaran kendiri serta membimbing mereka untuk menghasilkan soalan reflektif yang benar-benar bermakna dan bukan sekadar berbentuk permukaan. Selain itu, usaha juga harus dipertingkatkan dalam memastikan guru dapat mengaplikasikan alat ini secara berterusan dalam pengajaran harian.

Secara keseluruhan, objektif perkongsian ini telah tercapai, khususnya dalam meningkatkan kesedaran dan kefahaman guru tentang peranan pemantauan kendiri dan refleksi. Namun, masih terdapat ruang untuk penambahbaikan dari segi pelaksanaan yang lebih konsisten dan mendalam dalam bilik darjah. Oleh itu, langkah seterusnya adalah untuk menyediakan sokongan lanjutan seperti sesi susulan, perkongsian amalan terbaik dan pemantauan berterusan bagi memastikan impak inisiatif ini dapat dikekalkan dan diperkukuh.

RUJUKAN

Gibbons, M. (2002). *The self-directed learning handbook: Challenging adolescent students to excel*. Jossey-Bass.

Lim, S. H., & Baildon, M. (2021). *Understanding self-regulated learning in Singapore's social studies classrooms. Learning: Research and Practice*, 8(58), 1–17. https://doi.org/10.1080/23735082.2021.1954235

MOE (2018a), Framework for 21st Century Competencies and Student Outcomes, Retrieved from http://www.moe.gov.sg/media/press/2014/04/information-sheet-on-21st-century.php

Pintrich, P. R. (2000). The role of goal orientation in self-regulated learning. In M. Boekaerts & P. R. Pintrich & M. Zeidner (Eds.), Handbook of self-regulation (pp. 452-502). San Diego, CA: Academic Press.

Zimmerman, B. J. (2000). Attaining self-regulation: A social cognitive perspective. In M. Boekaerts, P. R. Pintrich, & M. Zeidner (Eds.), Handbook of self-regulation (pp. 13-39). Academic Press.

Zimmerman, B. J. (2002). Becoming a Self-Regulated Learner: An Overview. Theory Into Practice, 41(2), 64-70.

POSTER PERBINCANGAN

PEMBANGUNAN PROFESIONAL SEKOLAH

MEMPERKASAKAN PEMBELAJARAN KENDIRI MELALUI ALAT PEMANTAUAN DAN REFLEKSI

JULAIHA HARON
SEKOLAH MENENGAH PUNGGOL



PERMASALAHAN

Para pelajar **kurang menunjukkan ciri-ciri pembelajaran kendiri**, seperti terlalu bergantung kepada guru serta **kurang keupayaan untuk memantau dan menilai proses pembelajaran sendiri.**

OBJEKTIF PD

- **Membimbing guru** untuk **menghasilkan dan mengaplikasikan** alat pemantauan kendiri dalam konteks subjek masing-masing.
- **Menggalakkan amalan kolaboratif dalam kalangan guru** bagi memperkukuh strategi pengajaran yang berpusatkan pelajar dan reflektif.





PERLAKSANAAN PD

- Guru-guru melalui aktiviti *Demo* untuk mengalami sendiri penggunaan alat pemantauan dan refleksi
- Perkongsian dijalankan untuk berkongsi tentang *Self-Regulated Learning* dan berkongsi bukti pembelajaran pelajar daripada pengajaran Ketua-ketua Pedagogi
- Guru-guru mengubah suai atau menghasilkan alat pemantauan dan refleksi secara berkolaboratif dalam kumpulan subjek masing-masing

POSTER PERBINCANGAN

PERANAN KETUA PEDAGOGI



Peranan 1

Peranan Ketua Pedagogi dalam Menerajui Inisiatif

- **Bekerjasama dengan Ketua-ketua Pedagogi lain** dalam menerajui inisiatif
- Peranan melibatkan **perancangan, penyelarasan dan pelaksanaan** sesi pembangunan profesional (PD) para guru.
- **Memudah cara aktiviti kolaboratif** dalam kalangan guru.

Peranan 2

Membina Hubungan dan Kolaborasi Bersama Guru

- Guru-guru daripada pelbagai jabatan dilibatkan secara aktif dalam **proses perbincangan, perkongsian idea dan pembinaan bersama** alat pemantauan kendiri.

Peranan 3

Penyediaan Sumber dan Kajian Sokongan

- **Contoh-contoh soalan-soalan** yang menggariskan empat domain utama sebagai asas pembelajaran kendiri.
- **Contoh alat pemantauan kendiri dan soalan-soalan reflektif** yang boleh diaplikasikan dalam bilik darjah.

Peranan 4

Pengumpulan dan Analisis Dapatan

Dapatan daripada pelaksanaan inisiatif ini dikumpulkan melalui:

- Perkongsian **refleksi guru semasa dan selepas** sesi PD.
- **Hasil kerja kumpulan** dalam pembinaan alat pemantauan kendiri.
- Maklum balas peserta melalui **borang penilaian.**

JULAIHA HARON
SEKOLAH MENENGAH PUNGGOL
JULAIHA_HARON@SCHOOLS.GOV.SG

POSTER PERBINCANGAN

REFLEKSI



IMPAK

- Guru-guru **lebih peka terhadap perbezaan senarai semak dan alat pemantauan**
- Guru-guru **mempunyai pengetahuan asas** terhadap cara untuk membimbing pelajar berfikir secara kendiri.
- Selain itu, guru juga **lebih yakin dalam mereka bentuk soalan reflektif yang berkualiti** dan mengaplikasikannya dalam konteks subjek masing-masing.

CABARAN

- Memastikan semua guru mempunyai **kefahaman yang konsisten** tentang konsep pembelajaran kendiri dan membimbing mereka untuk menghasilkan **soalan reflektif yang bermakna.**
- **Memastikan guru dapat mengaplikasikan alat ini secara berterusan** dalam pengajaran harian.

MENAMBAH NILAI

- **Menyediakan sokongan lanjutan**
- **Melakukan sesi susulan, perkongsian amalan terbaik dan pemantauan berterusan** bagi memastikan impak inisiatif ini dapat dikekalkan dan diperkukuh.

MAKLUM BALAS GURU

*"Useful **to train students' habit of mind**."*


*"The **difference between the checklist and self regulation tool** has been shared very clearly."*

*"Self monitoring tool is **highly customizable** and **can be used across different profiles of students.**"*

*"The self-monitoring tool is **great to help students be more self-directed**."*

JULAIHA HARON
SEKOLAH MENENGAH PUNGGOL
julaiha_haron@schools.gov.sg

NITRA: MEMBANGUN GURU MELALUI NILAI DALAM SASTERA



Dr Nor Hanisah Bte Saphari
Guru Kanan
Maktab Rendah Catholic

SINOPSIS

Inisiatif NITRA (Nilai dalam Sastera) ialah sebuah program yang digerakkan oleh ketua pedagogi sebagai kesinambungan daripada dapatan kajian PhD beliau. Fokus inisiatif ini adalah untuk mengintegrasikan nilai murni melalui sastera tradisional Melayu. Pemilihan inisiatif ini didasari keperluan membangunkan keupayaan guru dalam menyemai nilai secara bermakna melalui teks sastera yang dekat dengan konteks pelajar. Dalam pelaksanaan, cabaran utama yang dihadapi merangkumi keperluan menyelaras guru daripada pelbagai institusi dan mengurus persembahan pelajar yang rencam dari segi latar serta tahap keupayaan. Namun, NITRA terbukti memberi impak positif apabila guru dapat memperkaya proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) melalui sastera tradisional sebagai medium nilai, menyediakan platform interaksi dan apresiasi sastera merentas institusi, serta menggalakkan kolaborasi antara pelajar. Secara keseluruhan, program ini menyumbang secara langsung kepada pembangunan profesional guru melalui peningkatan kecekapan dalam perancangan, pengurusan, penyelarasan, dan komunikasi berasaskan teknologi.

PENGENALAN

1. INISIATIF PROJEK

NITRA (Nilai dalam Sastera) merupakan satu projek kolaboratif yang lahir daripada gabungan usahasama beberapa institusi pendidikan pelbagai peringkat. Projek ini berfokus kepada usaha merentas disiplin dan peringkat bagi mengangkat serta menghidupkan nilai-nilai murni yang terkandung dalam sastera tradisional Melayu sebagai wahana pembentukan sahsiah pelajar.

Idea penubuhan NITRA tercetus daripada dapatan tesis PhD oleh Dr Nor Hanisah Saphari (2021) yang meneliti keberkesanan penerapan nilai melalui penggunaan sastera tradisional dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu. Kajian tersebut mendapati bahawa bahan sastera tradisional bukan sahaja relevan, malah berupaya menjadi medium yang signifikan dalam menyampaikan nilai secara kontekstual, bermakna dan berkesan kepada pelajar. Berlandaskan dapatan ini, NITRA diwujudkan sebagai satu platform autentik yang menghubungkan para pendidik dan pelajar untuk meneroka, menghayati dan menzahirkan nilai melalui pendekatan yang kreatif serta inovatif.

Melalui pelaksanaannya, NITRA menyediakan ruang pembelajaran yang bersifat kolaboratif dan merentas peringkat- melibatkan sekolah rendah, sekolah menengah, madrasah dan maktab rendah. Pendekatan ini bukan sahaja memperkaya pengalaman pembelajaran pelajar, malah membuka peluang kepada para guru untuk berkongsi amalan terbaik, memperluas perspektif pedagogi serta memperkukuh jaringan profesional.

Sebagai usaha mendokumentasikan dan menyebarluaskan impak projek ini, makalah NITRA diterbitkan secara dwitahunan dalam bentuk salinan keras dan elektronik. Makalah ini memuatkan hasil karya kreatif pelajar, refleksi guru, dan perkongsian pedagogi yang dapat menyokong pengajaran dan pembelajaran berasaskan nilai dan sastera tradisional. Edaran makalah ini telah melangkaui sempadan tempatan, dengan perkongsian di sekolah-sekolah di Singapura serta melalui jaringan profesional guru ke sekolah-sekolah di Malaysia dan Indonesia.

Pada tahun 2025, sempena edisi ke-5 NITRA, platform digital melalui Instagram (@projeknitra) telah dilancarkan seiring dengan perkembangan semasa. Inisiatif ini bertujuan memperluas jangkauan dan keterlibatan projek melalui medium yang lebih dekat dengan generasi masa kini, di samping menyebarkan nilai-nilai positif secara lebih meluas dan berterusan. Secara keseluruhannya, NITRA merupakan satu inisiatif perintis di Singapura dalam mengintegrasikan sastera tradisional, pembelajaran nilai dan kolaborasi merentas institusi secara sistematik serta berimpak tinggi.

2. OBJEKTIF PERKONGSIAN

Perkongsian ini bertujuan untuk menunjukkan bahawa usaha kolaboratif merentas peringkat institusi dapat dilaksanakan dengan jayanya melalui perancangan yang teliti, kepimpinan pedagogi yang berkesan dan kerjasama erat antara semua pihak berkepentingan. Dalam konteks ini, peranan ketua pedagogi amat signifikan sebagai pemacu utama yang menyelaras hala tuju, membina kepercayaan dan memastikan keselarasan antara matlamat projek dengan keperluan pendidikan semasa.

Selain itu, perkongsian ini juga bertujuan mengetengahkan manfaat yang diperoleh daripada pelaksanaan projek seperti NITRA, khususnya dalam memperluas peranan ketua pedagogi serta menyokong pembangunan profesional guru di peringkat nasional. Ia turut menjadi panduan praktikal tentang bagaimana sesuatu projek pendidikan boleh dibangunkan berasaskan dapatan kajian akademik, dengan mengambil kira kepelbagaian latar belakang guru, konteks institusi serta keperluan pelajar dalam landskap pendidikan yang dinamik.

3. KAJIAN LEPAS

Pelaksanaan projek NITRA berteraskan dapatan tesis PhD oleh Dr Nor Hanisah Saphari (2021), yang menunjukkan bahawa sastera tradisional sering menjadi pilihan guru dalam usaha menerapkan nilai dalam bilik darjah Bahasa Melayu. Hal ini menegaskan bahawa sastera kanak-kanak dan tradisional bukan sekadar bahan bacaan, tetapi berfungsi sebagai alat pedagogi yang efektif dalam membentuk watak, pemikiran dan keperibadian pelajar secara menyeluruh.

Di samping itu, projek ini turut berpaksikan teori pembelajaran kolaboratif yang berakar daripada pendekatan konstruktivisme. Antara tokoh utama yang menjadi rujukan ialah Lev Vygotsky, Jean Piaget dan John Dewey.

Vygotsky (1978) menekankan kepentingan interaksi sosial dalam perkembangan kognitif melalui konsep Zon Perkembangan Proksimal (ZPD), yang menunjukkan bahawa pembelajaran lebih berkesan apabila pelajar mendapat bimbingan dari mereka yang lebih berpengalaman.

Piaget (1972) pula menegaskan kepentingan pembelajaran aktif, yang memberi ruang kepada pelajar untuk membina pengetahuan melalui pengalaman sendiri, sambil mendapat manfaat daripada perbincangan dan pertukaran idea dengan rakan sebaya.

Dewey (1938) melihat pendidikan sebagai satu proses sosial yang menekankan pengalaman autentik, kerjasama dan penyelesaian masalah secara bersama.

Kesepaduan ketiga-tiga perspektif ini diterjemahkan dalam reka bentuk projek NITRA yang bersifat inklusif, kolaboratif dan kontekstual. Pendekatan ini membolehkan pelajar daripada pelbagai peringkat usia dan latar belakang belajar bersama-sama. Guru pula berperanan sebagai fasilitator yang membimbing, menyokong dan memperkaya pengalaman pembelajaran tersebut.

PERANAN KETUA PEDAGOGI

Ketua pedagogi sebagai pengerusi projek NITRA

Sebagai pengerusi, Ketua Pedagogi bukan sahaja mempengerusikan mesyuarat, malah berfungsi sebagai penggerak utama dalam menentukan hala tuju strategik projek NITRA. Ini termasuk menyelaras visi bersama antara institusi yang terlibat, menetapkan objektif yang jelas serta memastikan setiap program yang dirancang selaras dengan matlamat pembangunan pelajar. Mesyuarat yang dijalankan bukan sekadar platform penyampaian maklumat, tetapi ruang kolaboratif untuk bertukar idea, menyelesaikan masalah dan membuat keputusan secara kolektif.

Memastikan setiap anggota menjalankan peranan dengan berkesan

Ketua Pedagogi perlu memantau dan menyokong setiap ahli jawatankuasa sepanjang tempoh persiapan hingga pelaksanaan. Ini melibatkan pemantauan kemajuan tugasan, mengenal pasti cabaran lebih awal dan menyediakan intervensi yang sesuai. Dalam masa yang sama, budaya kerja yang menekankan kepercayaan, kemandirian dan keberanian membuat keputusan dalam kalangan ahli, perlu dipupuk. Ini membolehkan setiap individu berasa dihargai dan bertanggungjawab terhadap peranan masing-masing.

Menyediakan panduan, nasihat dan sokongan profesional

Dalam melaksanakan projek NITRA, Ketua Pedagogi bertindak sebagai mentor dan rujukan utama. Panduan yang jelas, perkongsian amalan terbaik dan contohan yang sesuai disediakan oleh ketua pedagogi khususnya dalam aspek pedagogi dan pengurusan acara. Sokongan ini penting bagi membantu ahli jawatankuasa membuat keputusan yang tepat dan menangani sebarang isu secara profesional serta berkesan.

Memberi autonomi kepada guru untuk berkreativiti

Setiap guru diberi ruang dan kepercayaan untuk merancang serta melaksanakan aktiviti atau persembahan NITRA berdasarkan kekuatan dan kreativiti pelajar masing-masing. Pendekatan ini menggalakkan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran. Walau bagaimanapun, Ketua Pedagogi memastikan terdapat saluran maklum balas yang terbuka agar guru boleh mendapatkan pandangan, sokongan atau penambahbaikan daripada pengerusi dan ahli jawatankuasa lain secara berterusan.

Mendapatkan sokongan dan pengiktirafan pihak pentadbir sekolah

Ketua Pedagogi berperanan sebagai penghubung antara jawatankuasa projek dan pihak pentadbir sekolah. Beliau memastikan bahawa pelaksanaan NITRA selaras dengan visi, misi dan nilai sekolah.

Selain itu, usaha ini perlu dilihat sebagai satu bentuk sumbangan profesional para guru yang memberi nilai tambah kepada kesejahteraan pelajar serta pembangunan sekolah secara keseluruhan. Pengiktirafan ini penting untuk meningkatkan motivasi dan komitmen para guru.

Mengurus dan memanfaatkan maklum balas untuk penambahbaikan

Selepas setiap acara NITRA, Ketua Pedagogi memastikan maklum balas dikumpulkan secara sistematik daripada peserta, guru dan pihak berkepentingan. Dapatan ini kemudiannya dibincangkan dalam mesyuarat pascaNITRA untuk mengenal pasti kekuatan, kelemahan dan ruang penambahbaikan. Pendekatan reflektif ini membolehkan projek NITRA berkembang secara berterusan dan kekal relevan.

Memimpin inovasi dan pembaharuan dalam NITRA

Ketua Pedagogi memainkan peranan penting dalam memacu inovasi dengan memperkenalkan pendekatan baharu seperti penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI). Penggunaan AI boleh dimanfaatkan untuk merangsang pemikiran kritis, kreativiti dan penyelesaian masalah dalam kalangan pelajar dalam suasana yang santai dan tidak menekan. Inisiatif ini bukan sahaja memperkaya pengalaman pembelajaran, malah memastikan NITRA kekal dinamik dan sejajar dengan perkembangan pendidikan semasa.

REFLEKSI

Sejak dimulakan pada 2021, daripada hanya 4 institusi sahaja yang mengambil bahagian, usaha untuk menyemai nilai murni dan memartabatkan sastera tradisional telah sedikit sebanyak menjadikan NITRA sebagai wadah bermakna untuk guru berkongsi minat, menyebar ilmu serta mengeratkan hubungan antara pelbagai pihak. Perkembangan ini jelas apabila semakin banyak institusi menunjukkan minat untuk turut serta sama ada sebagai peserta aktif mahupun pemerhati. Kini, NITRA dianggotai oleh 11 ahli jawatankuasa termasuk seorang Guru Pakar serta melibatkan 8 institusi pendidikan merangkumi sekolah rendah, sekolah menengah, madrasah dan maktab rendah. Kepelbagaian ini mencerminkan kekuatan jaringan profesional yang semakin kukuh dan inklusif.

Dalam kalangan guru yang mengambil bahagian, pelbagai kemahiran penting telah berjaya dipupuk. Antaranya, keupayaan merancang atur cara, mengurus bajet, mengimbangi masa antara latihan dan komitmen sekolah, serta membimbing pelajar secara berfokus. Projek ini bukan sahaja memberi manfaat kepada peserta secara langsung, malah turut membuka ruang kepada perkongsian pengalaman antara institusi. Persembahan dan aktiviti yang dijalankan menjadi medium pembelajaran bersama yang membolehkan guru memperoleh maklum balas secara langsung serta memahami pendekatan pedagogi yang pelbagai. Pendedahan ini memperkaya amalan pengajaran guru dan mendorong inovasi dalam bilik darjah.

Lebih penting lagi, penglibatan dalam pasukan pengajaran kolaboratif telah menyumbang kepada perkembangan profesional yang berterusan. Para guru berpeluang untuk belajar antara satu sama lain, berkongsi amalan terbaik dan memperoleh perspektif baharu dalam menangani cabaran pendidikan. Persekitaran yang menyokong ini menggalakkan proses refleksi kendiri, penerimaan maklum balas secara terbuka dan usaha berterusan untuk menambah baik strategi pengajaran. Ini selaras dengan aspirasi untuk melahirkan pendidik yang reflektif, responsif dan berdaya inovasi.

Namun demikian, cabaran utama yang dihadapi adalah dari segi pengurusan masa dan koordinasi antara guru daripada pelbagai institusi. Kekangan jadual menjadikan komunikasi secara bersemuka sukar dilaksanakan. Penggunaan platform dalam talian dijadikan sebagai medium utama perbincangan dan penyelarasan. Dalam konteks ini, kepercayaan terhadap setiap ahli untuk melaksanakan tanggungjawab masing-masing menjadi faktor penting, disertai dengan sokongan berterusan bagi memastikan kelancaran pelaksanaan projek.

Perubahan dan penambahbaikan yang diperkenalkan saban tahun membuktikan bahawa NITRA kekal relevan dan dinamik dalam memenuhi keperluan pembelajaran serta pembangunan profesional guru. Kejayaan dan impaknya semakin mendapat perhatian, bukan sahaja dalam kalangan pendidik tetapi juga pihak luar. Liputan oleh Berita Harian dan Berita Mediacorp pada tahun 2025 sempena acara NITRA ke-5 yang berlangsung di The POD, Perpustakaan Negara telah meningkatkan lagi visibiliti dan kredibiliti inisiatif ini.

Secara keseluruhannya, NITRA bukan sekadar sebuah projek atau acara tahunan, tetapi merupakan satu ekosistem pembelajaran yang memperkasakan guru dan pelajar secara holistik. Kejayaannya terletak pada semangat kolaboratif, kepercayaan bersama dan kesediaan untuk terus belajar dan berinovasi. Melangkah ke hadapan, kesinambungan NITRA bergantung kepada komitmen semua pihak untuk mengekalkan nilai-nilai ini sambil meneroka pendekatan baharu yang relevan dengan perkembangan pendidikan semasa. Dengan asas yang kukuh dan sokongan yang berterusan, NITRA berpotensi untuk terus berkembang sebagai model amalan terbaik dalam memartabatkan sastera dan memperkaya landskap pendidikan.

RUJUKAN

Dewey, J. (1938). Experience and Education. New York: Macmillan.

Hadijah Rahmat. (2006, Nov). Visi Arif Budiman: Peranan dan cabaran pengajaran sastera dalam pendidikan bahasa Melayu. Paper presented at PGBM Sembang Bahasa, Singapura.

Hadijah bte Rahmat. (2008). Membina Semula Rumah Budaya Melayu di Perkampungan Jagatraya - Visi Pendidikan Bahasa Melayu pada Tahap Selanjutnya. Jurnal e-Utama, Jilid 1. Diakses daripada http://mlc.alc.nie.edu.sg/docs/hadijah_rahmat.pdf

Hadijah Rahmat. (2006). Peranan dan perkembangan sastera kanak-kanak. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nor Hanisah Saphari, 2021, “Penerapan nilai melalui sastera kanak-kanak dalam kelas bahasa Melayu di sekolah rendah di Singapura, PhD thesis, National Institute of Education, Nanyang Technological University, Singapore.

Piaget, J. (1972). The Psychology of the Child. New York: Basic Books.

Vygotsky, L. S. (1978). Mind in Society: The Development of Higher Psychological Processes. Cambridge, MA: Harvard University Press.

POSTER PERBINCANGAN

NITRA: MEMBANGUN GURU MELALUI NILAI DALAM SASTERA

1 PENGENALAN

- NITRA ialah projek kolaboratif berasaskan dapatan tesis PhD (2021).
- Sastera digunakan sebagai alat pembentukan nilai dan sahsiah.





2 OBJEKTIF

- Kolaborasi merentas institusi
- Pembangunan profesional guru
- Integrasi nilai dalam PdP

3 TEORI

- Vygotsky – Interaksi sosial & ZPD
- Piaget – Pembelajaran aktif
- Dewey – Pembelajaran melalui pengalaman





4 KONSEP

- Penglibatan guru & pelajar
- Makalah, persembahan, media sosial

NOR HANISAH BTE SAPHARI
MAKTAB RENDAH CATHOLIC

POSTER PERBINCANGAN

PERANAN KETUA PEDAGOGI

1

Pemimpin Strategik

Menentukan hala tuju, visi dan matlamat projek NITRA agar selaras dengan pembangunan guru, murid dan sekolah.

2

Penyelaras dan Pengurus Pasukan

Memastikan setiap guru memahami peranan masing-masing, bekerjasama secara efektif dan melaksanakan tugas dengan terancang.

3

Mentor Profesional

Menyediakan panduan, nasihat dan sokongan berterusan bagi meningkatkan kompetensi pedagogi serta keyakinan guru.

4

Pemudah Cara Kreativiti

Memberi autonomi kepada guru untuk mencuba idea baharu, berinovasi dan mengembangkan potensi diri dalam pelaksanaan program.

5

Penghubung dengan Pentadbir

Mendapatkan sokongan, pengiktirafan dan sumber daripada pihak sekolah demi memperkukuh motivasi serta profesionalisme guru.

6

Pemimpin Reflektif

Mengurus maklum balas dan penilaian pasca-program untuk penambahbaikan berterusan serta peningkatan kualiti amalan guru.

7

Pemacu Inovasi Masa Hadapan

Memperkenalkan pembaharuan seperti penggunaan teknologi dan kecerdasan buatan (AI) supaya guru kekal relevan, progresif dan bersedia menghadapi perubahan pendidikan semasa.

POSTER PERBINCANGAN

DAPATAN & IMPAK PROJEK

1 PENCAPAIAN

- Keahlian dari 4 kepada 8 institusi pelbagai peringkat bagi menyatukan peserta pelbagai profil
- II ahli jawatankuasa menjayakan NITRA serta membangun diri secara profesional

2 IMPAK

- Menghasilkan pengalaman pembelajaran yang lebih interaktif dan bermakna
- Membentuk perspektif baharu dalam menerapkan nilai bagi memperkaya bahasa Melayu
- Membina kapasiti guru sebagai peneraju inovasi pendidikan

3 CABARAN

- Koordinasi dan komunikasi antara institusi.
- Guru datang daripada pelbagai institusi dengan cara kerja yang berbeza.
- Interaksi bersemuka terhad menyebabkan penyelarasan lebih mencabar.
- Kebergantungan kepada platform dalam talian memerlukan komunikasi yang jelas dan konsisten.
- Akauntabiliti dan komitmen ahli pasukan.
- Kejayaan projek bergantung pada kesediaan setiap ahli melaksanakan tugas masing-masing.
- Tahap kepercayaan antara ahli perlu dibina dan dikekalkan.
- Sokongan berterusan diperlukan bagi memastikan tugasan disiapkan dengan berkesan.

4 KESIMPULAN

Kolaborasi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

5 HALA TUJU SELANJUTNYA

- Membangunkan NITRA sebagai model amalan terbaik
- Mendokumentasikan kejayaan, impak dan pendekatan berkesan projek.
- Mengangkat NITRA sebagai rujukan inovasi pendidikan di peringkat lebih luas.



MEMBINA EKOSISTEM INKUIRI GURU MELALUI MAKMAL PEMBANGUNAN PROFESIONAL



Dr Mohamed Pitchay Gani Bin Mohamed Abdul Aziz
Guru Peneraju
Maktab Rendah St Andrew

SINOPSIS

Penulisan ini membincangkan anjakan paradigma dalam pembangunan profesionalisme ketua pedagogi melalui Program Penyerapan Bestari 2025 di Sarawak. Berteraskan konsep Makmal Pembangunan Profesional (Makmal PD), program ini mengubah peranan guru kanan daripada pemerhati pasif kepada penyelidik-pengamal yang aktif. Dengan mengintegrasikan teori Pembelajaran Gelung Ganda dan Agensi Guru, para peserta dibimbing menggunakan Kerangka Kerja 3-2-1 untuk menapis pemerhatian kualitatif daripada lawatan sekolah, universiti dan pengalaman sosiobudaya di Sarawak. Pendekatan berstruktur ini bertujuan mengelakkan "pedagogi pelancongan" dengan memastikan setiap dapatan diadaptasi secara kritikal ke dalam konteks kurikulum Bahasa Melayu di Singapura. Melalui fasa pramakmal, semasa, dan pascamakmal, ketua pedagogi berjaya membina ekosistem inkuiri yang dinamik, sekali gus memperkukuh identiti profesional guru kanan sebagai pemimpin pedagogi. Hasilnya, program ini bukan sekadar perkongsian ilmu, malah pemangkin kepada pembinaan Rangkaian Komuniti Pembelajaran (NLC) yang berimpak tinggi dan mampan. Dua projek utama yang terhasil daripada Makmal PD ini adalah intervensi proses bacaan bahasa Melayu di peringkat sekolah rendah dan menengah, serta memperkenalkan pedagogi kebudayaan di peringkat menengah dan maktab rendah khususnya dalam pengajaran dan pembelajaran peribahasa.

PENGENALAN

1. INISIATIF PROJEK

Pembangunan profesionalisme guru semakin mencabar kerana guru perlu dilengkapi dengan pedagogi yang berteraskan ilmu dan kemahiran yang dapat dihidupkan dalam sebuah bilik darjah. Pada masa yang sama, terdapat keperluan untuk memberikan tumpuan terhadap perancangan dan pelaksanaan ujian dan peperiksaan. Walaupun teknologi semakin pesat berkembang di dalam bilik darjah, kemampuannya masih terhad kepada imaginasi guru untuk menjadikan ia lebih bermakna kepada para pelajar. Di sini letaknya kepentingan pembangunan profesionalisme dalam membantu guru mengimbangi keperluan-keperluan tersebut agar dapat saling memanfaatkan pelajar dan profesionalisme guru itu sendiri. Dalam konteks peranan ketua pedagogi pula, mereka perlu memahami keperluan guru dan pelajar dalam usaha merangka pendekatan yang realistik berdasarkan kerangka kerja yang boleh memenuhi keperluan tersebut dengan pulangan yang memuaskan bagi semua pihak yang terlibat.

Premis ini menimbulkan keperluan untuk memastikan bahawa para ketua pedagogi dapat mengalami proses pembangunan profesional secara autentik agar mereka dapat membimbing guru untuk merealisasikan proses tersebut di sekolah masing-masing. Ini bermakna setiap peluang untuk para ketua pedagogi berkumpul perlu dimanfaatkan sepenuhnya untuk melengkapkan mereka dengan ilmu dan kemahiran yang terkini. Peluang seumpama ini timbul melalui **Program Penyerapan Bestari 2025** bagi guru kanan dan guru peneraju di Sarawak yang dikendalikan oleh Pusat Bahasa Melayu Singapura (MLCS) dan anjuran bersama Universiti Malaysia, Sarawak (Unimas). Program 7 hari ini menyediakan platform yang sangat sesuai untuk merealisasikan proses pembangunan profesional yang autentik dan bermakna secara berkesan. Melalui program ini, para ketua pedagogi terdedah kepada hala tuju dan pengalaman pendidikan di Sarawak. Sesi perkongsian dan kuliah di Unimas merangkumi isu-isu mengenai dasar pendidikan, pedagogi, teknologi dalam pendidikan, dan warisan serta bengkel kraf tangan tradisional Sarawak. Selain itu, penghayatan suasana pembelajaran dilakukan di sebuah sekolah rendah dan sekolah menengah melalui sesi pencerapan dan perkongsian bersama pengetua, ketua jabatan, guru kanan, guru dan kaunselor di sekolah-sekolah tersebut. Lawatan ke Kampung Kebudayaan Sarawak (*Sarawak Cultural Village*) pula menyediakan pengalaman autentik mengenai suasana, cara hidup, ritual dan kepercayaan, kebudayaan, serta perubahan dalam kehidupan masyarakat peribumi atau orang-orang asli di Sarawak.

Pengalaman sosiobudaya seumpama ini menyediakan pangkalan data pemerhatian kualitatif yang sangat kaya untuk dijadikan bahan yang bermakna dari segi pengajian perbandingan sosiologi pendidikan di Singapura dan Sarawak. Ia boleh membantu mengenal pasti perkara-perkara yang boleh menyumbang kepada usaha mengukuhkan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di Singapura. Namun demikian, terdapat beberapa **cabaran yang perlu difahami** dalam usaha menjadikan pengalaman sedemikian bermakna dan bermanfaat kerana merangka sebuah program penyerapan ke luar negara untuk para ketua pedagogi merupakan satu usaha yang berisiko

tinggi. Ia bukan hanya merancang sebuah program darmawisata tetapi membina sebuah makmal bagi pembangunan profesional. Ini bermakna bahawa tanpa reka bentuk pembelajaran yang disengajakan (*intentional learning design*), program seumpama ini berisiko terjerumus kepada "pedagogi pelancongan" yakni pengalaman yang menguja namun kurang mentransformasikan amalan. Keadaan ini bukan sahaja merugikan, malah menjejaskan pulangan pelaburan kepada penganjur, peserta dan lebih luas lagi kepada fraterniti pendidikan.

Justeru, fokus utama program ini adalah untuk menggerakkan para peserta daripada tahap pengamat pasif kepada pereka bentuk program yang aktif. Selain lakaran konseptual dan perancangan logistik dari aspek pentadbiran, aspek yang jauh lebih penting ialah pembinaan sebuah **Makmal Pembangunan Profesional** (Makmal PD) yang berstruktur yakni sebuah ekosistem pembelajaran yang disengajakan, dinamik dan kebertanggungjawaban tinggi. Makmal ini bukan sekadar ruang pemerhatian, tetapi ruang reka cipta dan pengujian. Peserta tidak hadir sebagai pelawat, sebaliknya sebagai pereka penyelesaian. Mereka membina, menguji dan memperhalusi penyelesaian autentik terhadap masalah sebenar yang wujud dalam konteks sistem pendidikan di negara sendiri.

2. OBJEKTIF PERKONGSIAN

Perkongsian ini bertujuan mendepankan kepentingan peranan Ketua Pedagogi dalam membangunkan sebuah program pembangunan profesional para guru kanan melalui pendekatan Makmal Pembangunan Profesional. Ia juga bertujuan membuktikan bahawa proses yang diperkenalkan adalah satu langkah strategik untuk memastikan program pembangunan profesional menghasilkan impak intelektual dan praktikal yang tinggi, serta memperkasakan kedudukan guru kanan sebagai pemimpin pedagogi yang berwibawa.

3. KAJIAN LEPAS

Konsep Makmal PD mula diperkenalkan oleh John Dewey pada tahun 1896. Idea penting yang ditekankan ialah sekolah seharusnya memainkan peranan lebih daripada hanya sebagai tempat belajar. Sekolah sepatutnya boleh dijadikan seperti sebuah "makmal" di mana guru dan penyelidik boleh melakukan eksperimen dengan teori-teori pedagogi terkini. Beliau ingin bergerak daripada sekolah sebagai sebuah "kilang" pendidikan yang mana guru sekadar menyampaikan kurikulum yang disediakan kepada sebuah model yang mana guru memainkan peranan sebagai penyelidik aktif di dalam bilik darjah masing-masing (Dewey, 1896). Konsep Dewey mendapat tempat di sekolah-sekolah pada zaman ini melalui usaha Linda Darling-Hammond dan Richard Elmore yang mengembangkan idea tersebut kepada pendekatan yang lebih rencam dan berteraskan protokol yang mengutamakan data.

Dalam hal ini, Elmore (2004) memberikan penekanan terhadap aspek struktur dalam proses pembelajaran. Beliau memperkenalkan konsep 'Pembelajaran secara Pusingan' *(Instructional Rounds)*

yakni merealisasikan gerakan yang sering berlaku di dalam sebuah makmal. Beliau menekankan bahawa usaha meningkatkan prestasi pelajar bukan terletak pada guru ataupun kurikulum tetapi pada hubungan antara guru, pelajar dan pengisian. Ini merupakan pertalian asas yang penting dalam pembelajaran. Darling-Hammond dan lain-lain (2017) pula memperkenalkan 7 elemen berikut untuk memastikan keberkesanan pembelajaran profesional agar setiap proses yang berlaku di dalam makmal tersebut dapat dipertanggungjawabkan:

1. Fokus kepada pengisian: Tidak generik tetapi spesifik kepada tumpuan subjek yang diajar.
2. Menggerakkan pembelajaran secara aktif: Guru terlibat dalam proses pembelajaran yang sama bukan sebagai pemerhati.
3. Menyokong usaha kolaboratif: Guru menyelesaikan masalah bersama.
4. Menggunakan model: Guru perlu lihat bagaimana cara seorang pakar menjalankan sesuatu proses agar dapat melihat bagaimana teori menjadi amalan.
5. Memberikan sokongan pakar: Terdapat kehadiran guru peneraju ataupun guru pakar di dalam makmal untuk membantu guru.
6. Memberikan lapor balik dan refleksi: Satu protokol pasca proses (debrief) perlu diadakan untuk membincangkan masalah atau kesilapan yang mungkin berlaku.
7. Usaha berterusan: Makmal PD harus menjadi komitmen yang berterusan jika ingin mendapatkan hasil yang diharapkan. Ia harus menjadi sebahagian daripada profesionalisme guru dan bukan bersifat musiman.

Konsep Makmal PD ternyata adalah suatu pendekatan yang teratur, berstruktur dan mempunyai sejarah yang lama dari segi evolusi dan konstruksi. Dalam konteks hari ini ia boleh dianggap sebagai unsur ketiga setelah teori dan amalan kerana ia menyatukan kedua-dua unsur tersebut. Malah, ia merupakan unsur penting dalam membangunkan agensi guru yang hanya boleh dicapai apabila guru dapat mengalami suasana ekologinya sendiri (Biesta dan lain-lain, 2015). Agensi ini tercetus apabila guru kanan diletakkan di dalam suasana “Makmal” di Sarawak. Ia membawa kepada peralihan peranan mereka daripada penerima pasif kurikulum sedia ada kepada penyelidik aktif yang menilai dan menyesuaikan data linguistik yang “hidup” (Dewey, 1904; Biesta dan lain-lain, 2015).

Makmal PD didasari oleh prinsip kognitif dalam teori Pembelajaran Gelung Ganda (*Double-Loop Learning*) (Argyris & Schön, 1974) dan kemampuan guru untuk bertindak melalui model Agensi Guru (Biesta dan lain-lain, 2015). Kedua-dua unsur ini dihubungkan oleh Kerangka Kerja 3-2-1 yang berkesan dalam memaksa guru untuk menapis pemerhatian mereka kepada sebuah format yang berstruktur yang membawa kepada inkuiri atau proses penyelidikan yang sistematik.

Umumnya terdapat dua jenis gelung pembelajaran. Argyris and Schön (1974) membezakan antara **Pembelajaran Satu Gelung dan Gelung Ganda.** Pembelajaran Satu Gelung merupakan cara menilai situasi dengan memikirkan jalan untuk menyelesaikannya sama ada dengan melihat alternatif ataupun menyesuaikannya tanpa menyelidik sebab yang sebenarnya menjadi punca kepada situasi yang timbul (misalnya, apabila pelajar gagal ujian, guru akan memberikan lebih banyak latihan).

Dalam Pembelajaran Gelung Ganda, situasi yang timbul dinilai dengan menyelidik semula proses asas serta mana-mana variabel yang mengawal proses tersebut (misalnya, guru akan selidik kertas ujian sekiranya ada kesilapan, ataupun tiada keselarasan antara keperluan kurikulum dan cara mereka diajar). Maka ia lebih sebenarnya mencari punca daripada mencari alternatif sebagai jalan penyelesaian. Dalam hal ini, Makmal PD menjadi tempat yang selamat untuk guru melakukan proses Gelung Ganda dengan melakukan refleksi terhadap pedagogi yang dipegang selama ini dan menjana pendekatan transformatif yang lebih berkesan.

Dari sudut agensi guru, Biesta dan lain-lain (2015) menyarankan **Model Agensi Ekologi** kerana mereka percaya bahawa agensi guru tidak hadir secara semula jadi tetapi dibentuk oleh interaksi antara tiga dimensi iaitu:

1. Iteratif (masa lalu): Latar belakang profesional guru dan nilai peribadi.
2. Penilaian praktikal (masa kini): Keadaan budaya, struktural dan material di sekolah mereka.
3. Projektif (masa depan): Aspirasi jangka pendek dan panjang mereka terhadap pendidikan.

Dalam hal ini, agensi guru memainkan peranan yang sangat penting kerana mereka adalah jentera yang menggerakkan Makmal PD. Sekiranya seorang guru merasakan bahawa mereka tidak mempunyai agensi untuk membuat perubahan, makmal tersebut tidak akan berkesan dan menjadi sebuah teori semata. Dalam pada itu Biesta dan lain-lain (2015) menekankan kepentingan kesekitaran yang membenarkan guru untuk mencuba sesuatu bahan atau kajian yang baharu sekiranya kita ingin menghasilkan guru yang dianggap sebagai penyelidik-pengamal.

Kerangka kerja 3-2-1 (Zygouris-Coe dan lain-lain, 2004) pula membantu guru berfikir sebagai seorang penyelidik-pengamal di dalam sebuah makmal. Mereka akan membuat refleksi mengenai:

- 3 Perkara baharu yang dipelajari melalui pengalaman program penyerapan ini yang boleh memperkaya amalan pengajaran, mengukuhkan kepimpinan sebagai seorang ketua pedagogi, dan memberi pencerahan tentang peranan guru Bahasa Melayu dalam konteks pendidikan masa kini.
- 2 Perkara yang mencabar atau soalan kritikal dan cara menangani cabaran tersebut supaya manfaat program dapat dimaksimumkan.
- 1 Perkara yang paling bermakna yang memberi impak kepada identiti dan peranan sebagai seorang ketua pedagogi. Ia merujuk kepada tindakan yang boleh direalisasikan melalui agensi guru.

Kerangka ini membantu guru untuk memikirkan semula perkara yang diperhatikan dan membuat penilaian yang lebih mendalam. Ia juga memudahkan guru menapis data pemerhatian dan memberikan tumpuan kepada data yang lebih utama. Selain itu, ia mengurangkan beban kerja berdasarkan tindakan yang perlu diambil dengan menjadikan idea yang besar kepada suatu eksperimen yang lebih konkrit dan terkawal. Akhir sekali, ia boleh menjadi data dan bahan rujukan yang paling berharga dalam membuat kajian.

Gabungan teori dan pendekatan yang dibincangkan menghasilkan sebuah kerangka kerja yang kukuh. Di dalam Makmal PD, Pembelajaran Gelung Ganda menyediakan mekanisme kognitif untuk mengenal pasti perubahan yang diperlukan melalui refleksi yang mendalam. Sementara Agensi Guru menyediakan kuasa profesional untuk bertindak dan berubah. Tanpa agensi, guru tidak akan sedar bahawa apa yang mereka tanggapi selama ini mungkin satu kesilapan dan boleh berasa tertekan kerana tidak mempunyai kuasa untuk merubah struktur yang tegar di sekolah mereka. Dengan adanya Makmal PD dan menggunakan proses inkuiri berteraskan kerangka kerja 3-2-1, guru dapat mengenal pasti masalah, menggunakan Pembelajaran Gelung Ganda untuk meninjau sama ada falsafah pendidikan mereka menyumbang kepada masalah, dan menggerakkan agensi mereka untuk melakarkan intervensi baharu. Peranan guru bukan lagi setakat mengajar tetapi seorang yang “menyelidik apa yang diajar” demi mencapai hasil pembelajaran yang lebih baik. Kesimpulannya, Makmal PD bukan hanya sebuah tempat untuk guru mempelajari kemahiran baharu tetapi ia membuka ruang untuk menilai semula identiti profesional mereka sebagai pendidik.

PERANAN KETUA PEDAGOGI

Peranan Ketua Pedagogi sangat penting dalam **menentukan arah tuju inisiatif** ini. Ia merupakan satu usaha yang agak mencabar tetapi sangat bermakna kerana para peserta program ini terdiri daripada para guru kanan yang berpengalaman, mempunyai kemampuan, kecekapan, dan aspirasi yang berbeza. Ketua Pedagogi juga perlu menepati objektif program ini iaitu:

1. meningkatkan pengetahuan guru tentang sistem pendidikan di Sarawak serta memperluas pemahaman terhadap kepelbagaian warisan budaya dan gaya hidup masyarakat setempat;
2. menimba pengalaman secara langsung dan mengaplikasikan ilmu yang diraih ke dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah; dan
3. membina jaringan kerjasama dengan para pendidik di UNIMAS dan institusi pendidikan di Sarawak.

Dalam hal ini, guru peneraju selaku Ketua Pedagogi, bekerja rapat dengan Guru Pakar yang merupakan perancang dan ketua rombongan Singapura ke Sarawak dapat memastikan pelaksanaan pembangunan profesionalisme para guru kanan dalam membuat pemerhatian, kajian, refleksi dan aplikasi yang bermakna.

Selain memahami objektif, Ketua Pedagogi juga perlu **memahami latar belakang para peserta** secara umum untuk memahami budaya kerja dan juga kemampuan masing-masing dalam konteks pembelajaran berdasarkan pengalaman autentik serta sejauh mana mereka terbuka kepada aspek melakukan penyelidikan. Perkara ini penting kerana tidak semua guru terdedah kepada disiplin sedemikian dan mereka boleh merasa tertekan dan kurang selesa. Namun demikian, mereka mempunyai pengalaman autentik yang boleh dimanfaatkan bersama. Satu lagi aspek yang ditinjau ialah perwatakan mereka apabila menjalankan tanggungjawab yang diberikan dan juga keyakinan untuk menyuarakan pandangan mereka secara terbuka. Pertimbangan ini penting kerana mereka

akan bekerja secara berkumpulan dan perlu menyumbang secara proaktif.

Pemerhatian dan penilaian awal tersebut adalah penting kerana ia **menentukan kerangka kerja yang sesuai digunakan** untuk program ini dari segi memenuhi tuntutan kajian dan amalan para peserta. Ia juga perlu didasari oleh teori dan pendekatan yang kukuh. Di sini Ketua Pedagogi memilih untuk menggunakan pendekatan Makmal PD kerana ia mempunyai ciri-ciri yang sesuai dengan keperluan program khususnya dalam aspek menimba pengalaman secara langsung dan mengaplikasikan ilmu yang diraih ke dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Program penyerapan ini menyediakan platform terbaik untuk memasukkan semua peserta di dalam sebuah Makmal PD kerana program itu secara semula jadi mempunyai perancangan yang teratur dan berstruktur yang memastikan adanya proses mengalami, memerhati, menilai, dan merefleksi setiap kegiatan yang berlaku sepanjang hari. Malah, pada malam hari pula, para peserta akan berkumpul di dalam kumpulan masing-masing untuk melakukan perbincangan pascakegiatan pada hari tersebut serta perancangan selanjutnya untuk esok hari. Makmal PD juga menyediakan suasana yang selamat untuk semua peserta menyuarakan pandangan dan berinteraksi berteraskan fakta dan pengalaman yang dilalui bersama.

Ketua Pedagogi bertanggungjawab dalam **mengimplementasi dan memimpin Makmal PD** dengan memperkenalkan prosesnya kepada para peserta. Terdapat 3 fasa dalam Makmal PD iaitu pramakmal, semasa Makmal, dan pascamakmal. Setiap hari sebelum kegiatan Makmal PD dimulakan, Ketua Pedagogi akan berbincang dengan Guru Pakar mengenai objektif dan strategi yang wajar diterapkan pada hari tersebut. Arah tuju penyelidikan yang akan dilakukan akan mengambil kira kegiatan yang bakal dialami oleh para peserta, perkara yang harus diberikan tumpuan dan cara mendapatkan data atau maklumat dengan lebih tepat berdasarkan suasana yang diteroka. Setelah selesai perbincangan, para peserta akan diberikan taklimat ringkas mengenai kegiatan yang akan dilalui pada hari tersebut.

Kegiatan Pramakmal dimulakan dengan menentukan skop dan fokus bagi sesi hari tersebut berdasarkan kerangka kerja 3-2-1. Sekiranya ini adalah hari kedua, maka peserta akan menilai semua kegiatan hari sebelumnya menggunakan kerangka yang sama. Lazimnya, para peserta perlu mengenal pasti 3 proses pembelajaran, kesekitaran ataupun kebudayaan yang spesifik di Sarawak. Berikut merupakan satu idea spesifik yang lahir daripada pemerhatian salah seorang guru kanan:

> *"Satu idea yang menarik perhatian saya semasa lawatan ke sekolah adalah 'Program Interaktif Kemahiran Bahasa Melayu'. Tujuan program ini dilaksanakan adalah untuk mengukuhkan kemahiran bertutur di kalangan pelajar dalam suasana yang menyeronokkan. Program ini diserapkan dalam kokurikulum secara santai, mengikut garis pandu yang diberikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan dijalankan pada sepuluh minit pertama. Kemahiran bertutur merupakan salah satu aspek kemahiran yang perlu dikuasai oleh pelajar. Saya dapat menyaksikan sendiri bagaimana pembacaan pantun dijalankan dalam aktiviti kokurikulum. Para pelajar begitu bersemangat untuk membaca pantun dengan sebutan yang jelas dan intonasi yang sesuai. Semasa perhimpunan bulanan pula, setiap unit akan berkongsi dan menunjukkan kepada guru dan pelajar yang lain bagaimana program ini dilaksanakan dalam aktiviti kokurikulum mereka. Oleh itu, program ini dapat menambah dan membina keyakinan diri pelajar-pelajar bertutur dalam Bahasa Melayu."*
>
> *(Contoh 1 - Pemerhatian Spesifik)*

Saya teruja mendengar tentang bagaimana Encik Chuah berkongsi dan mengaitkan taksonomi Bloom 'terbalik' dengan perubahan landskap pendidikan yang berlaku dalam kalangan pelajar-pelajar pada masa kini. Mereka lebih ke arah penghasilan (creation) dan akhirnya mereka tidak dapat menggarap ilmu tersebut dengan berkesan atau mengaplikasikan dalam konteks yang berbeza. Apabila seseorang guru ingin menghasilkan tugasan, kita perlu meneliti dan peka tentang profil pelajar pada masa kini dan memastikan bahawa tugasan yang kita ingin pelajar hasilkan lebih memberatkan tentang pengukuhan dan pemahaman konsep daripada sekadar penghasilan tugasan.

(Contoh 2 - Pemerhatian Spesifik)

Lawatan ke SCV [Sarawak Cultural Village] menyedarkan saya tentang kepentingan penerapan budaya dalam membentuk sahsiah individu. Hal ini jelas terlihat sepanjang lawatan kami ke Sarawak, bukan sahaja di SCV, di mana budaya telah memainkan peranan yang halus tetapi berpengaruh dalam membentuk jati diri dan peribadi. Justeru, aspek budaya perlu diterapkan secara konsisten dalam bilik darjah. Bukan sahaja untuk tujuan kelestarian warisan, tetapi juga bagi membentuk pemikiran serta memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar, khususnya pada saat nilai tersebut semakin terhakis.

(Contoh 3 - Pemerhatian Spesifik)

Sesi amali membuat manik benar-benar memaksa saya keluar dari zon keselesaan saya kerana saya memaksa diri untuk melakukan satu kegiatan yang benar-benar "mendera" kesabaran saya. Namun, ia ternyata berbaloi kerana saya berjaya menghasilkannya mengikut kekreatifan yang sewajarnya. Yang lebih penting ialah saya belajar tentang asal pemilihan warna bagi manik dan simbol di sebaliknya. Bayangkan jika pendekatan seumpama ini dapat dibawa ke bilik darjah dalam menghidupkan semangat pelajar terhadap bahasa Melayu melalui kekayaan budaya kita? Tentu bermakna dan lebih menarik!

(Contoh 4 - Pemerhatian Spesifik)

Kegiatan Semasa Makmal pula merujuk kepada usaha kolaboratif di mana berlakunya perkongsian dua soalan kritikal mengenai dengan cabaran yang dihadapi untuk mengenal pasti idea yang wajar diberikan fokus setelah para peserta melengkapi kegiatan dan berkumpul untuk membincangkan pemerhatian dan dapatan pada hari tersebut. Kegiatan ini bermula dengan Ketua Pedagogi memberikan hala tuju dan fokus perbincangan. Di sini bermulanya proses Pembelajaran Gelung Ganda yang bersifat inkuiri kerana akan terdapat pelbagai pengalaman, pandangan dan andaian yang mempengaruhi dan mencorak usaha mendalami lagi satu-satu idea ataupun dapatan yang berpotensi dijadikan bahan kajian lanjutan. Antaranya adalah untuk menghasilkan dua inkuiri yang mempersoalkan mengapakah amalan tertentu sangat berkesan dan bagaimana ia berbeza dengan landskap pedagogi Singapura. Fasa ini sangat penting dan perlu dilakukan secara teliti dan penuh komitmen. Di sini juga dapat dilihat tahap profesionalisme dalam diri para peserta. Berikut merupakan satu proses inkuiri yang dicernakan di dalam perbincangan kumpulan oleh salah seorang guru kanan:

“SMK [Sekolah Menengah Kebangsaan] Padungan menjalankan kelas peralihan bagi pelajar-pelajar yang prestasi BM amat lemah berdasarkan ujian diagnostik sewaktu kemasukan ke sekolah menengah. Kebanyakan pelajar ini bukanlah penutur jati (berbangsa Cina; bahasa ibunda Mandarin). Dalam kelas peralihan ini, mereka fokuskan pada kemahiran membaca dan binaan ayat sahaja, meskipun mereka akur walaupun nantinya pelajar mampu baca, mereka tetap tak faham inti bacaan tersebut. Ini membuatkan saya terfikir tentang bentuk dan bahan sokongan yang seharusnya kita jalankan untuk pelajar Menengah 1. Sering kita dengar adanya program sokongan untuk BI dan Matematik di sekolah rendah dan menengah (LSP/LSM/FIP/FMP) di SG tetapi ia bukan suatu keutamaan untuk bahasa ibunda.”

(Contoh 1 - Wacana Inkuiri)

“Program interaksi kemahiran bahasa Melayu seperti yang dilaksanakan di Sarawak boleh diadaptasi di Singapura dengan mengambil kira profil dan keperluan pelajar. Bermula daripada peringkat Darjah 1, program ini boleh diselaraskan dengan kurikulum baharu CITA yang menekankan pembelajaran bahasa secara komunikatif dan kreatif. Melalui pendekatan ini, pelajar dapat membina asas yang kukuh dalam penggunaan bahasa Melayu secara lisan sejak awal lagi. Kejayaan pelaksanaan program ini juga memerlukan kerjasama erat antara guru-guru yang sehaluan (like-minded), di mana kami boleh berkongsi idea, merancang aktiviti interaktif, serta menyuntik nilai keseronokan dalam pembelajaran. Dengan adanya semangat kolaborasi ini, program ringkas tetapi konsisten ini dapat memperkaya pengalaman pembelajaran pelajar.”

(Contoh 2 - Wacana Inkuiri)

“Perkara yang mencabar bagi saya ialah bagaimana kita perlu menilai kembali keberkesanan sesuatu wadah AI untuk menyokong pengajaran dan bukan sekadar menggunakan AI untuk meningkatkan minat atau untuk menggantikan tugas guru. Ini hanya akan menimbulkan kemungkinan AI membantutkan pendidikan bahasa pada jangka masa yang panjang. Oleh itu, pada pendapat saya, ini dapat ditangani dengan kita teliti kembali penguasaan guru dari sudut ‘content knowledge’ (CK) dan ‘pedagogical knowledge’ (PCK). CK dan PCK merupakan asas yang penting yang harus dikuasai oleh setiap guru dahulu sebelum kita menyisipkan ‘technological pedagogical content’ (TPACK) dalam menyokong pengajaran di dalam bilik darjah.”

(Contoh 3 - Wacana Inkuiri)

“PdP Bahasa Melayu di dalam bilik darjah mungkin akan menjadi lebih berkesan jika ada perancangan yang teliti yang dapat menyisipkan masa 10 minit setiap hari untuk pendedahan budaya. Guru juga memainkan peranan yang besar dalam menyediakan ruang dan peluang untuk pelajar menggunakan bahasa Melayu dalam keadaan yang lebih autentik/santai, atas tujuan utama agar pelajar seronok belajar BM dan juga ada rasa pemilikan terhadap pembelajaran BM apabila diberi peluang untuk mengaplikasikan BM.”

(Contoh 4 - Wacana Inkuiri)

“Salah satu cabaran yang saya jangkakan apabila berkongsi perkara ini dengan rakan-rakan sejabatan ialah mendapatkan ‘buy-in’ daripada guru, kerana ada yang mungkin ragu-ragu untuk bergantung pada alat AI seperti Snorkl bagi pertuturan. Kebimbangan mungkin timbul tentang keberkesanan, ketepatan atau penambahan beban kerja. Untuk mengatasinya, saya perlu menunjukkan dengan jelas nilainya; bagaimana maklum balas peribadi secara masa nyata dapat memperkukuh penaksiran formatif dan memberi manfaat langsung kepada pembelajaran pelajar serta meyakinkan rakan-rakan bahawa ia berperanan melengkapi, dan bukan menggantikan pertimbangan profesional mereka.

(Contoh 5 - Wacana Inkuiri)

Setelah selesai perbincangan, ketua bagi setiap kumpulan akan merakamkan satu dapatan yang dipersetujui dan membuat penyampaian secara terbuka agar dapat dinilai oleh kumpulan lain. Mendapatkan lapor balik selanjutnya daripada kumpulan-kumpulan lain adalah penting agar dapat membantu memperbaiki atau mengukuhkan idea atau tindakan yang wajar diteroka selanjutnya. Proses Makmal PD setakat ini didapati berkesan dalam menghasilkan idea-idea untuk tindakan selanjutnya bersangkutan dengan pedagogi konkrit dalam menyesuaikan amalan kebudayaan dan pendidikan di Sarawak untuk meningkatkan pembelajaran autentik bahasa Melayu di dalam bilik darjah di Singapura. Selain itu, ia juga memperkaya lagi pengalaman semua guru yang terlibat kerana dapat mendengar pandangan dan pengalaman daripada lensa penyelidik yang berbeza-beza bagi kegiatan yang sama.

Kegiatan Pascamakmal menyusuli proses di atas di mana setiap peserta akan membuat refleksi yang dikongsikan di platform Padlet. Perkongsian tersebut dapat dimanfaatkan bersama dan menjadi bahan dokumentasi untuk tindakan selanjutnya oleh setiap kumpulan. Berikut merupakan perkongsian oleh seorang guru kanan mengenai dengan projek yang ingin diteroka berdasarkan inkuiri yang dijalankan:

“Apa yang paling terkesan bagi saya ialah program intervensi yang dilaksanakan seawal Tahun 1 untuk meningkatkan kemahiran membaca, menulis & mengira. Pelajar-pelajar yang lemah dikenal pasti melalui pelaksanaan program intervensi di peringkat-peringkat yang berbeza. Tambahan lagi, saya kagum dengan Program Interaksi Kemahiran Bahasa Melayu yang disisipkan selama 10 minit semasa kegiatan kokurikulum yang diadakan seminggu sekali. Saya dan rakan-rakan seperjuangan ingin mengadaptasikan program sisipan 10 minit untuk meningkatkan kemahiran bertutur dalam kalangan pelajar sejak seawal Darjah 1. Objektif kami adalah untuk menyediakan ruang dan peluang/platform untuk mengaplikasikan apa (contoh – kosa kata) yang dipelajari (berdasarkan Cita). Cabaran yang bakal/mungkin saya hadapi adalah untuk menggembleng tenaga padu guru-guru kanan untuk sama-sama membina bahan-bahan yang dapat menyokong pembelajaran pelajar, khususnya dari segi membantu pelajar untuk menguasai kemahiran bertutur.

(Contoh 1 - Refleksi Proses Inkuiri)

“Perkara yang mencabar bagi saya hari ini adalah apabila kita cuba selarikan apa yang telah kita raih daripada lawatan dan adaptasikan ke dalam konteks pendidikan Bahasa Melayu di Singapura tanpa menjejas dasar mahupun prinsip yang telah dilakarkan oleh CPDD apabila mereka melakarkan kurikulum bagi peringkat sekolah rendah. Ini telah diatasi melalui perbincangan dengan teman sekumpulan yang diteruskan selepas sesi refleksi dijalankan. Ini menunjukkan bahawa sesi refleksi tersebut telah berjaya menyuntik perbincangan lanjut dan lebih mendalam bagi melontarkan kemungkinan-kemungkinan bagaimana ilmu yang diraih itu dapat diselarikan.

(Contoh 2 - Refleksi Proses Inkuiri)

“Secara keseluruhan, lawatan ke Sarawak ini bukan sahaja membuka ruang untuk memahami sistem pendidikan Malaysia, tetapi juga memperkaya perspektif tentang usaha pemerkasaan Bahasa Melayu dan pendidikan yang holistik. Ia mengingatkan kita bahawa kejayaan pendidikan tidak hanya bergantung kepada infrastruktur atau teknologi, tetapi juga pada nilai, budaya, pendekatan berfokus pelajar, dan keprihatinan terhadap kesejahteraan guru serta pelajar. Dengan semangat reflektif dan kolaboratif, banyak inisiatif yang boleh diadaptasikan dan disesuaikan dengan konteks pendidikan Singapura demi membangunkan generasi pelajar yang berilmu, bersahsiah, dan berbudaya.

(Contoh 3 - Refleksi Proses Inkuiri)

Dalam konteks Singapura, sekolah perlu memainkan peranan yang lebih utama dalam membangunkan alam Melayu dalam diri pelajar sama ada melalui aktiviti kebudayaan mahupun dalam PdP. Singapura tidak mampu menghasilkan prasarana yang mega seperti SCV [Sarawak Cultural Village] namun ia masih mampu memanfaatkan sistem pendidikan bahasa Ibunda untuk tujuan ini. Maka pendekatan pedagogi berteraskan budaya wajar diterokai, dibangunkan dan dikembangkan.

(Contoh 4 - Refleksi Proses Inkuiri)

Proses makmal ini dilakukan setiap hari sepanjang program penyerapan bagi memastikan adanya kesinambungan sistem, struktur pemerhatian dan penyelidikan yang ketat serta terpimpin. Setelah meneliti refleksi dan perbincangan yang mendalam daripada para peserta, Ketua Pedagogi **mengenal pasti bidang-bidang penting** yang boleh diteroka bersama iaitu: intervensi dalam pendidikan, pedagogi kebudayaan, dan amalan terbaik. Saranan ini diteroka bersama Guru Pakar dan kemudiannya disarankan kepada para peserta. Mereka bersetuju untuk memberi tumpuan kepada intervensi dalam proses bacaan bahasa Melayu di peringkat sekolah rendah dan menengah. Selain itu, para peserta juga akan memperkenalkan pedagogi kebudayaan di peringkat menengah dan maktab rendah khususnya dalam pengajaran dan pembelajaran peribahasa. Proses ini akan dilakukan melalui kajian dan penghasilan model yang kemudiannya akan diuji. Selepas itu, ia boleh dijadikan bahan untuk bengkel atau kursus bagi guru-guru. Ini secara tidak langsung menghasilkan sebuah Rangkaian Komuniti Pembelajaran (NLC) bagi setiap guru yang terlibat dan **memastikan kemampanan projek** tersebut. Proses ini mengukuhkan peranan Ketua Pedagogi dengan membuka lebih banyak ruang dan peluang bagi para guru kanan untuk membina kemahiran yang lebih konkrit dan intelektual melalui pendekatan penyelidikan dan pengaplikasian.

REFLEKSI

Merancang inkuiri atau aspek penyelidikan bagi Program penyerapan ini **sangat memuaskan** kerana ia membuka ruang kepada penghayatan pelbagai teori dan pendekatan dalam pembangunan profesionalisme guru. Penghayatan yang rapi sangat penting kerana pembangunan profesional guru adalah suatu kontinuum. Maka perlu dikenal pasti kedudukan para peserta dalam kontinuum tersebut dari segi latar belakang, kecekapan dan keperluan mereka agar ia menepati objektif program yang dilakarkan. Pemerhatian sedemikian membawa kepada penghasilan kerangka kerja Makmal PD yang berimpak tinggi. Setiap objektif mampu dipenuhi kerana kerangka kerja ini sebenarnya dibentuk berpandukan objektif yang dilakarkan dan didasari teori dan pendekatan yang kukuh.

Proses Makmal PD ternyata **menambah nilai** pembangunan profesional setiap peserta dengan terhasilnya sebuah **ekosistem inkuiri yang proaktif**. Bagi Guru Peneraju dan Guru Pakar, ia merupakan proses konkrit yang melahirkan kesekitaran inkuiri yang proaktif dan reflektif sesuai dengan tahap profesionalisme para peserta. Bagi Guru Kanan pula, ia merupakan panduan sistematik dalam membantu mereka mengenal pasti, memproses, dan menjadikan idea mereka satu bahan perbincangan yang bermakna. Dalam masa yang sama, ia membentuk keyakinan dalam diri peserta dan kemampuan untuk mempersoalkan dan mempertahankan hujahan masing-masing. Proses ini ternyata berjaya membantu merealisasikan amalan terbaik di Sarawak untuk disesuaikan di Singapura dalam usaha menyumbang kepada proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah dan fraterniti pendidikan.

Pengalaman di Sarawak memberikan **perspektif kritikal** tentang peranan guru Bahasa Melayu yang semakin mencabar di Singapura. Di tengah-tengah arus media sosial yang cenderung kepada nilai materialistik, guru bertindak sebagai benteng yang menanam empati dan nilai kemanusiaan. Maka, penciptaan senario yang mesra konteks di dalam bilik darjah menjadi kunci utama untuk merangsang minat pelajar dan merapatkan jurang antara mereka dengan akar budaya sendiri. Di sini timbulnya kepentingan program penyerapan ini dalam mengkontekstualisasikan budaya agar dapat dibawa ke dalam bilik darjah di Singapura berdasarkan pengamatan terhadap kekayaan dan kerencaman sosiobudaya dan sosiologi pendidikan di Sarawak.

Kelancaran program ini mencerminkan **profesionalisme tinggi** para peserta serta **perancangan terperinci** pihak MLCS. Keadaan ini membolehkan pemerhatian mendalam dilakukan bagi merumuskan proses susulan yang akan dikembangkan oleh para guru kanan dalam kumpulan masing-masing di Singapura. Keseronokan dan kepuasan peserta sepanjang program berlangsung membuktikan bahawa kualiti dan tanggungjawab boleh berjalan seiring dalam suasana yang positif.

Akhir sekali, program ini **menyerlahkan potensi besar** yang dimiliki oleh barisan pemimpin pedagogi. Terdapat keperluan yang jelas untuk bimbingan profesional bagi memperkukuh peranan mereka agar gelaran yang dipegang benar-benar membawa prestij dan makna. Melalui interaksi, nasihat, dan perkongsian potensi secara jujur, semua yang terlibat mendapat satu pengalaman mengikuti program penyerapan yang unik dan penuh manfaat serta mengukuhkan lagi tekad untuk terus menyumbang dan belajar demi kemajuan fraterniti pendidikan Bahasa Melayu.

Yang jelas, Makmal PD membantu guru mengenali siapakah diri mereka yang sebenar dan peranan yang dimainkan di dalam dunia perguruan bahasa Ibunda. Nukilan berikut merupakan luahan ikhlas para guru kanan:

> *"Saya semakin sedar bahawa alat bantu dan bahan yang mahal dan canggih tidak semestinya menghasilkan keputusan atau hasil pembelajaran yang elok dan bermutu. Namun persekitaran yang merangsang motivasi pembelajaran pula mampu mencipta keseronokan dan membentuk sifat dan sikap positif terhadap pembelajaran. Anak didik tetap akan memberi respons yang menggalakkan jikalau pendekatan yang diambil menepati keperluan. Teknologi bukan sekadar digunakan tetapi dimanfaatkan untuk tujuan menghasilkan pembelajaran yang berkesan. Maka saya sendiri perlu sentiasa sedar untuk memenuhi keperluan tersebut dan tidak lupa akan tanggungjawab asas pendidikan iaitu untuk membina sahsiah pelajar. Perkembangan pelajar dari segi kognitif perlu diimbangi dengan ciri empati dan perlakuannya secara fizikal. Kesinambungan secara holistik mampu membangun sebuah masyarakat yang juga lebih berilmu dan dapat pula menyumbang kepada masyarakat. Inilah visi Arif Budiman."*
>
> *(Rumusan Kesedaran Peribadi 1)*

> *"Guru tidak seharusnya berpuas hati dengan ilmu yang telah dimiliki. Sebaliknya, guru perlu sentiasa memperkasakan diri dengan meningkatkan kemahiran dan menimba pengetahuan baharu. Keberanian untuk mengubah amalan pengajaran mengikut perkembangan semasa amat penting agar kita kekal relevan dan berkesan. Sebagai role model [suri teladan], sikap guru akan menjadi teladan kepada pelajar. Jika guru menunjukkan semangat untuk belajar dan berubah, pelajar juga akan terdorong untuk mencontohi sikap tersebut."*
>
> *(Rumusan Kesedaran Peribadi 2)*

RUJUKAN

Argyris, C., & Schön, D. A. (1974). T*heory in practice: Increasing professional effectiveness*. Jossey-Bass Publishers.

Biesta, G., Priestley, M., & Robinson, S. (2015). The role of beliefs in teacher agency. *Teachers and Teaching,* 21(6), 624–640.

Darling-Hammond, L., Hyler, M. E., & Gardner, M. (2017). *Effective Professional Development.* Palo Alto, CA: Learning Policy Institute.

Dewey, J. (1896). The University School. *University Record*, 1(32), 417-422.

Elmore, R. F. (2004). *School Reform from the Inside Out: Policy, Practice, and Performance*. Cambridge, MA: Harvard Education Press.

Zygouris-Coe, V., Wiggins, M. B., & Smith, L. H. (2004). Engaging minds with text: The 3-2-1 strategy. *The Reading Teacher,* 58(4), 381–384.

POSTER PERBINCANGAN



Membina Ekosistem Inkuiri Makmal PD

PERBINCANGAN

Rasional

- Program pembangunan profesional perlu menghasilkan impak intelektual dan praktikal yang tinggi, serta memperkasakan kedudukan Guru Kanan sebagai pemimpin pedagogi berwibawa.

Tujuan

- Mendepankan kepentingan peranan Ketua Pedagogi dalam mengemudi pembangunan profesional para Guru Kanan melalui pendekatan Makmal Pembangunan Profesional (PD).
- Menunjukkan bagaimana Makmal PD ini mendedahkan kecekapan, kemahiran dan potensi Guru Kanan dalam bidang masing-masing.

Makmal PD

- Sekolah sepatutnya menjadi sebuah "makmal" di mana guru dan penyelidik boleh melakukan eksperimen dengan teori-teori pedagogi terkini.
- Sekolah harus diubah daripada sebuah "kilang" pendidikan kepada sebuah model guru sebagai penyelidik aktif.

Teori dan Pendekatan

- Sinergi antara Pembelajaran Gelung Ganda, Agensi Guru, dan Kerangka Kerja 3-2-1 dalam transformasi identiti pendidik.
- **Proses inkuiri 3-2-1** mendorong guru mengenal pasti isu secara sistematik.
- **Pembelajaran Gelung Ganda** menyediakan mekanisme kognitif untuk mencabar dan merombak falsafah pendidikan yang mungkin menjadi punca masalah.
- **Agensi Guru** memberikan autonomi profesional kepada pendidik untuk melakar intervensi inovatif melangkaui sempadan kurikulum standard yang tegar.







Dr Mohamed Pitchay Gani Bin Mohamed Abdul Aziz
Maktab Rendah St Andrew

POSTER PERBINCANGAN



Program Penyerapan Bestari 2025 untuk Guru Kanan & Guru Peneraju di Serawak anjuran MLCS & UNIMAS

Membina Ekosistem Inkuiri Makmal PD

PEKAN PEKAN

Tentukan Arah Program

- Selaras dengan objektif strategik.
- Pastikan pemerkasaan kapasiti Guru Kanan.

Fahami Profil Peserta

- Aset budaya kerja, pengalaman autentik dan kepakaran silang.
- Perawakan dan profesionalisme guru.

Lakar Kerangka Kerja

- Merapatkan jurang antara akademik dan praktikal.
- Memudahkan proses inkuiri.
- Menyediakan suasana yang selamat untuk interaksi terbuka.

Laksanakan Makmal PD

- Berbincang tentang objektif dan strategi.
- **Fasa Pramakmal:** Menentukan skop dan fokus. Peserta senaraikan **3 pemerhatian** yang bermakna.
- **Fasa Semasa Makmal:** Memberikan hala tuju dan fokus bagi analisis **2 soalan kritikal** - Pembelajaran Gelung Ganda.
- **Fasa Pascamakmal:** Integrasi **1 pedagogi konkrit** dengan adaptasi pendekatan yang dianalisis.

Pastikan Kemampanan Projek

- Mengenal pasti bidang penting untuk tindakan selanjutnya.
- Penubuhan Rangkaian Komuniti Pembelajaran (NLC).
- Mulakan proses kajian, penghasilan dan ujian projek.
- Hasilkan pakej bagi bengkel, kursus atau perkongsian.



Inisiatif Kementerian dalam membina ekosistem pendidikan yang mesra, selamat, dan prihatin terhadap emosi warga pendidik.



Pembelajaran efektif bergantung pada hubungan guru-pelajar, budaya sekolah, dan nilai kemanusiaan.



Program CCE wajar diperkuat agar nilai-nilai seperti hormat, disiplin, dan tanggung jawab dapat lebih menjiwai diri pelajar.



Aktiviti karnival bahasa (sepanjang tahun) atau mingguan seperti "Citra Warna Bahasa" boleh memperkukuh penggunaan bahasa di luar bilik darjah.



Program Interaktif Kemahiran Bahasa Melayu secara sisipan 10 minit dalam kokurikulum untuk mengukuhkan kemahiran bertutur dan keyakinan pelajar.



Aspek budaya perlu diterapkan secara konsisten dalam bilik darjah untuk tujuan kelestarian warisan, membentuk pemikiran serta memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar.



Singapura memanfaatkan kekuatan sistem pendidikan Bahasa Ibunda melalui Pedagogi Berteraskan Budaya untuk membentuk jati diri pelajar.

Dr Mohamed Pitchay Gani Bin Mohamed Abdul Aziz
Maktab Rendah St Andrew

POSTER PERBINCANGAN



Program Penyerapan Bestari 2025 untuk Guru Kanan & Guru Peneraju di Serawak anjuran MLCS & UNIMAS

Membina Ekosistem Inkuiri Makmal PD

REFLEKSI REFLEKSI

Prestasi Memuaskan



Membuka ruang kepada penghayatan pelbagai teori dan pendekatan dalam PD guru berdasarkan kontinuum.

Menambah Nilai



Proses konkrit yang melahirkan persekitaran inkuiri yang proaktif dan reflektif. Ia merealisasikan amalan terbaik di Sarawak ke dalam konteks Singapura.

Perspektif Kritikal



Guru bertindak sebagai benteng yang menanam empati dan nilai kemanusiaan. Merangsang minat pelajar dan merapatkan jurang akar budaya sendiri.

Besar Potensi



Makmal PD membantu guru mengenali siapkah diri mereka yang sebenar dan peranan yang mereka mainkan di dalam dunia perguruan bahasa ibunda.

Profesionalisme Tinggi



Keseronokan dan kepuasan peserta membuktikan bahawa kualiti dan tanggungjawab boleh berjalan seiring dalam suasana yang positif dengan adanya kerangka kerja yang strategik.

"Guru tidak seharusnya berpuas hati dengan ilmu yang telah dimiliki. Sebaliknya, guru perlu sentiasa memperkasakan diri dengan meningkatkan kemahiran dan menimba pengetahuan baharu.

Keberanian untuk mengubah amalan pengajaran mengikut perkembangan semasa amat penting agar kita kekal relevan dan berkesan.

Sebagai Role Model [suri teladan], sikap guru akan menjadi teladan kepada pelajar. Jika guru menunjukkan semangat untuk belajar dan berubah, pelajar juga akan terdorong untuk mencontohi sikap tersebut."

(Refleksi Peserta)

Dr Mohamed Pitchay Gani Bin Mohamed Abdul Aziz
Maktab Rendah St Andrew

JAWATANKUASA PENGANJUR

MALAY LANGUAGE CENTRE OF SINGAPORE

BESTARI *Berbicara* 2026

Penasihat

Abdul Harris Sumardi

Pengarah Pusat

Pusat Bahasa Melayu Singapura

Jawatan Kuasa Utama

Siti Faridah Omar **-** *Guru Pakar*

Turut Menjayakan

Guru Pakar-Guru Pakar Pusat Bahasa Melayu Singapura

Rahmat Subadah

Muhammad Rafi Abu Bakar

Salina Hussin

Haryati Surana

Arshid Abdullah

SEKALUNG BUDI

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih dihulurkan kepada:

Pembentang Perkongsian

Eddayana Binte Abdullah - Sekolah Rendah Bukit View
Aidah Binte Hosni - Sekolah Rendah Fern Green
Najiyyah bte Mohamed Said - Sekolah Rendah Greenwood
Suriana Mohamed Bakri - Sekolah Rendah Kranji
Noraini Binte Karsani - Sekolah Rendah New Town
Elyani Mohamed - Sekolah Rendah Palm View
Norhidayana Jabar - Sekolah Rendah Punggol Green
Rahayu Mohamad Noor - Sekolah Rendah Rulang
Elyyah Kamsin - Sekolah Rendah Qihua
Juliana Binte Johari - Sekolah Rendah Qihua
Massuniza Binte Ismail - Sekolah Menengah Beatty
Zulkifli Bin Khamis - Sekolah Menengah Bendemeer
Muhammad Irwan Bin Jamal - Sekolah Menengah Hougang
Norhamidah Binte Hassan - Sekolah Geylang Methodist (Menengah)
Julaiha Haron - Sekolah Menengah Punggol
Dr Nor Hanisah Bte Saphari - Maktab Rendah Catholic
Dr Mohamed Pitchay Gani Bin Mohamed Abdul Aziz - Maktab Rendah St Andrew

Pengacara Majlis

Rita Zarina Binte Mohamed Nazeer - Sekolah Menengah Marsiling

dan sesiapa sahaja yang terlibat secara langsung atau tidak dalam menjayakan perancangan, pengurusan dan pelaksanaan Program Bestari Berbicara 2026.

MALAY LANGUAGE CENTRE OF SINGAPORE

Ministry of Education SINGAPORE

Academy of Singapore Teachers
lead. care. inspire.

BESTARI Berbicara 2026

PUSAT BAHASA MELAYU SINGAPURA
AKADEMI GURU SINGAPURA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN SINGAPURA